

NILAI BUDI DALAM CERITA ASAL USUL MELALUI TEKS  
*SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI  
PENGKALAN DATU, KELANTAN*

NUR ANIS IZZATTI BINTI NORIDZULHATA

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA  
MALAYSIA  
KELANTAN

2022



**NILAI BUDI DALAM CERITA ASAL USUL MELALUI TEKS  
SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI  
PENGKALAN DATU, KELANTAN**

**NUR ANIS IZZATTI BINTI NORIDZULHATA**

**TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN  
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

(Mengandungi maklumat sulit di bawah  
Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang  
ditetapkan oleh organisasi di mana  
penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

Tandatangan

990706065240  
No. Kad Pengenalan  
Tarikh: 22 Februari 2022

Tandatangan

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob  
Nama Penyelia  
Tarikh: 28 Februari 2022

## PENGHARGAAN

Assalamu'alaikum Dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan izinNya, dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana telah berjaya mengatasi segala masalah dan kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob selaku penyelia projek penyelidikan yang tidak pernah jemu untuk memberikan tunjuk ajar dan membimbing saya sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada saya dan rakan-rakan untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Selain itu, terima kasih juga kepada pihak Penerbit Universiti Malaysia Kelantan kerana telah mengeluarkan buku yang berjudul *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan sekaligus telah memudahkan saya untuk melaksanakan tugas ini.

Selain itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa saya yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu juga, tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu semasa menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi peluang kepada saya untuk melangkah lebih jauh dalam bidang kesusasteraan dengan lebih terperinci.

Sekian, terima kasih.

Nur Anis Izzatti Binti Noridzulhata  
109A, Kampung Bukit Gajah Pelangai,  
28740 Bentong, Pahang.  
017-9876181  
[izzatti.c18a0265@siswa.umk.edu](mailto:izzatti.c18a0265@siswa.umk.edu)

## JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA	vii
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Definisi Operasional	12
1.7.1 Definisi Nilai	12
1.7.2 Definisi Budi	13
1.7.3 Definisi Cerita Asal Usul	13
1.7.4 Definisi Naratif Lisan	14
1.8 Organisasi Kajian	16
1.9 Penutup	18
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Pengkajian Cerita Rakyat Di Malaysia	19
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu	42
2.4 Penutup	51
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	52
3.2 Reka Bentuk Kajian	52
3.3 Kaedah Kajian	53
3.3.1 Kajian Kepustakaan	53
3.3.2 Rujukan Teks/ Dokumen	53
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu	54
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah	54
a) Pendekatan Gunaan	56
b) Pendekatan Moral	57
c) Pendekatan Firasat	58
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan	59

	a) Pendekatan Dakwah	60
	b) Pendekatan Kemasyarakatan	61
	c) Pendekatan Seni	62
3.5	Kerangka Teorikal	63
3.6	Penutup	64
<b>BAB 4 : ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pendahuluan	65
4.2	Nilai Baik Hati	65
	4.2.1 Sikap Pemurah	66
	4.2.2 Sikap Belas Kasihan	68
	4.2.3 Sikap Bertimbang Rasa	73
	4.2.4 Sikap Pemaaf	76
4.3	Nilai Berdikari	79
	4.3.1 Sikap Yakin Pada Diri	79
4.4	Nilai Hemah Tinggi	81
	4.4.1 Sikap Sedar Akan Kesilapan	82
4.5	Nilai Hormat-Menghormati	84
	4.5.1 Sikap Menghormati Hak Orang Lain	85
	4.5.2 Sikap Menghormati Raja dan Pemimpin	87
	4.5.3 Sikap Bertolak Ansur	90
4.6	Nilai Kasih Sayang	91
	4.6.1 Sikap Sayangi Nyawa	91
4.7	Nilai Keadilan	94
	4.7.1 Sikap Adil dan Saksama	95
4.8	Nilai Keberanian	97
	4.8.1 Sikap Berani Mempertahankan Hak	97
4.9	Nilai Kerajinan	99
	4.9.1 Sikap Yakin Pada Diri	99
4.10	Nilai Kerjasama	103
	4.10.1 Sikap Tanggungjawab Bersama	103
4.11	Nilai Kesyukuran	109
	4.11.1 Sikap Merendah Hati	109
	4.11.2 Sikap Saling Menghargai	112
4.12	Nilai semangat Bermasyarakat	115
	4.12.1 Sikap Tolong-Menolong	116

4.13 Penutup	120
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
5.1 Pendahuluan	121
5.2 Rumusan	121
5.3 Implikasi	124
5.3.1 Implikasi Kepada Pengkaji	124
5.3.2 Implikasi Kepada Masyarakat	124
5.3.3 Implikasi Kepada Golongan Pelajar	125
5.4 Cadangan	126
5.4.1 Memupuk Nilai Budi Melalui Cerita Asal Usul Kepada Kanak-Kanak	126
5.4.2 Memartabatkan Cerita Asal Usul Dalam Institusi Pendidikan	126
5.4.3 Memartabatkan Cerita Asal Usul Melalui Teknologi Multimedia	127
5.5 Penutup	128
RUJUKAN	129
BIODATA PENULIS	135

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**SENARAI JADUAL**

	<b>HALAMAN</b>
Jadual 1.5.1: Tajuk Cerita Rakyat dan Jenis Genre	8
Jadual 3.4.1: Ciri-Ciri Pendekatan Gunaan	56
Jadual 3.4.2: Ciri-Ciri Pendekatan Moral	57
Jadual 3.4.3: Ciri-Ciri Pendekatan Firasat	58
Jadual 3.4.4: Ciri-Ciri Pendekatan Dakwah	60
Jadual 3.4.5: Ciri-Ciri Pendekatan Kemasyarakatan	61
Jadual 3.4.6: Ciri-Ciri Pendekatan Seni	62

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI CARTA	HALAMAN
Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah	55
Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan	59

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SENARAI RAJAH

HALAMAN

Rajah 3.5.1: Kerangka Teoritikal

63



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan***

**Abstrak**

Cerita asal usul adalah cerita rakyat paling tua dalam masyarakat Melayu. Selain itu, cerita asal usul menceritakan tentang asal kejadian alam semesta, haiwan serta sesuatu tempat. Berdasarkan sorotan kajian lepas tentang nilai budi, masih terdapat kelompongan daripada pengkaji lepas terhadap nilai budi melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti dan menganalisis nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 20 cerita asal usul antaranya adalah *Asal Usul Datu, Musibah Di Kampung Pulau Gajah, Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu, Simbolik Rebana* serta *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989). Bagi mengukuhkah kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga pendekatan daripada Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah menemukan beberapa nilai budi seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kerajinan, nilai kerjasama dan nilai kesyukuran. Oleh itu, nilai-nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul dapat membantu dalam membentuk akhlak dan keperibadian dalam kalangan masyarakat Melayu serta mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera.

Kata Kunci : Cerita Asal Usul, Nilai Budi, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

The Values in The Origin Story throughout the Text of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan.*

### Abstract

The origin story is the oldest folktale in Malay society. In fact, the origin story tells about the origin of the universe, animals and a place. Based on the previous studies on the value of courtesy, there are still some disparity from previous researchers over the values through the text of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. Therefore, the main objective for this research is to identify and analyze the values in the origin story based on the text of *A Strand of Oral Narrative At Pengkalan Datu River Basin, Kelantan*. The research material used in this study consists of 20 origin stories, among them are *Asal Usul Datu*, *Musibah Di Kampung Pulau Gajah*, *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, *Simbolik Rebana* and *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*. The researchers has used qualitative methods and applied Malay Methodology Theory that has been introduced by Hashim Awang (1989). Hence, for support this study, the researcher use only three methods from the Malay Methodology Story which is particularly the moral approach, the social approach and the dakwah approach. As a result of this study, researchers have found several values such as the value of kindness, the value of self-reliance, the value of generosity, the value of appreciation, the value of affection, the value of honesty, the value of courage, the value of enthusiastic, the value of alliance and the value of gratuity. As a conclusion, the values contained in origin story can help to improve the morals and the personality among our Malay community as well as creating a harmonious and prosperous life.

Keywords: Origin Story, Values, Malay Methodology Theory

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Secara umumnya, Dorson (1973) telah berpendapat bahawa istilah seperti kesusasteraan lisan, seni pertuturan, atau kesusasteraan ekspresif disebut sebagai sastera rakyat. Hal ini kerana ketiga-tiga istilah tersebut telah meliputi bahasa dan ungkapan rakyat seperti peribahasa yang diwarisi dari satu zaman ke zaman seterusnya secara lisan tanpa mengetahui siapa penciptanya. Selain itu, Hashim Awang (1987) telah berpendapat bahawa kesusasteraan adalah suatu ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Beliau juga telah menyatakan bahawa kesusasteraan adalah sastera lisan iaitu dipertuturkan dan sastera tulisan iaitu ditulis. Di samping itu, Ali Ahmad (1994) pula menjelaskan asal perkataan sastera adalah daripada bahasa Sanskrita iaitu *castra* yang disebut sebagai *syasra* yang membawa maksud *kitab suci* manakala susastera pula ditakrifkan sebagai seni sastera atau seni bahasa atau lebih tepat persuratan. Penambahan imbuhan ‘ke’ pada awal dan imbuhan ‘an’ pada akhir perkataan susastera telah membawa maksud kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah. Namun begitu, pendefinisan kesusasteraan berdasarkan pendapat Muhammad Haji Salleh (1995) pula adalah karya lisan dan tulisan disampaikan melalui bahasa.

Disamping itu juga, naratif lisan merupakan Kesusastraan Melayu Tradisional yang menjadi milik masyarakat bersama. Hal ini disebabkan oleh penyampaiannya adalah secara lisan dan diwarisi dari generasi ke generasi yang lain. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), naratif lisan merupakan wadah untuk masyarakat Melayu dahulu mengajar anak-anaknya tentang prinsip hidup, adat, pantang larang dan kepercayaan. Oleh itu, kaedah yang paling sesuai digunakan oleh masyarakat terutamanya golongan ibu bapa dalam memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mereka adalah melalui pengajaran dan iktibar yang diperolehi melalui cerita rakyat.

Tambahan pula, cerita rakyat adalah warisan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Mohd Taib Osman (1976) telah berpendapat bahawa cerita rakyat merupakan suatu warisan yang diperkembangkan daripada generasi dahulu kepada generasi akan datang dengan menggambarkan ketamadunan masyarakat melayu terdahulu. Beliau juga berpendapat bahawa cerita rakyat bersifat kolektif namun begitu ianya juga sebahagian daripada warisan yang menjadi milik sesebuah masyarakat. Cerita rakyat juga merupakan dikatakan sebagai kebudayaan dalam sesebuah masyarakat kerana saling berkait dengan kepercayaan, kekeluargaan dan nilai sosial. Selain itu, masyarakat dahulu menggunakan cerita rakyat sebagai medium penyebaran ilmu untuk mendidik anak-anak. Hal ini dibuktikan melalui penerapan nilai-nilai murni dan pengajaran dalam sesebuah cerita rakyat.

Selain itu, cerita asal usul merupakan antara yang terkandung dalam cerita rakyat. Menurut Aripin Said (1996), cerita asal usul dikatakan antara cerita rakyat yang tertua dalam kategori sastera lisan yang wujud dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, merujuk *Kamus Dewan* (2016) asal usul merupakan salasilah, asal keturunan atau peringkat awal dan permulaan. Justeru itu, cerita asal usul dikatakan unik dan menarik kerana kebanyakannya menceritakan tentang asal kejadian alam semesta,

manusia, haiwan, peristiwa dan sesuatu tempat. Oleh itu, dalam cerita asal usul juga turut menyelitkan pelbagai nilai untuk dijadikan sebagai panduan dan ikutan kepada masyarakat.

Akhir sekali, menurut Zaidi Daud (1996) budi bermaksud peribadi insan yang mulia. Selain itu, dalam *Kamus Dewan* (2016) telah mendefinisikan budi sebagai kebijaksanaan atau perangai, tingkah laku dan perbuatan baik. Namun begitu, pentakrifan budi dalam Islam pula adalah adab dan kesantunan yang melambangkan ciri-ciri orang beriman. Justeru itu, nilai budi dalam sesebuah masyarakat adalah sangat penting bagi mewujudkan yang perpaduan yang kukuh antara masyarakat majmuk yang berbilang kaum. Oleh itu, antara nilai budi yang menggambarkan keperibadian masyarakat Melayu adalah seperti bercakap dengan sopan dan tidak kasar, sentiasa meminta maaf apabila melakukan kesalahan serta mengutamakan orang yang lebih tua dalam setiap urusan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji telah mendapati bahawa kajian terhadap nilai-nilai seperti nilai budi, nilai murni dan nilai keislaman terhadap cerita rakyat telah banyak dilaksanakan oleh para sarjana. Antara kajian yang pernah dilaksanakan ialah seperti *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaakob dan Normaliza Abd Rahim (2016), *Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaakob (2020) serta *Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaakob (2020). Namun begitu, setelah beberapa penelitian yang telah dilakukan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji telah mendapati bahawa pengkajian melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* masih terdapat kelomongan dari segi nilai budi. Hal ini dikatakan kerana teks daripada buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* baru sahaja diterbitkan pada tahun 2021.

Justeru itu, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji hanya memilih cerita asal usul daripada teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* memandangkan cerita tersebut masih baru diterbitkan dan kurang diberikan perhatian daripada para pengkaji untuk melakukan kajian. Oleh itu, pengkajian terhadap cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menjadi pilihan kerana mengandungi banyak nilai budi yang dapat dijadikan sebagai tauladan dan pengajaran kepada masyarakat dalam membentuk keperibadian yang mulia dan jati diri yang tinggi.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat satu kajian yang hampir sama dengan pengkajian nilai budi iaitu kajian mengenai *Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan* hanya yang dilaksanakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2020). Dalam kajian tersebut, pengkaji hanya menghuraikan akal budi melalui 4 tindakan iaitu tindakan rasional, tindakan berani kerana benar, tindakan daya usaha dan tindakan ikhlas. Oleh itu, kajian tersebut hanya memberikan pendedahan kepada masyarakat dan generasi baru tentang akal budi yang terdapat dalam cerita Melayu.

Justeru itu, sebagai seorang pengkaji baru, pengkaji akan melaksanakan satu kajian mengenai nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul melaui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Bagi melaksanakan kajian tersebut, pengkaji akan mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, menerusi kajian ini, pengkaji telah menemukan beberapa nilai budi iaitu, berdikari, kerajinan dan kesyukuran.

Secara kesimpulannya, melalui kajian mengenai *Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, pengkaji dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat dan pembaca terhadap nilai-nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul sekaligus menjadikannya sebagai bahan rujukan kepada pengkaji yang lain.

### 1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Apakah nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul berdasarkan teks

*Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.3.2 Bagaimanakah nilai budi dapat diterapkan dalam cerita asal usul berdasarkan

teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Mengenal pasti nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*

1.4.2 Menganalisis nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*



### 1.5 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk melakukan kajian secara besar dan meluas. Oleh itu, pengkaji telah melakukan kajian berdasarkan beberapa teks daripada buku yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang berjudul *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terbitan Universiti Malaysia Kelantan. Di dalam buku tersebut, penulis telah mengehadkan keseluruhan naratif lisan melalui beberapa buah kampung yang berhampiran dengan Kampung Pengkalan Datu.

Berdasarkan cerita asal usul yang terkandung dalam buku tersebut, terselitnya banyak nilai budi seperti hormat-menghormati, baik hati, kesyukuran dan kerajinan. Nilai budi yang diselitkan dalam cerita-cerita asal-usul dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang mulia terhadap masyarakat. Justeru itu, pengkaji telah membataskan kajiannya dengan meneliti 20 cerita asal usul.

Tajuk Cerita Rakyat	Jenis Genre
<i>Asal Usul Datu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Asal Usul Wakaf Aik</i>	Cerita Asal Usul
<i>Asal Usul Kampung Babong</i>	Cerita Asal Usul
<i>Pokok Tanjung dan Alat Muzik Yang Bisu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Kota Jembal</i>	Cerita Asal Usul
<i>Kain Sutera Cina</i>	Cerita Asal Usul
<i>Pertahanan Benteng Pengkalan Datu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Kegemilangan Pengkalan Datu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Simbolik Rebana</i>	Cerita Asal Usul
<i>Terhempasnya Zero Fighter Jepun di Ti Lebar</i>	Cerita Asal Usul
<i>Rumah Api Penyelamat Saudagar</i>	Cerita Asal Usul
<i>Musibah di Kampung Pulau Gajah</i>	Cerita Asal Usul
<i>Pengaruh Baharu di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani</i>	Cerita Asal Usul
<i>Keasyikan Suara Buluh Perindu</i>	Cerita Asal Usul
<i>Penubuhan Dua Pentadbiran di Temasik</i>	Cerita Asal Usul
<i>Serangan Basikal Berkuasa Genetik di Pantai Mek Mas</i>	Cerita Asal Usul

<i>Kepesatan Pengkalan Parit</i>	Cerita Asal Usul
<i>Lipat Sanggul Petempatan Residen British</i>	Cerita Asal Usul

Jadual 1.5.1: Tajuk Cerita Rakyat dan Jenis Genre

Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori Pengkaedahan Melayu menjadi pilihan dalam kajian ini kerana ianya berlandaskan kehidupan manusia yang meliputi gaya hidup, kepercayaan dan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. Teori ini telah dipecahkan kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Namun begitu, pengkaji membataskan penggunaan teori dengan hanya menggunakan pendekatan kemasyarakatan, pendekatan moral dan pendekatan dakwah untuk meneliti tentang nilai budi terhadap pembentukan akhlak dalam kalangan masyarakat.

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan utama penyelidikan ini adalah untuk menyampaikan kepada khalayak dan para pengkaji terhadap nilai budi dalam cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Hal ini dikatakan kerana pengkajian terhadap nilai budi yang terkandung dalam cerita asal wajar dilaksanakan kerana ianya kurang diberikan perhatian kepada para pengkaji memandang teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* adalah sebuah teks yang baru diterbitkan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk menyampaikan kepada khalayak tentang pengajaran yang diperolehi melalui penelitian terhadap nilai budi yang terdapat cerita asal usul. Secara tidak langsung, nilai budi yang diselitkan dalam cerita asal usul dapat membantu dalam membentuk keperibadian yang baik dalam diri seseorang.

Disamping itu, kajian ini juga telah menunjukkan kepentingannya terhadap institusi pendidikan. Hal ini dikatakan kerana teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* bukan sekadar mengadungi cerita asal usul, malah ianya juga mengandungi cerita-cerita rakyat yang lain seperti cerita mistik, cerita tokoh dan cerita haiwan. Cerita-cerita yang terdapat dalam *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mendedahkan banyak nilai dan pengajaran dalam setiap penceritaannya. Selain itu, penerapan nilai budi dalam cerita asal usul boleh dijadikan sebagai tauladan dan contoh kepada golongan pelajar sekaligus mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang terbilang. Akhir sekali, penyelidikan ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji dan para pelajar dalam lain dalam meneliti dan mengkaji tentang nilai budi dan cerita asal usul.

Akhir sekali, kajian ini juga telah menunjukkan kepada penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menganalisis nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul. Faktor pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pengukuh kajian ini adalah disebabkan oleh kesesuaian pendekatan yang terdapat dalam teori tersebut. Hal ini dikatakan kerana pendekatan-pendekatan daripada Teori Pengkaedahan Melayu sangat berkait rapat dengan masyarakat serta ianya juga mempunyai idea utama dalam merungkaikan nilai-nilai yang melambangkan masyarakat Melayu. Oleh itu, dalam penelitian terhadap nilai budi, pengkaji mengaplikasikan tiga pendekatan iaitu pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan.



## 1.7 Definisi Operasional

Dalam sesebuah kajian yang bersifat sistematik, seharusnya mempunyai penetapan yang jelas bagi setiap istilah yang dikemukakan dalam melaksanakan kajian ini. Maksud definisi operasional adalah batasan pengertian yang dijadikan sebagai ukuran dalam menyelesaikan suatu penyelidikan atau kajian. Oleh itu, berdasarkan tajuk kajian ini, terdapat empat istilah yang digunakan bagi menggambarkan keseluruhan kajian ini.

### 1.7.1 Nilai

Perkataan nilai pada kebiasaanya sering digunakan dalam bahasa Inggeris iaitu *value* sedangkan dalam bahasa Latin pula ianya disebut sebagai *valere*. Namun begitu, perkataan nilai dalam konteks bahasa membawa maksud sesuatu yang berharga dalam kehidupan manusia.

Dalam konteks sastera, menurut Jules Henry (1975) maksud nilai adalah sesuatu perkara yang menujukkan kepada kebaikan seperti kasih sayang, baik hati dan kejujuran. Selain itu, menurut Wan Abdul Kadir (2000) nilai merupakan ukuran kepada perbuatan yang baik atau buruk, halus atau kasar seseorang individu. Tambahan pula, Zainal Abidin Borhan (2001) telah menjelaskan maksud nilai sebagai kelakuan atau perbuatan yang menggambarkan kehidupan sosial masyarakat yang berbudaya. Di samping itu, nilai juga merupakan pengukur kepada perlakuan yang baik atau jahat, yang kasar atau halus, tinggi atau rendah serta cantik atau sebaliknya yang kelaziman dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, ianya boleh disimpulkan melalui cara masyarakat Melayu menerapkan nilai-nilai seperti nilai murni, nilai moral, nilai budi dan nilai agama melalui cerita-cerita rakyat, lagu rakyat dan genre sastera yang lain.

### 1.7.2 Budi

Menurut Teuku Iskandar (1970) perkataan budi adalah berasal bahasa Sanskrit iaitu *Buddi* yang bermaksud bijak, pekerti baik dan mulia. Tambahan pula, Mustafa Haji Daud (1995) pula telah menyatakan apabila perkataan budi ditambah dengan ‘*man*’ pada akhir perkataan akan menjadi budiman yang dimaksudkan sebagai seseorang yang budi bahasa, matang dan bijak dalam melakukan sesuatu keputusan.

Selain itu, Imam Al-Ghazali (2002) telah mentakrifkan budi sebagai sesuatu perbuatan yang berasaskan kepada pertimbangan hawa nafsu, akal dan kesantunan setiap individu. Namun begitu, pendefinisan budi sepertimana yang terdapat dalam *Kamus Dewan* (2005) adalah kebijaksanaan, tingkah laku serta perwatakan yang tersemat dalam diri seseorang.

Justeru itu, amalan berbudi dalam kalangan masyarakat Melayu adalah sangat penting kerana ia lambang kepada masyarakat yang bertamadun dan boleh dijadikan sebagai contoh kepada masyarakat lain. Oleh itu, individu yang berbudi dalam kehidupan bermasyarakat akan menonjolkan sikap-sikap yang positif seperti bertimbang rasa, bersopan santun, bertolak ansur dan ramah mesra.

### 1.7.3 Cerita Asal Usul

Cerita asal usul dikatakan sebagai cerita rakyat kerana ianya diwarisi dari generasi ke generasi akan datang sepertimana pendapat daripada Mohd Taib Othman (1976) yang mengatakan bahawa cerita rakyat adalah salah satu warisan yang diperturunkan dari generasi kepada generasi akan datang dan sehingga kini ianya masih diminati oleh segelintir masyarakat pada masa kini. Tambahan pula, Ismail

Hamid (1987) telah berpandangan bahawa cerita rakyat asal usul juga dapat memberikan gambaran kepada asal usul kehidupan dan budaya masyarakat tradisi.

Disamping itu, Aripin Said (1996) telah menjelaskan cerita asal usul sebagai salah satu cerita rakyat yang tertua di antara kategori sastera lisan yang wujud dalam masyarakat Melayu. Walaupun cerita asal usul adalah yang tertua, akan tetapi ia merupakan cerita yang sangat menarik dan unik kerana menjelaskan tentang asal kejadian alam semesta, manusia binatang dan sesuatu tempat. Justeru itu, cerita asal usul akan disampaikan oleh tukang cerita atau penglipur lara tentang sesuatu perkara yang logik dan boleh diterima oleh pendengar. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016) asal usul ditakrifkan sebagai salasilah atau asal keturunan seseorang.

Oleh hal demikian, dapat disimpulkan bahawa cerita asal usul mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan manusia terutamanya masyarakat melayu suatu masa dahulu kerana mereka telah menganggap bahawa mitos dan lagenda itu sesuatu yang benar.

#### 1.7.4 Naratif Lisan

Naratif lisan merupakan kesusasteraan Melayu yang disampaikan secara lisan iaitu dari mulut ke mulut. Naratif lisan juga terbahagi kepada tiga genre iaitu mitos, lagenda dan cerita rakyat.

Menurut Siti Zubaidah Zikeria (2015) naratif lisan merupakan medium penuturan yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu lebih gemar memilih kaedah penuturan berbanding penulisan kerana, penyampaiannya akan lebih cepat dan mudah difahami. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izzani Abd Ghani Shahariah Norain

Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) telah menyatakan bahawa naratif lisan adalah antara kaedah komunikasi yang sering digunakan oleh ibu bapa suatu masa dahulu untuk mendidik anaknya. Disamping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menjelaskan naratif lisan sebagai suatu kebudayaan yang menjadi ikutan kepada masyarakat Melayu suatu masa dahulu dalam memberi tunjuk ajar kepada anak-anak mengenai prinsip kehidupan, adat, pantang larang serta kepercayaan yang menjadi pegangan teguh kepada masyarakat dahulu.

Oleh itu, melalui pandangan daripada sarjana terhadap definisi lisan dapat dirumuskan bahawa masyarakat Melayu suatu masa dahulu menyelitkan unsur jenaka, nashiat, dan pengajaran dalam mendidik dan mengajar anak-anak melalui genre-genre yang terdapat dalam naratif lisan.

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini telah dibahagikan kepada 5 bab. Dalam bab pertama, pengkaji akan menjelaskan pengenalan ringkas tentang topik yang dikaji seperti definisi nilai budi, cerita rakyat, cerita asal usul dan naratif lisan yang akan diperkuuhkan dengan pandangan daripada tokoh. Selain itu, pengkaji turut menyatakan persoalan kajian, objektif kajian serta pernyataan masalah yang menjadi titik permulaan penyelidikan ini. Akhir sekali, dalam bab ini juga turut dinyatakan batasan kajian iaitu berfokuskan kepada 20 cerita asal usul yang terdapat dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

Seterusnya dalam bab 2 pula, pengkaji akan menyentuh tentang sorotan kajian lalu yang dilakukan oleh penulis tempatan mahupun antarabangsa. Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti 40 pengkajian cerita rakyat di Malaysia dan 20 pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu.

Kemudian dalam bab 3, pengkaji telah menyatakan bahawa penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif untuk mencari maklumat dan data tentang nilai budi berdasarkan cerita asal usul. Selain itu, pengkaji juga menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks.

Selain itu, dalam bab 4 pula pengkaji akan menyatakan dapatan kajian serta perbincangan. Dalam bab ini pengkaji akan menganalisis nilai budi yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*.

Akhir sekali, dalam bab 5 pengkaji akan merumuskan kajiannya terhadap nilai budi terhadap pembentukan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu juga, pengkaji juga menyelitkan cadangan dan implikasi yang diperolehi terhadap kajian ini.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya adalah kajian ini telah menekankan nilai budi dalam naratif lisan terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Amalan berbudi bahasa dalam sesebuah masyarakat adalah sangat penting kerana ianya merupakan cerminan dan lambang kepada tingginya keperibadian seseorang. Disamping itu juga, penerapan nilai budi yang diselitkan dalam cerita rakyat asal usul ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam pembentukan akhlak dalam dalam masyarakat Melayu terutamanya golongan kanak-kanak. Hal ini disebabkan oleh kanak-kanak lebih mudah dibentuk dengan menerapkan nilai-nilai budi, nilai keislaman nilai moral dan nilai murni dalam dirinya. Akhir sekali, dengan melakukan kajian tentang cerita rakyat asal usul ini secara tidak langsung ianya telah menggalakkan pengkaji dan khalayak untuk terus memelihara harta warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang sejak zaman dahulu lagi.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pendahuluan

Pada bab yang kedua ini, pengkaji akan membincangkan sorotan kajian atau kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Oleh itu, pengkaji telah membahagikan sorotan ini kepada dua pecahan iaitu pengkajian cerita rakyat di Malaysia serta pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian sastera.

#### 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat di Malaysia

Kajian mengenai *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) menitikberatkan nilai jati diri dalam ketamadunan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat Melayu. Permasalahan dalam kajian ini adalah bermula daripada pandangan Mohd Taib Osman (1976) yang menyatakan bahawa kedudukan sastera rakyat di Malaysia semakin tergugat dengan teknologi masa kini. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti nilai jati diri melalui cerita rakyat Melayu. Selain itu, penelitian ini dibataskan kepada beberapa buah cerita rakyat Melayu seperti *Awang Si Malim, Orang Sombong Selalu Rugi, Keling, Cau Pandan Hendak Menyerang Melaka, Pak Pandir Mandikan Anak, Nakhoda Tanggang, Takar Emas dan Burung Garuda Ganas*. Kajian ini diperkuuhkan lagi dengan menggunakan Teori Ekologi Budaya. Akhir sekali, kajian ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan cerita-cerita

rakyat Melayu mampu untuk meningkatkan semangat jati diri dan dapat membentuk akhlak yang baik dalam kalangan masyarakat melalui nilai-nilai positif.

Perbincangan yang seterusnya berkenaan dengan *Gaya Penyampaian Jalan Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar yang dilaksanakan* oleh Siti Zuhaidah Zakeria (2015). Pengkajian ini bertujuan bagi menganalisis dan mengenal pasti gaya penyampaian cerita rakyat kanak-kanak dalam *Majalah Dewan Pelajar*. Permasalah yang diperolehi adalah kurangnya kemahiran terhadap teknik penulisan serta kefahaman tentang jiwa kanak-kanak dalam diri segelintir penulis. Bagi memurnikan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak. Kajian ini juga merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Hasilnya, dengan adanya gaya penyampaian yang baik dapat memberikan galakan kepada kanak-kanak lebih bersemangat untuk membaca dan meminati cerita rakyat.

Kajian terhadap *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang dilaksanakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) menumpukan kepada nilai murni yang terdapat dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Selain itu, penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan bagi menganalisis dan merumuskan nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terdapat dalam buku *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Sehubungan dengan itu, kajian ini juga berbentuk kaedah kualitatif dan mengaplikasikan empat konsep yang dapat dalam Falsafah Pendidikan Negara. Hasil yang diperolehi telah menunjukkan bahawa sebanyak enam belas nilai murni dijadikan sebagai panduan dan sandaran keada masyarakat dalam mengukur kebudayaan Melayu. Oleh itu, ianya dapat dirumuskan bahawa kekayaan nilai murni dalam cerita rakyat dijadikan sebagai gambaran dan pegangan kepada masyarakat Melayu.

Kajian yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) pula membincangkan tentang sebuah topik yang bertajuk *Cadangan Memartabatkan Cerita Rakyat*. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada perbincangan secara mendalam dan terperinci terhadap kepentingan cerita rakyat Melayu diseluruh antarabangsa sebagai suatu medium pendidikan kepada masyarakat. Objektif utama kajian ini adalah mengemukakan dan membincangkan beberapa cadangan untuk terus memartabatkan serta memelihara cerita rakyat Melayu. Oleh itu, hasil daripada kajian tersebut, telah menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu mengandungi pelbagai nilai murni yang boleh dijadikan sebagai pengajaran serta membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) juga telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk *Impak Cerminan Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Kearah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat*. Kajian ini lebih menumpukan kepada peranan masyarakat untuk berfikiran rasional dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu melalui teknologi multimedia seperti audio, visual, grafik dan video. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menganalisis seni budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu untuk memelihara cerita-cerita rakyat di Malaysia dalam bentuk teknologi multimedia. Oleh itu, hasil daripada kajian ini adalah pengkaji mendapati bahawa dengan adanya nilai budaya yang tigi serta kemajuan teknologi multimedia dapat membuat cerita rakyat Melayu disampaikan dengan lebih menarik dan berkesan yang seiring dengan teknologi masa kini.

Kajian terhadap *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* hasil kajian daripada Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) telah menumpukan kepada

kepentingan nilai-nilai murni seperti nilai baik hati dalam kalangan etnik Melayu melalui cerita-cerita rakyat. Selain itu, tujuan perlaksanaan kajian adalah untuk menganalisis nilai murni baik hati melalui sifat bertimbang rasa, peramah, belas kasihan dan pemaaf yang terkandung di dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini disebabkan oleh nilai baik hati dapat dijadikan contoh kepada pendidikan dalam kalangan masyarakat Melayu. Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji hanya membataskan kepada empat cerita rakyat sahaja iaitu *Raja Kuyuk, Isteri Yang Bongkak, Bismillah* dan *Tuan Puteri Si Helang Bakau*. Oleh itu, hasil daripada kajian ini jelaslah bahawa nilai baik hati sangat tepat untuk dijadikan sebagai salah satu perantaraan bagi pembentukan keperibadian yang baik dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, dalam kajian yang berjudul *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan Pelajar Korea* yang telah dihasilkan oleh Normaliza Abd Rahimi, Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor (2016) lebih tertumpu kepada persepsi murid terhadap cerita rakyat Melayu. Penyelidikan ini menumpukan kepada persepsi murid terhadap cerita rakyat Melayu. Tujuan penyelidikan ini adalah dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan pandangan pelajar tentang kesusasteraan rakyat Melayu. Responden dalam penyelidikan ini terdiri daripada 20 subjek murid daripada Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Kajian ini telah menggunakan analisis wacana yang dicetuskan oleh Brown & Yule (1983). Hasil daripada temubual tersebut telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dapat membuat andaian, implikasi dan rumusan terhadap tiga buah cerita tersebut. Oleh itu, memandangkan kesemua cerita tersebut mudah untuk difahami dan menarik, telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar Korea juga meminati dan menyukai cerita rakyat.

Dalam kajian yang dihasilkan oleh Mohd Fahmi Bin Ismail (2016) terhadap *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* membincangkan tentang nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar agar dapat memaparkan ciri-ciri keistimewaan dan keunikan budaya mereka. Hasil daripada penelitian, pengkaji mendapatkan bahawa masih tiada kajian-kajian tentang cerita rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar ini dilakukan. Tujuan Penyelidikan ini dilaksanakan adalah bagi mendokumentasi *cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang*, menganalisis dan merumuskan nilai budaya dalam cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang. Bagi mengukuhkan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Sastera Warisan. Selain itu, penelitian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Hasilnya telah menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli Temiar berpegang kepada 11 nilai budaya.

Kajian yang dihasilkan oleh Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) terhadap *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak* membincangkan tentang cerita rakyat sebagai salah satu genre kesusasteraan yang memainkan peranan penting dalam ekspresi budaya masyarakat yang meliputi kepercayaan, gaya hidup dan peraturan dalam masyarakat dahulu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis kelanjutan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak. Pengkaji telah membataskan kajiannya dengan menggunakan buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Selain itu, penyelidikan ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa tiga unsur budaya seperti kepercayaan,

perubatan dan seni budaya ekspresif telah menggambarkan kebudayaan masyarakat Pantai Timur melalui penerapan nilai didikan.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) terhadap *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* telah membahaskan mengenai nilai kejujuran yang terkandung di dalam cerita rakyat seperti seperti sikap bercakap benar, amanah dan ikhlas. Selain itu, permasalahan dalam kajian ini adalah tiada penerokaan dan pengamatan yang sepenuhnya terhadap kesusasteraan rakyat. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis contoh cerminan moral wujud dalam masyarakat Melayu melalui cerita rakyat. Oleh itu, bagi mengukuhkan lagi tujuan kajian ini, para pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan dakwah kerana pendekatan tersebut lebih memfokuskan kepada nilai murni yang menjadi asas kehidupan masyarakat Melayu. Justeru itu, kajian mengenai cerminan moral dalam masyarakat Melayu telah dibataskan dengan menganalisis beberapa cerita rakyat seperti *Penjual Api Yang Lurus*, *Raja Kuyuk*, *Seuncang Padi Awang Yang Lurus*, dan *Padi Berbuah Emas*. Akhir sekali, nilai kejujuran yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu telah membuktikan nilai murni dalam kehidupan diamalkan oleh masyarakat Melayu pada suatu masa dahulu bagi mengcapai sebuah kehidupan yang sejahtera.

Selanjutnya kajian dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) mengenai *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Melayu Diselenggara oleh Aripin Said dan Othman Puteh* dilakukan oleh membincangkan tentang nilai murni yang dapat mempengaruhi pembentukan keperibadian dan perlakuan seseorang. Oleh itu, objektif kajian dalam penyelidikan dibahagikan kepada tiga iaitu mengenal pasti dan

menganalisis serta membuat rumusan terhadap nilai murni yang terkandung dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Disamping itu, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan kualitatif sebagai petunjuk dalam perlaksanaan kajian ini. Penyelidikan tentang nilai-nilai murni melalui cerita rakyat diperkuuhkan lagi dengan penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap konsep intelek, emosi dan rohani. Oleh itu, hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa terselitnya banyak nilai-nilai murni dalam cerita rakyat dalam membentuk tingkah laku dan keperibadian dalam kalangan masyarakat.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) tentang *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan*. Kajian tersebut memfokuskan kepada peranan sebagai aset apresiasi untuk menyampaikan pengetahuan yang terkandung di dalam cerita rakyat kepada masyarakat terhadap kebudayaan, sejarah dan pengalaman hidup. Objektif kajian ini telah ditetapkan iaitu mengenal pasti serta menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan yang terselit dalam cerita rakyat. Penganalisisan terhadap kedua-dua nilai tersebut disempurnakan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, untuk mendapat maklumat dan rujukan, pengkaji telah kaedah sorotan pembacaan berdasarkan pendekatan kepustakaan. Hasil daripada kajian, pengkaji telah membuktikan kesesuaian pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu terhadap penganalisisan nilai-nilai murni.

Pengkajian cerita rakyat seterusnya dilakukan oleh Fifi Anak Rinyuk (2017) terhadap *Nilai-nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh*, Serian. Pengkajian ini menekankan aspek moral yang terkandung cerita rakyat kaum Bidayuh. Objektif

dalam kajian ini adalah mengenal pasti nilai moral yang diselitkan dalam cerita rakyat kaum Bidayuh. Pengkaji telah menbataskan kajiannya terhadap cerita rakyat kaum bidayuh kepada empat etnik iaitu Selakau, Jagoi, Biatah dan Bukar. Selain itu, pengkaji telah memurnikan kajiannya dengan menerapkan pendekatan moral. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat kaum Bidayuh memaparkan banyak nilai yang boleh mendorong masyarakat untuk terus melakukan kebaikan.

Kajian mengenai *Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu* yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah membincangkan tentang peranan teknologi dalam mendominankan cerita rakyat pada tahap yang lebih tinggi. Permasalahan kajian ini adalah pembangunan teknologi yang semakin berkembang akan menyebabkan cerita-cerita rakyat akan dipinggirkan. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah bagi menganalisis budaya pemikiran dan akal budi kaum Melayu melalui cerita rakyat serta mengenal pasti perisian teknologi multimedia yang boleh memartabatkan cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah menbataskan kajian ini dengan memilih beberapa cerita rakyat untuk dibincangkan antaranya ialah *Air Menitik Di Atas Batu*, *Puteri Tok Batin Johol*, *Padi Menjadi Emas*, *Anak Yang Taat* dan *Kasih Sejati*. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini pengkaji mendapati bahawa pelbagai perisian teknologi yang boleh digunakan untuk memartabatkan cerita rakyat seperti grafik, audio, video dan animasi.

Kajian Normaliza Abdul Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017) terhadap *Desimination of Values Through The E-Folklore* lebih menumpukan kepada pentingnya nilai dan kebudayaan dalam cerita rakyat terhadap kanak-kanak sekolah melalui perisian E-Cerita Rakyat. Pengkaji telah

menetapkan objektifnya dengan menganalisis dan menghuraikan nilai yang terkandung dalam lirik lagu melalui cerita rakyat. Selain itu, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu mengukuhkan kajianya. Akhir sekali, pengkaji telah mendapat bahawa kebanyakan kanak-kanak lebih cenderung kepada pembacaan cerita rakyat dalam bentuk lirik dan melodi lagu yang menarik.

Pengkajian yang dijalankan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (PhD), Mariani Md Nor (PhD), Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017) mengenai *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* membincangkan tentang pemeliharaan budaya serta jati diri anak-anak orang asli terhadap pembelajaran asas literasi melalui penggunaan cerita rakyat. Penyelidikan ini juga bertitik tolak daripada cadangan yang dilontarkan oleh Hood Salleh (1980) iaitu memberi penekanan dan perhatian terhadap isu pendidikan Orang Asal. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini dijalankan bagi mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai perantaraan dalam pembelajaran asas literasi. Justeru itu, kajian ini telah dibataskan kepada lima buah cerita *Orang Asal seperti Asal Usul Padi, Dongeng Kinabalu, Ikan dan Tupai, Si Anak-Anak dan Kinomulok* serta *Tikus dan Kundur*. Bagi memurnikan lagi penyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi. Oleh itu, hasil penyelidikan ini telah membuktikan bahawa terdapat banyak cerita rakyat yang relevan dalam pembelajaran asas literasi sekaligus dapat memartabatkan amalan dan tradisi dalam masyarakat orang asli.

Kajian mengenai *Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci* yang dihasilkan oleh Mohd Fahmi bin Ismail & Mohd Firdaus Yaacob (2018) membincangkan tentang

ketinggalan orang asli Temiar dalam arus kemodenan. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan bertujuan bagi meneliti kesan yang tersembunyi terhadap cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar. Sehubungan itu, pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan serta mengaplikasikan Teori Konseptual Kata Kunci menyokong dan memurnikan lagi kajian ini. Hasilnya telah menjelaskan bahawa kestabilan dan pengamalan nilai budaya dalam kehidupan sehari-hari telah memberikan impak yang tersirat kepada orang asli Temiar sekaligus menjadikannya sebagai satu peninggalan warisan yang sangat berharga.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menjalankan kajian diperingkat kedoktoran falsafah dengan tajuknya *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Pengkaji telah menjelaskan naratif lisan sebagai kelompok komuniti yang yang mempunyai budaya yang pelbagai ragam, merangkumi kepelbagaiuan budaya serta warisan milik bersama. Penghasilan penyelidikan ini adalah bertitik tolak daripada tanggapan segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa naratif lisan sebagai sumber ilmiah yang tidak berfaedah, cerita yang direka-reka dan hanya hiburan kepada pembaca. Oleh itu, fokus utama dalam penyelidikan ini adalah bagi mengenalpasti serta menganalisis nilai murni yang terdapat dalam naratif lisan yang terdapat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Justeru itu, kajian ini telah menunjukkan kajian reka bentuk kualitatif. Hasilnya telah menunjukkan bahawa nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan dapat membantu dalam pembentukan akhlak serta tingkah laku yang mulia.

Seterusnya, kajian oleh Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018) terhadap *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* membincangkan tentang perkembangan kefahaman masyarakat Melayu terhadap cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah menetapkan tiga objektif dalam penyelidikan ini iaitu mengenal pasti, menganalisis serta merumuskan gambaran terhadap pemikiran masyarakat yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menbataskan kajian dengan merujuk teks daripada *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Selain itu, untuk melaksanakan peyelidikan ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif serta mengaplikasikan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan serta pendekatan dakwah. Hasil yang pengkaji perolehi melalui kajian tersebut adalah cerita-cerita rakyat Melayu sememangnya mempuai banyak menyebutkan tentang ciri-ciri pemikiran Melayu yang dapat membentuk keperibadian dan moral dalam diri masyarakat.

Dalam kajian yang dihasilkan oleh Adidah Abd Gani (2018) tentang *Peranan Srikandi Melayu: Suatu penelitian terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia* menekankan tentang peranan watak Srikandi Melayu yang dijadikan sebagai contoh dan ikutan kepada masyarakat Melayu. Pengkaji telah menetapkan objektifnya iaitu mengenal pasti serta menganalisis peranan srikandi Melayu melalui watak-watak yang terpilih. Kajian tersebut hanya dibataskan kepada watak Cik Siti Wan Kembang, Puteri Saadong, Tun Fatimah, Tun Kudu dan Tun Teja sepetimana yang terdapat dalam cerita rakyat di Malaysia. Bagi melaksanakan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif serta menerapkan Teori Feminisme dalam menganalisis watak srikandi Melayu. Justeru

itu, hasil yang diperolehi oleh pengkaji terhadap pengkajian watak srikandi Melayu adalah ianya telah memberikan sumbangan besar kepada pembaca dan khalayak kerana mempunyai nilai yang tinggi dan sewajarnya dijadikan sebagai pedoman serta tauladan.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018) terhadap *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu* menjelaskan kerelavan penjanaan intelek dalam pembentukan moral masyarakat melalui cerita rakyat. Disamping itu, penghasilan penyelidikan adalah bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai kerajinan dan rasional. Kajian ini juga mengaplikasikan konsep intelek dalam pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji juga telah membataskan kajiannya dengan meneliti beberapa cerita rakyat seperti *Periuk Kera Ajaib, Puteri Birah Keladi, Pak Tani Menipu Harimau dan Hakim Yang Bijaksana*. Secara rumusnya jelaslah bahawa nilai kerajinan dan rasional dalam cerita rakyat telah menunjukkan kehadiran pemikiran yang menggambarkan masyarakat Melayu yang berfikiran matang untuk menilai dan memutuskan suatu keputusan serta tindakan dengan tepat.

Pengkajian yang dihasilkan oleh Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) mengenai *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif* dengan menonjolkan nilai yang baik terhadap perwatakan melalui cerita jenaka. Penyelidikan ini dilakukan bagi menyangkal persepsi pengkaji terdahulu yang menganggap cerita jenaka hanyalah sebuah cerita yang menunjukkan masyarakat Melayu itu bersikap lurus, jumud, tidak bertamadun dan kurang berfikir. Motif kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis

perwatakan yang baik terhadap watak seseorang yang diselitkan ke dalam cerita jenaka. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kajiannya dengan merujuk beberapa buah cerita jenaka seperti *Pak Kaduk* dan *Si Luncai*. Selain itu, untuk mengukuhkan kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan prinsip pendekatan Psikologi Humanistik. Hal ini disebabkan kajian mengenai watak dan perwatakan ini bersesuaian dengan lima prinsip yang ada pada pendekatan tersebut. Hasilnya menunjukkan bahawa watak-watak yang ditonjolkan dalam cerita jenaka kaya dengan perwatakan positif yang dapat dijadikan contoh kepada masyarakat.

Atikah Mohd Noor, Shahril Nizam Sha'ri, Phd & Rohaidah Kamaruddin, Phd (2018) menjalankan satu kajian yang bertajuk *Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil*. Dalam kajian ini, pengkaji lebih mengutamakan nilai murni yang terkandung di dalam cerita *Sang Kancil* untuk mendidik dan mengajar anak-anak. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis nilai dan pengajaran melalui cerita *Sang Kancil*. Secara umumnya, dalam cerita haiwan, terdapat banyak kisah yang menceritakan tentang Sang Kancil. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan kepada empat cerita Sang Kancil. Dalam keempat-empat cerita tersebut, Sang Kancil telah memaparkan sikap yang suka tolong-menolong, adil, berani, bijaksana, baik hati, belas kasihan dan tidak tamak. Selain itu, pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Kebaikan Al-Ghazali kerana teori ini sangat bertepatan dengan kajian ini. Oleh itu, hasil daripada kajian ini telah menyatakan bahawa penerapan nilai-nilai murni melalui cerita Sang Kancil dapat membina jati diri dan moral dalam diri kanak-kanak supaya menjadi masyarakat yang berakhhlak.

Kajian seterusnya adalah berkaitan dengan *Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* yang dilaksanakan oleh Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa & Rosmani

Omar (2019). Pengkajian ini membincangkan tentang perkembangan cerita rakyat yang berbentuk lisan kepada bentuk bercetak sekaligus memasuki ruang digital. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan bagi mengkaji penerbitan tajuk cerita rakyat yang ditayangkan melalui media massa serta menganalisis format yang telah digunakan oleh penerbit di Malaysia. Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan rekonstruksi bagi mengukuhkan penganalisisan kajian. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat masih belum mencapai tahap sepertimana perlembangan teknologi masa kini. Oleh itu bagi mempertahankan cerita rakyat perlu adanya usaha yang berlipat kali ganda bagi mencapai tahap tertinggi.

Kajian yang dihasilkan oleh Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2019) terhadap *Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19* lebih memfokuskan kepada kepentingan pengurusan konflik yang berkembang terhadap perkembangan manusia melalui cerita rakyat di Nusantara abad ke-19. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti kemudian membincangkan tentang pengurusan konflik yang terkandung dalam *Kitab Pembatjaan* karya Soetan Padoeka. Pengkaji juga telah membataskan kajianya dalam perbincangan pengurusan konflik dengan meneliti beberapa buah cerita rakyat daripada pergambaran kanak-kanak. Selain itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif. Hasil dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa cerita rakyat Nusantara abad ke-19 telah menunjukkan sebuah ketamadunan yang hebat dan kebijaksanaan masyarakat dalam menghadapi serta menyelesaikan masalah sepertimana yang terdapat dalam cerita rakyat.

Kajian terhadap *Nilai-nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun* yang dilaksanakan oleh Minah Sintian (2019) menghuraikan tentang kaum Kadazandusun

yang kaya dengan cerita rakyat berkaitan dengan lingkungan persekitaran. Penghasilan penyelidikan ini bertujuan bagi mengenal pasti nilai-nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazandusun. Bagi memperoleh sumber rujukan dan data kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan. Dalam menganalisis nilai kearifan lokal, pengkaji telah membataskan kepada dua buah buku cerita rakyat. Penyelidikan ini telah menunjukkan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Hasil yang diperolehi adalah daripada cerita rakyat masyarakat Kadazandusun telah merungkaikan banyak nilai-nilai kearifan lokal seperti menjaga keharmonian kehidupan manusia dengan alam dan bekerja bersungguh-sungguh.

Kajian tentang *Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah mengutarakan beberapa nilai keislaman nilai ketaatan. Selain itu, kajian ini dijalankan setelah adanya kelompongan dari segi penerapan nilai Islam yang lebih mendalam kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Oleh itu, pengkaji telah melakukan kajian untuk menganalisis nilai keislaman melalui cerita rakyat terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Selain itu, pengkaji juga telah membataskan kajiannya dengan meneliti beberapa cerita rakyat Melayu seperti *Bertukar Menjadi Batu dan Bukit dan Pokok*. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Takmilah untuk menyokong analisis yang dinyatakan. Hasil daripada kajian ini jelaslah bahawa cerita rakyat Melayu sudah tentang mempunyai banyak nilai keislaman yang mempengaruhi pembentukan keperibadian akhlak yang mulia dalam kalangan masyarakat.

Kajian oleh Noorzatulhidayah Bt Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2020) yang bertajuk *Ritual Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan*

Pahang, Malaysia lebih menumpukan unsur ritual di Mukim Bebar, Pekan dengan melalui cerita rakyat. Permasalahan dalam kajian ini mendapati bahawa pengkaji terdahulu hanya mengkaji unsur kepercayaan melalui aspek sosial. Pengkaji juga mengutamakan unsur ritual dalam cerita rakyat. Selain itu, objektif yang dinyatakan dalam kajian ini adalah mengenal pasti unsur ritual yang disebutkan dalam cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Pengkaji telah mengehadkan skop kajian dengan meneliti cerita rakyat di Mukim Bebar seperti *Ritual Mandi Safar*, *Ritual Nyimoh Pantai* dan *Ritual Manusia Berkembar Mengkarong Ekor Cabang Dua*. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Fungsionalisme kerana mendapati unsur ritual sangat berfungsi dalam kehidupan masyarakat di Mukim Bebar. Oleh itu, hasil daripada kajian tersebut, jelaslah kebudayaan masyarakat Melayu sentiasa berkaitan dengan ritual yang dinyatakan dalam cerita rakyat Mukim Bebar, malah sesetengah masyarakat di mukim tersebut masih mengamalkan ritual tersebut sehingga masa kini.

Kajian mengenai *Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* dilakukan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) meneliti dan mengenal pasti akal budi yang terdapat dalam naratif lisan di Kota Bharu. Penyelidikan ini juga lebih menfokuskan kepada naratif lisan kerana naratif lisan merupakan salah satu medium pendidikan awal bagi kanak-kanak untuk memberi pengajaran tentang beberapa perkara seperti adat resam, pantang larang dalam masyarakat Melayu, kebudayaan dan sebagainya. Selain itu, permasalahan dalam kajian ini adalah terdapatnya kelompongan daripada kajian-kajian lepas kerana kurang menonjolkan akal budi dalam cerita rakyat masyarakat Melayu. Perlaksanaan penyelidikan ini adalah bagi memberikan penjelasan terperinci mengenai akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat. Namun begitu, penyelidikan tersebut dibataskan kepada beberapa cerita

rakyat seperti *Kelicikan Pahlawan Mat Kilau, Asal Usul Kampung Pintu Reng, Penunggu Binjai, Main Teri Hiburan Masyarakat, Kerabat Raja Memuja Pantai, Asal Usul Bunut Payang, Haji Tahir orang Alim dan Tok Guru Haji Mokhtar*. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan dalam kajianya kerana teori ini menjelaskan tentang budaya kehidupan masyarakat. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa akal budi yang terdapat dalam naratif lisan masih digunakan oleh masyarakat sehingga masa kini.

Selain itu, kajian yang dihasilkan Nur Shahirah Othman (2020) tentang *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* telah membahaskan cerita rakyat mengandungi banyak nilai murni di dalam setiap jalan ceritanya. Oleh itu, tujuan utama penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis serta merumuskan akal budi etnik dalam cerita rakyat. Pengkaji juga telah membataskan kajianya dengan hanya meneliti teks *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini juga berbentuk kajian kualitatif. Di samping itu, pengkaji juga mengaplikasikan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Hasilnya telah menunjukkan bahawa nilai akal budi diselitkan ke dalam cerita rakyat meninggalkan kesan positif serta dijadikan ikutan kepada masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian.

Kajian seterusnya dilaksanakan oleh Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali (2020) dengan membincangkan tentang *Adaptasi Kesusastraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan*. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kebolehan pelukis, mentafsir dan menterjemah dalam bentuk visual. Kajian ini juga telah membataskan penelitian terhadap unsur didaktik dalam cerita *Si Luncai*. Bagi

menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menggabungan pendekatan Teori Adaptasi dan kaedah eksplorasi visual. Hasilnya telah menunjukkan kesesuaianya terhadap penterjemahan bahan kesusasteraan rakyat Melayu dalam bentuk visual.

Pengkajian terhadap *Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif* yang dilakukan oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet (2020) memfokuskan kepada perkara-perkara aneh yang terkandung dalam cerita rakyat. Objektif penyelidikan ini dilakukan adalah bagi menganalisis peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku dalam Hikayat Nakhoda Muda. Pengkaji menggunakan teks hikayat daripada buku *Antologi Enam Hikayat*. Namun begitu, kajiannya dibataskan dengan meneliti cerita *Hikayat Nakhoda Muda*. Selain itu, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif kerana pendekatan ini merupakan mengkaji pelbagai bidang selain daripada bidang bahasa. Akhir sekali, dapatkan kajian ini telah menunjukkan bahawa banyak peristiwa dan perkara aneh dalam *Hikayat Nakhoda Muda* dibuktikan dengan menggunakan pendekatan *SI*.

Dalam kajian mengenai *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* yang dilakukan oleh Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020) telah menyatakan tentang pandangan yang negatif oleh masyarakat Barat terhadap masyarakat Melayu. Tujuan perlaksanaan kajian ini adalah bagi megenal pasti pandangan Barat tentang 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' serta menganalisis ketepatan pentafsiran barat berdasarkan cerita jenaka. Oleh itu, pengkaji telah membataskan kajiannya dengan meneliti empat buah cerita. Hasilnya telah menunjukkan persepsi Barat yang mengatakan bahawa 'Melayu Malas, dan 'Melayu Bodoh' adalah tidak tepat. Ianya dapat dibuktikan melalui cerita *Si Luncai* yang diberi kelebihan untuk berinteraksi dengan alam sehingga *Si Luncai* boleh meneruskan kehidupannya. Namun begitu, pada

pengakhiran sesebuah cerita jenaka telah diselitkan dengan balasan atau kelebihan untuk dijadikan sebagai pengajaran.

Kajian selanjutnya bertajuk *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak* yang telah dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) memberi penekanan tentang nilai keislaman yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Seterusnya permasalahan bagi penyelidikan ini pula adalah pengkaji terdahulu kurang memberikan tumpuan yang lebih khusus terhadap nilai islam terhadap cerita Melayu lisan. Penyelidikan dilaksanakan bagi menganalisis cerminan nilai melalui teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* dengan mengemukakan enam contoh nilai keislaman seperti kepercayaan kepada Tuhan dan nilai ketaatan. Penelitian terhadap nilai keislaman hanya menumpukan kepada lima buah cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan Teori Takmilah dengan menekankan prinsip khalayak dan karya. Hal ini disebabkan oleh prinsip tersebut sangat berkait rapat dengan nilai keislaman dalam masyarakat. Akhir sekali, nilai keislaman yang terselit dalam cerita rakyat dapat mempengaruhi masyarakat untuk menjadi seorang yang berakhlak dan berjiwa mulia.

Kajian yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* telah memfokuskan kepada kepentingan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri untuk dijadikan tauladan kepada masyarakat. Oleh itu, pengkaji juga telah menyenaraikan beberapa nilai kemanusiaan. Dalam kajian ini permasalahan yang diperhatikan adalah terdapat kelompongan terhadap pengkajian tentang nilai kemanusiaan dalam cerita lisan. Hal

ini disebabkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu lebih kepada nilai baik hati dan nilai budaya. Bagi melengkapkan kelomongan yang ada, pengkaji telah melakukan kajian yang objektifnya adalah menganalisis nilai-nilai kemanusiaan melalui cerita lisan. Selain itu, pengkaji juga telah membataskan skop kajiannya dengan meneliti 10 buah cerita rakyat daripada teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Selain itu, pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Takmilah dalam kajiannya dengan menggunakan lima prinsip iaitu khalayak dengan sastera, pengkarya mengistikmalkan diri, ketuhanan bersifat kamal, sastera dengan ilmu serta khalayak memupuk insan kamil. Oleh itu, antara kelima-lima prinsip dalam teori ini sangat berkait rapat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Akhir sekali, hasil daripada kajian ini adalah cerita cerita lisan bukan sahaja kaya dengan nilai murni, nilai keislaman dan nilai budaya malah ianya juga kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan dimana nilai tersebut dapat membantu dalam membina sebuah masyarakat yang bertamadun.

Kajian tentang *Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater* dilakukan oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) menfokuskan kepada kelestarian tradisi lisan. Penyelidikan ini bertitik tolak daripada inovasi penghasilan cerita rakyat dalam bentuk buku dan animasi. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpotensi dijadikan karya teater sekaligus menghasilkan dokumentasi kajian. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan serta temubual dalam memperolehi maklumat dan informasi. Justeru itu, pengkaji telah membataskan dengan menemubual beberapa orang penduduk daripada beberapa buah kampung antaranya Kampung Melayu Samarahan dan Kampung Sindang Samarahan. Hasilnya telah membuktikan bahawa cerita rakyat daripada kampung

tersebut mempunyai keunikan yang tersendiri sekaligus sesuai dijadikan sebagai pementasan teater.

Penyelidikan seterusnya dilaksanakan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021) tentang *Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak* menghuraikan tentang perkembangan literasi awal kanak-kanak melalui pedagogi responsif budaya. Kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada cabaran besar yang dihadapi oleh guru dalam mengajar kanak-kanak yang berbilang bangsa terutamanya pelajar baharu dan kurang penguasaan bahasa perantaraan. Oleh itu, objektif penyelidikan ini adalah bagi meneroka aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya melalui cerita rakyat. Justeru itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada sekumpulan kanak-kanak yang berusia lingkungan 4 hingga 6 tahun. Kajian ini juga merupakan kajian yang berbentuk kualitatif kaedah temubual dan pensampelan. Hasil daripada penyelidikan ini telah membuktikan bahawa penggunaan pendekatan pedagogi responsif budaya dalam penyampaian ilmu dan maklumat memberikan kesan yang positif dan memberangsangkan.

Pengkajian selanjutnya dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengenai *Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiobudaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu*. Pelaksanaan penyelidikan ini adalah bagi menunjukkan kekayaan nilai islam dalam cerita rakyat sekaligus membantu dalam pembentukan sosiobudaya kanak-kanak. Justeru itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat kepada kanak-kanak sebagai asas pembentukan sosiobudaya. Selain itu, kajian ini dibataskan kepada beberapa buah cerita rakyat seperti *Asal Usul Melawi, Asal Usul Nama Kelantan, Saka Halo serta Dua Beradik*. Oleh itu, bagi

mengukuhkan lagi penyelidikan ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Takmilah dengan menggunakan prinsip hubungan khalayak dengan karya. Hasil yang diperolehi daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa cerita rakyat mengandungi banyak nilai Islam yang mampu dijadikan sebagai contoh dalam pembentukan sosiobudaya kanak-kanak.

Pengkajian terhadap *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu* dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini dilakukan bertitik tolak kepada tanggapan sesetengah masyarakat yang mengatakan bahawa cerita rakyat adalah sesuatu yang menjengkelkan dan membosankan. Justeru itu, bagi menyangkal tanggapan sedemikian, pengkaji menghasilkan satu kajian dengan objektifnya adalah mengenal pasti serta menganalisis nilai ketamadunan masyarakat Melayu dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Oleh itu, kajian ini dibataskan kepada penelitian terhadap beberapa buah cerita rakyat seperti *Tujuh Bersaudara*, *Puja Berubat*, *Sungai Ketapang* serta *Semangat Laut*. Bagi mengukuhkan lagi penyelidikan ini, pengkaji telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu dengan mengaplikasikan pendekatan moral. Selain itu, penyelidikan ini juga merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Hasil daripada penyelidikan ini telah membuktikan bahawa nilai ketamadunan yang terkandung dalam cerita rakyat di Tumpat dapat mempengaruhi pembentukan jati diri masyarakat Melayu.

Sorotan kajian lepas yang terakhir dilakukan oleh Siti Aishah Binti Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) mengenai *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. Pelaksanaan kajian ini adalah bagi mengisi kelomongan daripada pengkaji lepas terhadap unsur ritual dalam cerita lisan. Oleh itu, tujuan utama penyelidikan ini adalah mengenal pasti serta menganalisis ritual sumpahan dalam cerita lisan Melayu. Penyelidikan ini dibataskan kepada 12 cerita lisan melalui

buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang mengandungi unsur ritual. Selain itu, pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Budaya dalam menganalisis unsur ritual. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa cerita lisan yang mengandungi unsur spiritual seperti sumpahan telah menjadikannya sebagai suatu tarikan kepada pembaca serta menggambarkan pemikiran pengarang yang kreatif.



### 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian Sastera

Kajian seterusnya adalah yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai murni yang diselitkan ke dalam cerita rakyat dapat membentuk moral yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini sangat sesuai kerana setiap persoalan yang dikemukakan adalah berlandaskan Al-Quran dan sunnah.

Kajian oleh oleh Tengku Intan Marlinar Tengku Mohd Ali (2016) mengenai *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu* menghuraikan tentang unsur-unsur alam seperti padi dalam penghasilan pantun. Kajian ini menjelaskan tentang kegunaan padi dalam kehidupan masyarakat dianggap sebagai sesuatu yang sangat penting kerana padi akan menghasilkan beras dan beras itu merupakan makanan utama masyarakat Melayu. Bagi menganalisis makna tanda padi melalui peribahasa, pengkaji telah mengaplikasikan pengkaedahan Alamiah. Oleh itu, untuk meneliti maksud tanda padi pendekatan firasat kerana ianya merupakan landasan kepada unsur alam dalam peribahasa. Hasil kajian ini menjelaskan tanda padi dalam peribahasa menyampaikan maksud yang penting dalam kehidupan masyarakat.

Pengkajian terhadap *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* yang dijalankan oleh Noraini Abd. Shukor (2016) telah menggunakan unsur-unsur alam untuk menzahirkan ungkapan yang indah dalam peribahasa. Objektif dalam kajian ini adalah mengenal pasti makna tanda air dan padi dalam perumpamaan. Dalam kajian ini juga, pengkaji telah mengaplikasikan

Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan firasat kerana ditarifkan sebagai sesuatu yang tersurat dan tersirat yang berlaku dalam alam. Oleh itu, peranan unsur air dan padi akan diteliti dengan pendekatan tersebut. Hasil daripada kajian ini telah membuktikan bahawa tanda-tanda yang terdapat dalam unsur alam dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat.

Kajian yang bertajuk *Novel Seindah Mawar Berduri: Mengangkat Unsur Keagamaan Dalam Kehidupan Masyarakat, Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Azuwa Farisha Mohd Apandi (2016) mengetengahkan faktor keagamaan dalam kehidupan. Kajian ini juga memaparkan faktor keagamaan melalui watak utama dalam novel Seindah Mawar Berduri. Objektif pada kajian ini adalah menganalisis cara penyampaian dakwah yang berkesan dalam novel Deindah Mawar Berduri. Oleh itu pengkaji telah mengaplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan dakwah. Hal ini disebabkan oleh novel tersebut memaparkan tentang nilai keimanan dan ketaatan seseorang dengan berpandukan akidah. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah telah menunjukkan keberhasilan dalam meneliti cara kehidupan berlandaskan Islam.

Kajian mengenai *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Syaidul Azam & Arba'ie Sujud (2017) mementingkan nilai jati diri dalam proses pemantapan jati diri untuk menonjolkan budi pekerti, tatasusila dan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan dengan menganalisis Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan prinsip-prinsip dalam teori tersebut untuk mengkaji tiga aspek jati diri dari sudut bahasa Melayu, agama dan budaya. Dalam kajian ini juga, pengkaji hanya menggunakan lima pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil kajian telah membuktikan

bahawa pendekatan dalam teori diaplikasikan dengan baik kerana kajian jati diri melalui tiga aspek saling berkaitan dengan budaya dan agama.

Kajian seterusnya dilaksanakan oleh Che Abdullah Che Ya (2018) tentang *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Dalam penyelidikan ini, pengkaji ingin meneliti bagaimana pengarang dapat menghidupkan karyanya dengan faktor persekitaran seperti alam sekitar, kepercayaan dan kebudayaan. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Sebagai contoh, pendekatan gunaan yang terdapat dalam teori tersebut ditonjolkan dalam penelitian tentang alam sebagai sumber masyarakat Melayu hal ini disebabkan pendekatan gunaan telah menganggap bahawa karya sastera merupakan antara objek alam kerana diciptakan oleh manusia. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pendekatan firasat, pendekatan dakwah dan pendekatan masyarakat turut diaplikasikan dengan meneliti beberapa perkara seperti firasat atau mimpi, penyebaran dakwah melalui karya sastera dan sastera sebagai cerminan kehidupan masyarakat Melayu.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Pg. Yakup Pg. Ahmad dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) mengenai *Sajak-Sajak Badaruddin H. O. Bertemakan Ketuhanan : Analisis Pendekatan Dakwah* telah menjelaskan dakwah sebagai tuntutan yang digalakkan kepada manusia oleh Allah untuk mempercayai agama yang sebenarnya adalah agama Islam. Selain itu, dakwah juga merupakan seruan kepada manusia untuk melakukan kebaikan dan mengikut perintah Allah untuk mendapatkan sebuah kehidupan yang bahagia. Oleh ini, mengukuhkan objektif kajian dalam menganalisis sajak-sajak Badaruddin H. O yang berunsurkan ketuhanan, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan memilih pendekatan dakwah. Dalam pendekatan dakwah, aspek keagamaan dan kritikan sastera dikaitkan dalam

di kehidupan seharian sebagai seorang muslim. Hasul daripada kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah terutamanya dalam pengkaedahan keagamaan menepati kajian tentang sajak-saja yang bertemakan ketuhanan.

Kajian terhadap *Introspeksi dalam 77 Tuju : Siri Ingatan Kepada Kawan* yang dijalankan oleh Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) menjelaskan tentang ungkapan 'Introspeksi' dalam puisi 77 tuju. Selain itu, menurut Shahnoon Ahmad puisi boleh diukur melalui tahap kepadatan isinya berbeza dengan prosa. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan terdahap diri melalui keperibadian Nabi Muhammad dan mengkaji stail penulisan dalam puisi. Disamping itu, teks daripada *Kumpulan Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* dijadikan sebagai bahan kajian. Pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan meneliti pendekatan dakwah. Pendekatan ini digunakan untuk mengkaji perkara yang berkaitan dengan moral. Hasil daripada penyelidikan ini membuktikan bahawa pendekatan dakwah wajar diketengahkan dalam penyelidikan ini kerana ianya memaparkan empat sifat rasul dalam *puisi 77 Tuju*.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya (2019) terhadap *Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan* oleh membincangkan tentang kehidupan sosial dan budaya terhadap remaja. Kehidupan sosial dapat ditakrifkan sebagai sesuatu perkara yang meliputi gaya hidup, sikap dan pemikiran masyarakat. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis aspek kehidupan sosial dan budaya remaja. Kajian ini juga diperkemaskan dengan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan. Karya sastera juga dikatakan sebagai perantaraan bagi mencari nilai kebaikan yang diterapkan dalam Islam. Selain itu pendekatan ini juga untuk mendapatkan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, hasil kajian ini telah menemukan aspek

kehidupan sosial dan budaya remaja iaitu percintaan, pendidikan, perbezaan pendapat dan kepercayaan yang tidak benar. Melalui aspek-aspek sedemikian telah menunjukkan keserasian dalam penggunaan pendekatan kemasyarakatan.

Kajian terhadap *Pemikiran Islam Dalam Konteks SosioEkonomi dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani* yang dilaksanakan oleh Normaizatu Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019) telah menumpukan kepada pemikiran Islam dalam cerpen. Dalam cerpen tersebut memaparkan watak masyarakat Melayu yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Tujuan penyelidikan ini dilakukan adalah bagi menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi. Kajian ini juga telah dibataskan dengan meneliti enam buah cerita yang bertajuk *Aku Belum Mati Lagi, Dusun Ibunda, Makna Dalam Warna, Penjara Cinta, Layar Dongeng dan Jentayu Mengepak Langit*. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kemasyarakatan daripada Teori Pengkaedahan Melayu untuk mencapai objektif kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa persoalan yang melibatkan aspek masyarakat sangat bersesuai dengan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan.

Seterusnya dalam kajian daripada Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) terhadap *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* yang menekankan tentang kaedah pendidikan yang digunakan bagi membantu pembentukan keperibadian anak-anak. Objektif dalam kajian ini adalah menganalisis cara pendidikan anak-anak dalam *Surah Luqman*. Selain itu, penyelidikan ini telah menggunakan pendekatan kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan ini memberikan penekanan dalam karya sastera untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni. Selain itu, dalam pendekatan kemasyarakatan ini juga unsur-unsur kebaikan perlu ditekankan dalam karya

kesusasteraan. Oleh itu, hasil daripada kajian ini mendapati pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu membuktikan pengarang dalam melontarkan idea dan kreativiti dalam karyanya dalam bentuk keagamaan.

Kajian selanjutnya dijalankan oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) tentang *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* menegaskan tentang penyebaran agama Islam untuk meningkatkan ketakwaan dalam diri. Objektif kepada kajian ini adalah menganalisis aspek dakwah yang terdapat dalam novel Suriati. Bagi menyingkap aspek dakwah, pengkaji telah menggunakan pendekatan dakwah dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, penggunaan pendekatan dakwah dalam kajian ini telah menunjukkan signifikannya kerana pendekatan ini juga memaparkan kesucian dalam agama. Hasil daripada kajian ini telah memaparkan aspek dakwah yang terdapat dalam novel Suriati seperti dakwah bukan paksaan, dakwah memerlukan rasional dan dakwah penyatuan rakyat. Oleh itu, jelaslah bahawa dakwah ini dapat membantu dalam pembangunan ummah yang sejati.

Kajian terhadap *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* yang dijalankan oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humaira Mohd (2020) telah memaparkan keberanian pengarang cerpen Melamar Rindu dalam merungkai permasalahan yang sering dialami oleh masyarakat. Selain itu, untuk mengenal pasti elemen-elemen yang berunsurkan dakwah dalam cerpen tersebut, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan dakwah. Oleh itu, pendekatan dakwah merupakan lambang kepada keunggulan Islam. Justeru itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa cerpen bertajuk *Gangguan, Doanya Termakbul dan Menimba Penawar* memperlihatkan elemen dakwah seperti

agama, pendapat yang berbeza terhadap agama serta kepercayaan manusia terhadap perkara khurafat. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa pendekatan dakwah sangat relevan dan bersesuaian dengan kajian terhadap elemen dakwah islamiyah.

Kajian yang dilakukan Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) terhadap *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* membincangkan tentang syair Islam sebagai tempat untuk pengarang menyampaikan dakwahnya. Selain itu, pengkaji juga menghuraikan konsep dakwah sebagai satu kewajipan kepada umat Islam untuk menggalasnya. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji mengutamakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan terhadap penelitian terhadap unsur penyebaran melalui *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah*. Hasil kajian ini menunjukkan unsur penyebaran dakwah seperti memuliakan sifat Allah dan menghayati keindahan baitullah sangat berkaitan dengan pendekatan keagamaan.

Kajian terhadap *Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Pengkaedahan Keagamaan* yang dilakukan oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2020) membincangkan tentang konsep dakwah. Dalam menyempurnakan kajian ini pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedah Melayu dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan untuk menganalisis nilai keislaman dan mengetahui sejarah asal kejadian nabi Adam. Oleh itu, secara tidak langsung ianya telah dikaitkan dengan pendekatan dakwah. Hasil kajian ini telah mendapatkan bahawa nilai-nilai seperti dakwah Islam dalam *Hikayat Nabi Adam*, menyampaikan kebenaran Islam dan memperlihat kebesaran doa dapat diperhatikan dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan.

Penyelidikan daripada Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) mengenai *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* menumpukan kepada persoalan dakwah yang berteraskan kehidupan masyarakat Melayu. Dakwah diertikan sebagai kegiatan manusia yang sentiasa mencari kebaikan untuk mendapatkan kehidupan yang bahagia. Dalam kajian ini, aspek-aspek dakwah boleh diperhatikan melalui watak yang ditonjolkan dalam cerpen *Rejab F.I*. Bagi memurnikan kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan dakwah. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan dakwah dalam penyelidikan ini telah mengungkapkan empat tema iaitu taqwa, adil, ilmu dan taubat.

Kajian seterusnya adalah tentang *Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan* oleh Tuan Siti Nurul Suhada Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) menjelaskan naratif lisan sebagai cabang kesusasteraan yang berkembang dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan pendekatan kemasyarakatan untuk menganalisis nilai-nilai akal budi. Tujuan pendekatan kemasyarakatan ini adalah mendapatkan keharmonian hidup bermasyarakat. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pemilihan pendekatan kemasyarakatan menujukkan signifikan dalam kajian mengenai akal budi dalam masyarakat Kota Bharu.

Kajian seterusnya dihasilkan oleh Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria (2021) bertajuk *Fungsi Tumbuhan Dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* telah menjelaskan maksud pantang larang sebagai medium untuk mendisiplinkan diri daripada melakukan sesuatu perkara tertentu. Sebahagian masyarakat berpendapat bahawa pantang larang kurang sesuai diamalkan lagi pada masa kini. Objektif kajian ini adalah menganalisis fungsi tumbuhan dengan

menggunakan pendekatan firasat. Melalui pendekatan firasat, maksud tersurat dan tersirat yang terdapat dalam pantang larang dapat dirungkaikan. Oleh itu, hasil kajian ini telah menunjukkan pantang-pantang larang yang menggunakan tumpuan seperti ‘kanak-kanak dilarang memakan *buah kekabu*, bimbang nanti sakit kepala’.

Soratan kajian yang terakhir adalah mengenai *Fungsi Binatang Dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria (2021) telah menekankan tentang pantang-larang dalam masyarakat Melayu. Kepercayaan terhadap pantang larang ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu pantang larang dalam perbuatan dan pantang larang dalam penggunaan bahasa yang dilarang. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi mengenalpasti dan menganalisis fungsi haiwan dalam pantang larang. Kajian ini telah menggunakan pendekatan firasat daripada Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil daripada kajian ini telah menyenaraikan haiwan-haiwan seperti ayam, burung, ular dan kucing menunjukkan fungsi tertentu dalam pantang larang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.5 Penutup

Hasil daripada penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat banyak kajian yang mengkaji tentang naratif lisan dalam pelbagai aspek seperti nilai keislaman, nilai estetika, unsur mitos, nilai moral dan nilai kemanusiaan. Selain itu juga, terdapat banyak kajian yang mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji dapat memenuhi kelomongan dengan menghasilkan kajian yang kurang diberikan tumpuan oleh pengkaji terdahulu.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Menurut Horby (1985) metodologi merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam pengumpulan dan penganalisisan data. Oleh itu, perbincangan ini akan mencakupi perkara-perkara yang dikaitkan dengan metodologi seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian serta teori dengan lebih terperinci.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mencari maklumat bagi menganalisis data yang dikaji. Pendekatan kualitatif juga menyatakan tentang kaedah yang digunakan dalam menganalisis data melalui konteks kajian serta perhubungan antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metodologi kajian.

### 3.3 Kaedah Kajian

Pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah sebagai sumber rujukan bagi menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan bagus. Oleh itu, antara kaedah yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini adalah seperti :

#### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Ketika melakukan kajian ini, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan untuk dijadikan sebagai rujukan melalui jurnal, artikel, tesis dan kerja-kerja seminar. Selain itu, pengkaji juga mencari rujukan lain di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Oleh itu, melalui tesis, jurnal dan artikel, pengkaji dapat meneliti kajian-kajian lepas sekaligus membantu dalam proses pengumpulan data.

#### 3.3.2 Rujukan Teks

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah rujukan teks bagi menjawab kepada persoalan dan objektif yang dinyatakan. Oleh itu, pengkaji hanya menggunakan teks daripada buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* untuk mengenal pasti nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul. Hasil daripada penelitian tersebut akan dimasukkan pada bahagian analisis kajian.


### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menyokong kajian terhadap nilai budi. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu teori yang digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Selain itu, Hashim Awang (1997) telah menyatakan bahawa kewujudan Teori Pengkaedahan Melayu adalah bertitik tolak daripada kesedaran terhadap kelemahan dan kekurangan teori barat seperti teori ekspreseif, teori mimetik, teori pragmatik dan teori marxisme terhadap pengkajian karya-karya sastera tempatan. Oleh hal demikian, Hashim Awang telah mendapati bahawa teori-teori daripada Barat kurang relevan untuk diaplikasikan ke dalam karya kesusastraan yang berpandukan jati diri masyarakat Melayu dan Islam.

Disamping itu, menurut Hashim Awang ketika Wacana Teori Pengkaedahan Melayu dan Islam pada tahun 1997 telah menyatakan bahawa kewujudan teori tersebut adalah berpandukan kepada sikap dan gaya hidup masyarakat serta kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu berdasarkan karya sasteranya yang tersendiri. Justeru itu, Hashim Awang (2002) telah membahagikan teori tersebut kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan.

### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Hashim Awang (1993) telah memberikan penerangan bahawa pengkaedahan alamiah lebih berpandukan kepada sikap dan gaya hidup masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu telah menjadikan alam sebagai keutamaan mereka dalam meneruskan kehidupannya terutamanya melalui pekerjaan. Selain itu, Hashim Awang merujuk sebuah kitab yang berjudul *Tajulmuluk* yang menonjolkan sikap-sikap masyarakat Melayu. Dalam kitab tersebut juga, turut membahaskan tentang manusia, perubatan, tingkap laku manusia dan firasat. Justeru itu, bagi memurnikan lagi pendekatan ini, Hashim Awang (2002) telah memecahkan pengkaedahan alamiah kepada pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.



Carta 3.4.1: Jenis Pengkaedahan Alamiah

### i. Pendekatan Gunaan

Hashim Awang (1999) telah mengatakan bahawa pendekatan gunaan adalah suatu ciptaan memperlihatkan unsur intrinsik dan ekstrinsik dalam sesebuah karya sastera yang meliputi masyarakat, pembaca, pengarang serta ideologi. Selain itu, Hashim Awang (1999) telah menjelaskan pendekatan gunaan seperti berikut:

Pendekatan Gunaan
i. Suatu medium yang dapat diaplikasikan serta memberikan manfaat kepada kehidupan manusia.
ii. Menumpukan kepada penelitian terhadap gambaran kepada segala kebaikan dan amalan baik serta impak terhadap pengajaran dan moral terhadap masyarakat
iii. Setiap kejadian atau ciptaan alam pastinya mempunyai hikmah, sebab, fungsi dan tujuan

Jadual 3.4.1: Ciri-Ciri Pendekatan Gunaan

## ii. Pendekatan Moral

Pendekatan moral pula merupakan lanjutan daripada pendekatan gunaan yang berteraskan tanggapan sastera sebagai salah satu objek alam serta suatu kejadian alam yang menggambarkan pengalaman hidup. Namun begitu, dalam pendekatan moral ini, iaanya lebih memfokuskan kepada sesuatu kejadian yang bersifatkan pengalaman hidup. Justeru itu, Hashim Awang (1999) telah menyatakan ciri-ciri pendekatan moral seperti berikut:

Pendekatan Moral
i. Menyingkap pengalaman yang diperolehi melalui peristiwa yang dihadapi manusia.
ii. Memaparkan maklumat yang berkait rapat dengan manusia seperti kepercayaan, kebudayaan, kemasyarakatan dan persekitaran
iii. Mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan melalui pelbagai bidang ilmu seperti budaya, ekonomi, sosial dan politik

Jadual 3.4.2: Ciri-Ciri Pendekatan Moral

### iii. Pendekatan Firasat

Pendekatan Firasat merupakan pendekatan yang sama dengan pendekatan moral, namun terdapat perbezaan terhadap kejadian alam dimana pendekatan firasat akan mengaitkan kejadian alam melalui mimpi. Selain itu, Hashim Awang (1999) telah mencirikan pendekatan firasat seperti berikut:


Pendekatan Firasat
i. Sesuatu kejadian yang berkaitan dengan manusia merupakan sebuah pengalaman yang dilalui oleh masyarakat yang menganggap kehidupan sebagai penafsiran mimpi.
ii. Kejadian alam yang memberikan pengalaman yang penuh dengan mistik.
iii. Mentafsir makna yang tersirat.

Jadual 3.4.3: Ciri-Ciri Pendekatan Firasat

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Sepertimana yang diperjelaskan oleh Hashim Awang (1993), terhadap makna kepada pengkaedahan keagamaan adalah merupakan suatu pendekatan yang menekankan keimanan berteraskan akidah dalam agama Islam. Justeru itu, sumber utama yang digunakan dalam pengkaedahan ini adalah sumber daripada Al-Quran dan Hadis.

Hashim Awang (1993) telah menyatakan bahawa pembentukan pengkaedahan ini adalah berdasarkan tujuannya untuk memaparkan sifat keagungan Allah serta meningkatkan ketaqwaan kepada Allah. Sehubungan itu, bagi merealisasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan keagamaan, Justeru itu, Hashim Awang (2002) telah menekankan tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan serta pendekatan seni.



Carta 3.4.2: Jenis Pengkaedahan Keagamaan

i. Pendekatan Dakwah

Hashim Awang (2002) menyatakan bahawa pendekatan dakwah telah menunjukkan bahawa sastera adalah salah satu alat yang digunakan oleh seseorang untuk mempertingkatkan keimanan dan ketakwaannya. Selain itu, Hashim Awang (2002) mencirikan pendekatan dakwah seperti berikut:

Pendekatan Dakwah
i. Kandungan yang menonjolkan sifat-sifat kemuliaan, kelebihan agama Islam dan kesucian agama.
ii. Sastera dianggap sebagai sebuah kitab yang menunjukkan kepada manusia untuk mengenali kekuasaan dan kemuliaan Allah dengan lebih jelas
iii. Mengemukakan persoalan tentang kemurnian dan keindahan Islam bagi menimbulkan rasa cinta terhadap Islam dalam kalangan masyarakat.

Jadual 3.4.4: Ciri-Ciri Pendekatan Dakwah

i. Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (2002) pendekatan kemasyarakatan dikatakan lebih memberikan tumpuan terhadap unsur kebaikan dalam karya sastera. Melalui pendekatan tersebut, karya sastera akan memperlihatkan persoalan yang bertunjangkan kepada objektifnya. Hashim Awang (2002) telah mencirikan pendekatan kemasyarakatan seperti berikut:

Pendekatan Kemasyarakatan
i. Mencari konsep keadilan yang selari dengan pandangan Islam
ii. Menitikberatkan persoalan yang berkaitan syariah, ibadah, moral, ekonomi serta sudut keislaman.
iii. Mendedahkan tentang permasalahan yang berkait dengan kemungkaran, kezaliman, ketidakadilan, korupsi dan penipuan dalam sesebuah karya sastera yang melambangkan kepada kepincangan akhlak

Jadual 3.4.5: Ciri-Ciri Pendekatan Kemasyarakatan


## ii. Pendekatan Seni

Pendekatan seni merupakan suatu pendekatan yang meneliti dan menilai aspek dalaman sesebuah karya dengan menetapkan unsur estetika dan keindahan sebagai persoalan utama. Unsur keindahan yang terdapat dalam konteks ini merujuk kepada nilai estetika melalui gaya bahasa, watak perwatakan, tema dan plot penceritaan serta nilai-nilai Islam. Selain itu, Hashim Awang (2002) telah mencirikan pendekatan seni seperti berikut:

Pendekatan Seni
i. Unsur keindahan seharusnya berlandaskan kepada tauhid dengan berpegang kepada keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah.
ii. Karya yang mengandungi keindahan alam semesta dalam meneliti nilai-nilai makna dan hikmah yang tersirat.
iii. Kesenian Islam dan seni persuratan yang menitikberatkan pemikiran dan makna dalam bentuk
iv. Keindahan yang terdapat dalam karya sastera melalui nilai-nilai estetika

Jadual 3.4.6: Ciri-Ciri Pendekatan Seni

### 3.5 Kerangka Teoritikal



Rajah 3.1.1: Kerangka Teoritikal

### 3.6 Penutup

Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kajian yang berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan, rujukan teks dan sumber internet. Selain itu, dalam bahagian analisis data atau kajian, pengkaji menggunakan teks daripada *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Di samping itu, kajian yang berkualiti dan baik akan dipengaruhi oleh pemilihan terhadap reka bentuk kajian yang bersesuaian. Oleh itu, dengan adanya metodologi kajian dapat membantu pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang sistematik dan mengikut turutannya.



## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Pada bahagian bab 4 ini, pengkaji akan menghuraikan nilai-nilai budi yang terdapat dalam cerita-cerita asal usul melalui buku yang berjudul *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Oleh itu, terdapat banyak nilai budi yang diterapkan dalam cerita asal usul antaranya adalah nilai hormat-menghormati, nilai baik hati, nilai kerjasama, nilai kesyukuran, nilai kerajinan dan nilai hemah tinggi. Cerita-cerita yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* hanya dibataskan kepada 20 buah cerita asal usul.

#### 4.2 Nilai Baik Hati

Menurut Tajul Arifin Nordin (1992) baik hati merupakan sikap mengambil berat, bersimpati dan bertimbang rasa terhadap perasaan, kesusahan dan penderitaan yang dihadapi oleh orang lain. Namun begitu, menurut Norita Arifin (2006: 69) baik hati adalah suatu perasaan kasihan dalam diri seseorang dan mendatangkan manfaat kepada diri sendiri, orang lain dan persekitaran. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016) maksud baik hati adalah suka menolong, mudah simpati dan pengasih. Oleh itu, terdapat beberapa nilai baik hati yang diselitkan di dalam beberapa buah cerita asal usul melalui sikap pemurah, belas kasihan, bertimbang rasa dan pemaaf.

#### 4.2.1 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Berdasarkan pendapat daripada Ismail Hamid (1998) & Hashim Musa (2008) sikap pemurah dipamerkan oleh manusia yang mempunyai sikap yang tidak kedekut atau bakhil atau lebih tepat menghulurkan sedekah kepada masyarakat di sekeliling tanpa mengharapkan balasan dan ganjaran di setiap perbuatannya. Namun begitu, pendefinisian pemurah yang terdapat dalam *Kamus Dewan* (2016) adalah sikap yang suka memberi dan tidak kedekut. Dalam erti kata lain, sikap pemurah adalah mendermakan atau memberikan sesuatu kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan. Oleh itu, nilai baik hati melalui sikap pemurah boleh diperhatikan melalui cerita *Asal Usul Kampung Babong dan Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*.

##### Petikan 1

“Beliau juga memiliki hati pemurah kerana sering mengadakan kenduri dan memanggil para penduduk setempat untuk makan di rumahnya. Ini menyebabkan Tok Babong sangat dihormati oleh masyarakat. Walaupun beliau bukanlah seorang yang kaya dengan wang ringgit tetapi beliau tetap memanggil orang datang ke rumahnya untuk menjamu selera dengan kadar yang termampu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:4)

Cerita *Asal Usul Kampung Babong* ini mengisahkan tentang sikap pemurah yang diselitkan dalam diri Pak Babong. Contohnya, walaupun Pak Babong bukanlah seorang yang kaya dengan harta dan duit, akan tetapi Pak Babong suka mengadakan kenduri untuk mengajak penduduk Kampong Babong makan di rumahnya. Oleh itu, dengan sikapnya yang suka menjamu penduduk kampung makan di rumahnya telah membuatkan masyarakat mengingati segala jasa dan budinya.

Selain itu, nilai baik hati melalui sikap pemurah juga diselitkan dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*.

### Petikan 2

"Kehidupan mereka damai sehingga mereka mampu mengadakan beberapa hiburan bagi menghiburkan diri. Hiburan ini bertujuan bagi menceriakan rakyat jelata yang berduka cita selepas meninggalkan negeri dan orang yang disayangi mereka. Hiburan ini sekadar untuk menghilangkan kerisauan mereka terhadap penaklukan negeri Patani. Pelbagai jenis hiburan yang dianjurkan oleh golongan bangsawan dan Raja Patani untuk menghiburkan hati mereka. Antaranya ialah silat, mak yung, main teri dan sebagainya. hiburan-hiburan ini direka bagi menunjukkan keunggulan kebudayaan masyarakat kepada keturunan mereka nanti."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:27)

Kisah *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* menceritakan tentang sikap pemurah yang terdapat dalam diri Raja Patani. Hal ini dikatakan demikian kerana Raja Patani dan golongan pembesar telah menganjurkan hiburan seperti silat, mak yung dan main teri untuk menghiburkan dan menceriakan rakyat-rakyatnya. Sehubungan itu, dengan adanya hiburan sedemikian sedikit sebanyak dapat mengurangkan kerisauan yang melanda terhadap penaklukan negeri Patani serta kesedihan rakyat jelatanya yang terpaksa meninggalkan negeri dan orang yang disayangi mereka. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa Raja Patani bukan sekadar raja yang suka membantu rakyatnya malah Raja Patani juga merupakan seorang raja yang sangat pemurah dan prihatin terhadap perasaan rakyat jelatanya. Oleh itu, sikap sedemikian sewajarnya dipupuk dalam kalangan masyarakat Melayu bagi mewujudkan suasana yang harmoni dan bahagia.

Rentetan daripada itu, nilai baik hati melalui sikap pemurah adalah berpandukan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana, berdasarkan penerangan Hashim Awang (1994), pendekatan kemasyarakatan ini bukan sekadar meneliti konflik dalam masyarakat akan tetapi ianya merupakan suatu alat yang

digunakan dalam penyelidikan bagi mendapatkan kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat serta dapat mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Justeru itu, dalam perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa nilai baik hati terhadap sikap pemurah sepertimana yang terdapat dalam cerita *Asal Usul Kampung Babong* dan *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Besar Selepas Kedatangan Raja Patani*. Sikap pemurah yang terdapat dalam cerita-cerita tersebut adalah seperti sering mengadakan kenduri untuk menjamu makanan kepada orang ramai serta menganjurkan hiburan untuk menceriakan rakyat jelata daripada kerisauan yang menyelubungi diri mereka. Oleh itu, sebagai manusia seharusnya menyematkan sikap pemurah dan memberikan manfaat kepada orang lain supaya kehidupan lebih diberkati dan dirahmati.

#### 4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Belas Kasihan

Mohd Ali Hashimi (1992), Aboebakar Atjeh (1998), Hashim Musa (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah mendefinisikan sikap belas kasihan sebagai perasaan luluh dan duka yang hadir dalam jiwa manusia ketika melihat kesedihan dan keperitan yang harus ditempuhi oleh individu lain. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016) kata ‘belas’ dimaksudkan sebagai hiba, turut bersedih dan kasihan manakala kata ‘kasihan’ pula adalah menimbulkan perasaan hiba pada diri orang lain yang melihatnya. Oleh itu, gabungan diantara dua perkataan tersebut maka terjadilah istilah belas kasihan yang membawa maksud merasai kesedihan apabila melihat orang lain dalam kesakitan, kesedihan dan kesusahan. Oleh itu, terdapat tiga contoh sikap belas kasihan melalui cerita asal usul yang bertajuk *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu, Kain Sutera Cina, Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani, Rumah Api Penyelamat Saudagar* dan *Lipat Sanggul Petempatan Residen British*.

#### Petikan 3

“Setibanya di rumah Tok Ketua, mereka disambut dengan hujan yang sangat lebat. Hujan ribut dimana kilat sambar-menyambar dengan dentuman guruh yang kuat dan diiringi hujan lebat mencurah membasahi bumi menyambut kedatangan mereka di rumah Tok Ketua. Mereka kesejukan lalu isteri Tok Ketua menghidangkan secawan kopi seorang untuk meredakan kesejukan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:8)

Kisah daripada cerita *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* telah memaparkan sikap belas kasihan yang dipamerkan oleh isteri Tok Ketua. Sebagai contohnya, isteri kepada Tok Ketua telah menghidangkan secawan air kopi setiap seorang bagi meredakan kesejukan memandang pada ketika itu hujan turun dengan lebat. Dalam konteks ini, terbuktilah bahawa isteri Tok Ketua mempunyai sikap belas kasihan apabila melihat Mail dan ahli kumpulannya kesejukan dek kerana hujan yang lebat.

Selain itu, nilai baik hati melalui sikap belas kasihan diselitkan dalam cerita *Kain Sutera Cina*.

#### Petikan 4

“Salah seorang keluarga kepada Hassan telah mengalami kecederaan yang parah akibat serangan itu. Kecederaan yang dialami sangat serius dimana bahagian betis kanan mengalami luka yang sangat dalam dan sukar untuk diubati melainkan hanya mampu menahan sakit. Bulan demi bulan, luka tersebut masih tidak ada yang dapat mengubatinya. Hassan dan Hussin bertekad untuk masuk ke dalam hutan belantara mencari ikhtiar merawat luka yang dialami oleh anggota keluarga Hassan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:10)

Penceritaan yang terdapat dalam cerita *Kain Sutera Cina* mengisahkan tentang sikap belas kasihan yang dimiliki oleh Hassan dan Hussin. Contohnya, Hassan dan Hussin telah mengambil keputusan untuk memasuki hutan belantara dan mencari penawar untuk mengubati luka yang dialami oleh keluarga Hassan akibat berlakunya

serangan hendap. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap belas kasihan ditunjukkan oleh Hassan yang bersimpati dengan keluarganya yang mengalami kecederaan parah lalu berusaha untuk mencari ikhtiar dan penawar dengan bantuan shabat baiknya, Hussin.

Tambahan pula, dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* juga menyelitkan nilai baik hati melalui sikap belas kasihan.

#### Petikan 5

"Siang berganti malam hal itu telah difikirkan oleh Puteri Saadong. Sehinggakan baginda tidak selera untuk menjamah makanan. Kekusutan itu telah menyebabkan Puteri Saadong ini hiba memikirkannya. Para pembesar merasa susah hati dengan sikap baginda Puteri Saadong ini. "Apakah yang harus dilakukan oleh beta untuk membangunkan Pantai Pengkalan Datu seperti pelabuhan lain?" keluh baginda sewaktu di jendela istana."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 15)

Cerita yang berjudul *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* menceritakan tentang sikap belas kasihan yang terselit dalam diri Puteri Saadong. Sebagai contohnya, Puteri Saadong merasa kusut dan hiba memikirkan para pedangan yang tiada tempat untuk menginap apabila datang berdagang di negerinya. Sikap pedagang yang sangat menghormati hak meraka dan tidak menimbulkan kekecohan atau pergaduhan ketika berdagang telah membuatkan Puteri Saadong merasa sedih, kasihan dan ralat kerana tidak menyediakan tempat penginapan untuk para pedagang. Oleh itu, telah terbuktinya sikap belas kasihan dalam diri Puteri Saadong kerana terlalu gusar dan hiba memikirkan tentang tempat penginapan para pedagang sehingga membuatkan Pueri Saadong tidak berselera untuk menjamah makanan.

Seterusnya, dalam cerita *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* juga ada menyatakan tentang sikap belas kasihan.

#### Petikan 6

“Setelah banjir besar itu terjadi, penduduk yang menetap disitu mulai menyelamatkan diri ke Kampung Pulau Gajah Besar. Sewaktu itu juga terdapat penduduk dari Kampung Pulau Gajah Besar datang untuk membantu mangsa hakisan ombak dan air pasang yang enggan berpindah. Mereka datang membawa segala barang keperluan yang dikehendaki oleh mangsa. Selain itu, penduduk Kampung Gajah Besar sanggup memberikan rawatan kepada mangsa yang tercedera ketika malapetaka ngeri itu melanda. Terdapat penduduk Kampung Pulau Gajah Besar sanggup menumpangkan mangsa dari kampung tersebut di rumah mereka buat sementara waktu”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:25)

Kisah daripada cerita *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* menceritakan tentang sikap belas kasihan yang ditunjukkan oleh masyarakat Kampung Gajah Besar. Sebagai contoh, apabila penduduk Pulau Gajah Kecil ditimpa bencana iaitu banjir, ianya telah membuatkan masyarakat Kampung Gajah Besar berasa simpati lalu mereka menghulurkan bantuan dengan memberikan rawatan kepada mangsa yang tercedera, menumpangkan mangsa di rumah mereka dan membawa barang keperluan kepada mangsa. Oleh itu, jelaslah bahawa penduduk di Kampung Gajah Besar mempunyai sikap belas kasihan yang tinggi sehingga menggalakkan mereka untuk menghulurkan bantuan dengan rela hati.

Selain itu juga, dalam cerita *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* juga menyelitkan nilai baik hati melalui sikap belas kasihan.

#### Petikan 7

“Melihat keadaan Cik Melah yang tidak sedarkan diri itu, segera Howard mengangkat Cik Melah lalu dibawa ke keretanya. Cik Melah segera dibawa ke hospital. Akhirnya, Cik Melah selamat daripada bisa ular itu. Cik Melah merasakan syukur dan berterima kasih kepada Pak Dollah dan Howard kerana menyelamatkannya. Setelah itu, Howard tinggal di Kampung Lipat

Sanggul untuk seberapa waktu sebelum pulang ke British ke pangkuan keluarganya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:36)

Cerita asal usul daripada kisah *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* mengisahkan tentang nilai baik hati melalui sikap belas kasihan yang ditunjukkan melalui Howard Foster Biles iaitu seorang warga British yang menetap di Kampung Lipat Sanggul. Sikap belas kasihan itu ditonjolkan apabila Howard telah membawa Cik Melah ke hospital dengan segera kerana mendapati Cik Melah tidak menyedarkan diri akibat di patuk ular. Perbuatan yang dilakukan oleh Howard itu telah menyelamatkan nyawa Cik Melah apabila Cik Melah selamat daripada bisa ular. Dalam konteks ini, telah menunjukkan bahawa walaupun Howard hanya menumpang di Kampung Lipat Sanggul itu tetapi Howard mempunyai sikap belas kasihan kerana sedia membantu Cik Melah yang ditimpa kemalangan tanpa menilai siapa Cik Melah itu.

Sehubungan itu, kajian yang dilakukan terhadap nilai baik hati melalui sikap belas kasihan telah mengaplikasikan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan fungsi kepada pendekatan kemasyarakatan yang diterangkan oleh Hashim Awang (2002) iaitu pendekatan kemasyarakatan adalah sebagai perantara untuk mencari keharmonian hidup bermasyarakat. Misalnya, dalam kisah *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* menunjukkan sikap belas kasihan yang dipamerkan dalam diri isteri Tok Ketua dengan menghidangkan secawan kopi seorang untuk meredakan kesejukan dek kerana turunnya hujan lebat manakala dalam cerita *Kain Sutera Cina* pula menunjukkan sikap belas kasihan melalui diri Hassan dan Hussin yang sanggup mesuk ke dalam hutan belantara semata-mata ingin mencari penawar buat keluarganya yang mengalami kecederaan

yang serius. Selain itu juga, sikap belas kasihan yang ditunjukkan dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* dimana Puteri Saadong merasa susah hati memikirkan tentang para pedagang yang tiada tempat penginapan apabila berdagang di negerinya dan melalui cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* telah menunjukkan sikap belas kasihan dalam diri penduduk Kampung Gajah Besar yang sanggup menghulurkan bantuan kepada mangsa hakisan ombak dan air pasang. Dalam konteks ini, telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu suatu masa dahulu mempunyai sikap pemurah sangat menebal dalam diri mereka. Oleh itu, sebagai masyarakat yang baik hati seharusnya memupuk sikap belas kasihan dalam diri supaya lebih peka terhadap keperluan dan kesusahan orang lain.

#### 4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Definisi bertimbang rasa menurut Mustafa Daud (1995) adalah suatu sikap dimana seseorang itu merasakan sedih dan simpati terhadap individu yang ditimpa masalah dan kesusahan serta sentiasa bersikap adil dalam melakukan sesuatu perkara bagi mengelakkan daripada berlakunya persefahaman dalam masyarakat sekeliling. Namun begitu Hashim Musa (2008) telah menyatakan bahawa bertimbang rasa merupakan perasaan simpati yang hadir dalam diri seseorang apabila melihat orang yang ditimpa kesusahan dan penderitaan. Selain itu, pentakrifan bertimbang rasa menurut *Kamus Dewan* (2016) adalah perasaan bersimpati, berlaku adil dan belas kasihan. Oleh itu, melalui cerita *Kota Jembal*, *Keasyikan Suara Buluh Perindu* dan *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* telah memaparkan sikap bertimbang rasa.

#### Petikan 8

“Setelah letih bermain, mereka terlena di bawah pokok jambu tersebut. Hal ini telah membuatkan Raja Besar berfikir untuk membuat kawasan penempatan untuk mereka semua. Baginda bercadang untuk menubuhkan sebuah negeri di kawasan itu. Segera diarahkan semua hulubalang yang ada

untuk menyiapkan penempatan mereka. Setelah kawasan penempatan siap, mereka telah menetap di kawasan itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:9)

Kisah daripada cerita *Kota Jembal* menceritakan tentang sikap bertimbang rasa yang wujud dalam diri Raja Besar. Sebagai contohnya, apabila melihat cucu terlena di bawah pokok jambu maka tercetusnya idea untuk membuat penempatan buat cucunya dan para hulubalang. Raja Besar telah meminta hulubalangnya untuk menyiapkan kawasan penempatan mereka. Dalam konteks ini, sikap bertimbang rasa ditunjukkan oleh Raja Besar kerana sanggup membuat satu kawasan penempatan untuk kesenangan cucu dan hulubalangnya.

Seterusnya, sikap bertimbang rasa dapat dilihat melalui cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu*.

#### Petikan 9

“Setelah beberapa bulan menginap di Kampung Pulau Gajah, lelaki tersebut telah melihat kehadiran beberapa buah keluarga yang berpindah ke petempatan yang didiaminya ketika itu. Dia menerima kunjungan keluarga tersebut dengan rela hati. Selepas itu, sebanyak tiga buah rumah telah dibina oleh tiga keluarga yang berkemungkinan dari kampung berhampiran situ juga iaitu Kampung Pantai Sabak.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:29)

Cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* mengisahkan tentang sikap bertimbang yang terdapat dalam diri seorang lelaki. Sebagai contohnya, lelaki yang baru membina sebuah penempatan berhampiran Pulau Gajah menerima kedatangan beberapa buah keluarga yang ingin menetap di petempatan yang didiaminya dengan rela hati. Dalam konteks ini, telah terbukti bahwasanya lelaki tersebut mempunyai sikap yang

bertimbang rasa apabila dia membenarkan keluarga lain menetap di kawasan yang didiaminya.

Seterusnya, dalam cerita *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* juga ada menyebutkan tentang sikap bertimbang rasa.

#### Petikan 10

“Biarpun peperangan telah tamat, namun masih ada sebilangan masyarakat British yang masih menetap di kawasan jajahan mereka seperti yang terjadi di Kampung Lipat Sanggul. Terdapat seorang warga British yang masih menetap di kampung tersebut biarpun perang telah tamat. Walaupun Howard Foster Biles merupakan warga British, penduduk Kampung Lipat Sanggul menerima dengan hati terbuka. Howard memiliki sebuah rumah agak besar bagi seorang bekas residen British.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:35)

Kisah *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* telah menceritakan tentang sikap bertimbang rasa yang terdapat dalam masyarakat Kampung Lipat Sanggul. Sebagai contoh, penduduk Kampung Lipat Sanggul menerima salah seorang warga British dengan hati terbuka untuk menetap di kampung tersebut. Penduduk di kampung tersebut berasa senang dan tidak kekok untuk bergaul dengan warga British tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa penduduk di kampung tersebut bersikap bertimbang rasa kerana sanggup menerima warga British walaupun British pernah menjajah Tanah Melayu.

Rentatan daripada itu, telah menunjukkan bahawa pendekatan moral telah diaplikasikan dalam menganalisis nilai baik hati melalui sikap bertimbang rasa. Merujuk kepada pendefinisian yang dikemukakan oleh Hashim Awang (2002) dimana pendekatan moral merupakan suatu medium untuk meneliti kejadian yang bersifat pengalaman hidup seperti kejiwaan, kepercayaan, kebudayaan, kemasyarakatan,

kebangsaan dan persekitaran. Sehubungan itu, menerusi cerita *Kota Jembal*, *Keasyikan Suara Buluh Perindu* dan *Lipat Sanggul Penempatan Residen British* memaparkan sikap bertimbang rasa seperti membuatkan penempatan untuk cucu dan hulubalang sepertimana yang dilakukan oleh Raja Besar, seterusnya membenarkan kunjungan keluarga lain untuk menetap di kediamannya dengan rela hati dan tidak menyimpan dendam kepada masyarakat British dengan membenarkan salah seorang warga British untuk menetap di Kampung Lipat Sanggul. Oleh demikian, sikap bertimbang rasa seperti yang terdapat dalam cerita tersebut sewajarnya dijadikan pedoman supaya dapat memahami situasi dan keadaan orang lain dan melahirkan masyarakat yang berfikiran panjang dalam melakukan sesuatu perkara.

#### 4.2.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemaaf

Aboebakar Atjeh (1988), telah menyatakan bahawa sikap pemaaf merujuk kepada manusia yang memaafkan orang lain dengan rela hati tanpa mempunyai niat untuk membalas kesalahannya serta tidak menimbulkan rasa benci dalam diri. Sikap pemaaf merupakan antara amalan yang dituntut dalam kehidupan terutamanya golongan umat Islam kerana ianya dipandang mulia disisi agama. Namun begitu definisi pemaaf berdasarkan *Kamus Dewan* (2016) adalah orang yang rela memberi kemaafan dan suka memaafkan orang lain. Pengertian pemaaf dari segi bahasa ialah melepaskan atau membebaskan manakala dari segi istilah pula adalah melepaskan seseorang daripada kesalahan dan membebaskannya dari hukuman. Perkataan ‘maaf’ merujuk kepada kesanggupan dan keikhlasan seseorang untuk melepaskan atau membebaskan pesalah daripada hukuman terhadap perbuatan buruknya. Oleh itu, nilai baik hati melalui sikap pemaaf dipaparkan melalui cerita *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu*, *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* dan *Kepesatan Pengkalan Parit*.

### Petikan 11

“Semua lanun tersebut telah dibawa menghadap Puteri Saadong yang ketika itu sedang bersemayam di istananya. Melihat keadaan yang huru-hara itu telah membuatkan baginda terkejut. Setelah mendapati dan diselidiki punca kejadian, Puteri Saadong telah menjadi murka. Para lanun mula menangis meminta agar mereka diampunkan dan berjanji tidak akan melakukan hal seperti itu lagi. Mendengarkan janji yang telah dilakukan oleh para lanun telah membuatkan baginda berhenti seketika sambil berfikir. Lalu, baginda memaafkan perbuatan lanun-lanun itu dengan syarat mereka berjanji untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:13)

Cerita *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* telah mengisahkan nilai baik hati melalui sikap pemaaf yang wujud dalam diri Puteri Saadong. Sebagai contohnya, Puteri Saadong telah memaafkan perbuatan lanun-lanun. Namun begitu, lanun-lanun tersebut harus berjanji bahawa tidak akan melakukan kesalahan sedemikian lagi. Dalam konteks ini, jelaslah bahawa Puteri Saadong mempunyai hati yang baik kerana tersentuh hati apabila melihat lanun-lanun tersebut menangis sambil meminta keampunan, lalu diampunkan kesalahan lanun tersebut oleh Puteri Saadong.

Seterusnya, dalam cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* juga ada menyebutkan tentang sikap pemaaf.

### Petikan 12

“Abu yang melihat keadaan yang menimpa masjid kampung mereka mulai merasa menyesal dengan tindakannya. Lalu, segara beliau memohon maaf atas kesilapannya. Timah juga meminta maaf kerana berpaktat dengan Abu untuk melakukan hal itu. Penduduk kampung yang berada di tempat itu memaafkan kesalahan mereka kerana mereka juga melakukan satu kesilapan dengan mengusir imam tanpa usul periksa.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:17)

Cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* mengisahkan tentang sikap pemaaf yang terdapat dalam diri masyarakat Pengkalan Datu. Sebagai contohnya,

masyarakat kampung Pengkalan Datu telah memaafkan perbuatan Abu dan Timah kerana telah memerangkap imam dengan membuat fitnah bahawa imam telah melakukan perbuatan tidak senonoh kepada Timah. Hal ini telah menyebabkan imam dihalau keluar dari kampung tersebut. Dalam konteks ini, telah menunjukkan penduduk kampung Pengkalan Datu sedia untuk memaafkan Abu dan Timah kerana mereka juga telah melakukan kesalahan dengan mengusir imam.

Tambahan pula, nilai baik hati melalui sikap pemaaf juga diselitkan dalam kisah *Kepesatan Pengkalan Parit*.

### Petikan 13

“Pak Bulat adalah seorang yang panas baran dan mudah naik angin apabila kemahuannya tidak dituruti. Suatu hari, Pak Bulat telah bertengkar dengan Ah Li seorang pedagang dari China kerana satu salah faham kecil. Pergaduhan itu telah dapat dilerakan oleh laksamana di kawasan itu. setelah perbincangan dilakukan, Pak Bulat merasakan dirinya telah bersalah lalu meminta maaf kepada Ah Li. Ah Li telah memaafkan perbuatan Pak Bulat. Mereka akhirnya dikhabarkan telah berkawan baik sejak peristiwa itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:34)

Cerita *Kepesatan Pengkalan Parit* telah mengisahkan tentang sikap pemaaf ditonjolkan melalui watak Pak Bulat. Sebagai contoh, sebaik sahaja Pak Bulat sedar akan kesalahannya, Pak Bulat telah memohon maaf kepada Ah Li. Ah Li juga telah memaafkan Pak Bulat dengan rela hati lalu sejak peristiwa pertengkaran itu Pak Bulat dan Ah Li juga telah berkawan baik. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap pemaaf adalah sangat penting dan sewajarnya diamalkan dalam kehidupan bagi mewujudkan sesuatu hubungan baik sesama manusia.

Rentetan daripada itu, kajian yang dilakukan untuk menganalisis nilai baik hati melalui sikap pemaaf adalah bertunjangkan pendekatan kemasyarakatan. Berdasarkan pentakrifan pendekatan kemasyarakatan yang dikemukakan oleh Hashim Awang (2002) iaitu mencari kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan serta ketaqwaan yang menuju kepada kebaikan. Sebagai contohnya, penulis telah memaparkan sikap pemaaf melalui beberapa cerita iaitu *Pertahanan Benteng Pengkalan Datu* seperti Puteri Saadong telah memaafkan kesalahan para lanun dan meminta para lanun tersebut berjanji untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama manakala dalam cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* sikap pemaaf itu ditunjukkan melalui penduduk kampung dimana mereka telah memaafkan Abu dan Timah di atas kesalahan memfitnah imam masjid dan dalam cerita *Kepesatan Pengkalan Parit* sikap memaafkan orang lain ditunjukkan dalam diri Ah Li yang telah memaafkan Pak Bulat dalam satu percaduhan akidat satu salah faham yang kecil. Dalam konteks ini, telah menunjukkan betapa murninya sikap pemaaf atau memaafkan kesalahan orang lain kerana sikap tersebut adalah suatu sikap yang sangat mulia dan dapat memberikan ketenangan dalam hidup.

#### 4.3 Nilai Berdikari

Berdasarkan pandangan daripada Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992) & Norita Ariffin (2006) terhadap definisi berdikari adalah kebolehan, kesanggupan, keyakinan pada diri sendiri, penuh inisiatif serta sanggup menggalas tanggungjawab yang diberikan dan melakukan tugas dengan baik. Selain itu, menurut Hashim Musa (2008) berdikari adalah suatu sikap dimana seseorang individu sentiasa berfikiran matang dan mempunyai keyakinan yang tinggi untuk membuat tugas tanpa meminta pertolongan daripada sesiapa. Sehubungan dengan itu, nilai berdikari dapat dirumuskan sebagai kesanggupan serta kebolehan seseorang dalam

melakukan sesuatu tanpa mengharapkan orang lain. Namun begitu, menurut Kamus Dewan (2016), berdikari ditakrifkan sebagai usaha sendiri dan tidak mengharapkan bantuan individu lain untuk membantunya. Oleh itu, nilai berdikari dalam kajian ini ditonjolkan melalui sikap yakin pada diri.

#### 4.3.1 Nilai Berdikari Melalui Sikap Yakin Pada Diri

Menurut Jumali Selamat (2001), Hashim Musa (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mendefinisikan istilah yakin diri sebagai keupayaan atau kebolehan seseorang manusia dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kejayaan. Sehubungan itu, sikap yakin pada diri sendiri merupakan salah satu kunci kepada kejayaan seseorang. Selain itu, Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016), definisi yakin adalah betul-betul percaya tentang sesuatu kebenaran dan kemampuan, tidak ragu-ragu dan pasti benar. Oleh itu, nilai berdikari melalui sikap yakin pada diri diselitkan dalam cerita *Serangan Basikal Berkuasa Genetik Di Pantai Mek Mas*.

#### Petikan 14

“Tentera Jepun telah menggunakan basikal sebagai sistem pengangkutan untuk menjajah seluruh Tanah Melayu. mereka telah melakukan satu renovasi terhadap basikal yang digunakan. Mereka telah menjadikan basikal kepada motor berkuasa genetik. Motor ini telah digunakan sebagai alat komunikasi antara tentera di Tanah Melayu dan pihak atasan di Jepun. Ianya merupakan satu kelebihan kepada pihak Jepun kerana berhasil mencipta sesuatu yang berlainan dalam menyusun strategi menakluki tanah jajahan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:33)

Kisah daripada cerita asal usul yang berjudul *Serangan Basikal Berkuasa Genetik Di Pantai Mek Mas* menceritakan tentang sikap berdikari telah dipaparkan melalui sikap yakin pada diri sepetimana yang ditonjolkan oleh tentera Jepun. Sebagai contohnya, Jepun telah menggunakan kepakarannya dalam bidang teknologi untuk mengubahsuai basikal menjadi motor yang berkuasa genetik. Tentera Jepun yakin

dengan pengubahsuaian yang dilakukan terhadap basikal mampu untuk menakluki tanah jajahannya. Oleh itu, jelaslah bahawa tentera Jepun mempunyai nilai berdikari dengan yakin di atas setiap apa yang dilakukannya. Justeru itu, masyarakat Melayu seharusnya yakin terhadap diri sendiri untuk mendapatkan keuntungan serta mencapai apa yang dihajatkan.

Sehubungan itu, kajian terhadap nilai berdikari melalui sikap yakin pada diri adalah bertunjangkan pendekatan moral. Hal ini bertepatan dengan pentakrifan pendekatan moral yang dijelaskan oleh Hashim Awang (2002) iaitu suatu pendekatan yang lebih kepada pengalaman yang dilalui dalam kehidupan manusia serta informasi yang dikaitkan dengan manusia seperti kepercayaan dan persekitaran. Sikap yakin pada diri ini telah dibuktikan melalui cerita *Serangan Basikal Berkuasa Genetik Di Pantai Mek Mas* dimana tentera Jepun mempunyai keyakinan dengan mengubahsuai basikal kepada motor berkuasa genetik sebagai alat komunikasi ketika menjajah di tanah Melayu. Dalam konteks ini, keyakinan diri yang terdapat pada tentera Jepun semakin menebal dengan kelebihan yang ada terhadap teknologi permotoran sehingga mampu mencapai kemajuan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, sikap keyakinan diri yang ditunjukkan oleh tentera Jepun sewajarnya dicontohi oleh masyarakat Melayu kerana orang yang memiliki keyakinan diri yang tinggi mampu untuk melaksanakan sesuatu perkara tanpa wujudnya perasaan ragu-ragu sehingga dapat mencapai apa yang diidamkan.

#### 4.4 Nilai Hemah Tinggi

Maksud hemah tinggi adalah peradaban yang sopan dan ketinggian budi pekerti dalam kehidupan seharian. Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992) telah menjelaskan bahawa hemah tinggi adalah perlakuan yang baik serta tingkah laku

yang sopan yang wujud dalam diri manusia. Selain itu, Norita Ariffin (2006) juga menyatakan hemah tinggi adalah keperibadian yang mulia serta tinggi budi bahasanya terutamanya dalam menjalankan perhubungan yang baik dan harmoni dengan individu lain. Oleh itu, manusia yang mempunyai nilai hemah tinggi dalam diri akan dapat menjaga dan memahami perasaan orang lain. Justeru itu, nilai hemah tinggi dapat diperlihatkan melalui sikap sedar akan kesilapan.

#### 4.4.1 Nilai Hemah Tinggi Melalui Sikap Sedar Akan Kesilapan

Istilah sedar akan kesilapan boleh dikatakan sebagai insaf. Menurut *Kamus Dewan* (2016) perkataan ‘sedar’ bermaksud tahu, ingat, insaf dan mengerti manakala perkataan kesalahan pula adalah perihal salah, perbuatan salah atau kesilapan. Justeru itu, sikap sedar akan kesalahan akan membuatkan masyarakat atau orang disekeliling akan lebih menghargai pesalah kerana ianya melambangkan kepada keberanian seseorang. Oleh itu, nilai hemah tinggi melalui sikap sedar akan kesalahan diperlihatkan dalam cerita asal usul yang bertajuk *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* dan *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*.

##### Petikan 15

“Begitulah kisahnya kalau kamu semua nak tahu mengapa aku menyuruh kamu semua membuat persembahan terlebih dahulu di bawah pokok tanjung itu sebelum kamu pergi membuat persembahan ke tempat lain.” kata Tok Ketua. Mereka mengangguk tanda faham dengan nasihat Tok Ketua dan mengucapkan terima kasih kerana menceritakan sejarah kepada mereka. Mereka turut meminta maaf kepada Tok Ketua kerana mengingkari pesanan Tok Ketua dan sekaligus tidak memenangi pertandingan itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:9)

Kisah *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* menceritakan tentang nilai hemah tinggi melalui sikap sedar akan kesilapan seperti mana yang dipamerkan oleh Mail dan ahli kumpulannya. Sebagai contohnya, selepas mendengar cerita sejarah

dari pada Tok Ketua itu, mereka sekumpulan sedar akan kesilapannya kerana tidak melakukan persembahan di bawah pokok tanjung terlebih dahulu sebelum bertanding. Mereka dengan rendah hatinya telah memohon maaf kepada Tok Ketua kerana tidak mendengar nasihatnya. Akibat dari pada itu, mereka telah kalah dalam pertandingan dikir barat. Disebabkan hal demikian, mereka kesal akan kesilapan diri sendiri dan mengambil iktibar daripada kisah yang disampaikan oleh Tok Ketua itu. Oleh hal yang demikian, sebagai seorang manusia seharusnya mempunyai sikap sedar akan kesilapan sendiri dan rendahkan hati untuk meminta maaf supaya tidak dianggap sombang oleh masyarakat.

Tambahan pula, cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* juga menunjukkan tentang nilai hemah tinggi melalui sikap menyedari kesilapan.

#### Petikan 16

“Selepas diusir, tiba-tiba gelombang ombak tidak tahu akan mana datangnya telah membinasakan bangunan masjid Pengkalan Datu itu dengan menenggelamkannya. Penduduk yang melihat kejadian itu merasa terkejut dengan apa yang terjadi. Imam juga telah ghaib entah ke mana. Penduduk mulai merasakan hal yang berlaku itu mempunyai kaitan dengan imam tersebut. Abu yang melihat keadaan yang menimpa masjid kampung mereka mulai merasa menyesal dengan tindakannya itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:17)

Cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* mengisahkan tentang nilai hemah tinggi dipaparkan melalui sikap sedar akan kesilapan yang wujud dalam diri Abu, Timah dan penduduk kampung. Contohnya Abu merasa menyesal kerana telah memfitnah Imam melakukan perbuatan yang tidak senonoh kepada Timah. Dengan melihat kejadian yang menimpa masjid tersebut mempunyai kaitan dengan Imam, Abu telah meminta maaf diatas kesalahannya kepada penduduk kampung. Selain itu, Timah juga turut meminta maaf kepada penduduk kampung kerana berkomplot untuk memerangkap imam masjid tersebut supaya diusir daripada kampung

tersebut. Penduduk kampung telah memaafkan Abu dan Timah kerana merupakan juga telah berbuat salah kepada imam. Penduduk kampung juga berasa menyesal kerana telah menghalau imam tanpa usul periksa. Dalam konteks ini telah menunjukkan bahawa Abu, Timah dan penduduk kampung menyedari akan kesilapan yang dilakukan dan akibatnya telah menyebabkan masjid Pengkalan Datu tenggelam.

Rentetan daripada itu, kajian tentang nilai hemah tinggi melalui sikap sedar akan kesilapan adalah berteraskan pendekatan moral. Hal ini disebabkan oleh menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih kepada pengalaman dilalui dalam hidup manusia serta maklumat yang berkaitan manusia serta kepercayaan, kebudayaan, dan persekitaran. Sebagai contoh, dalam cerita *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*, sikap sedar akan kesilapan dipaparkan oleh Mail dan ahli kumpulannya yang berasa kesal kerana tidak mendengar nasihat Tok Ketua lalu memohon maaf di atas kesilapan mereka kepada Tok Ketua manakala dalam cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* pula sikap demikian dipamerkan melalui diri Abu dan Timah yang meminta maaf kepada penduduk kampung dan mengaku bahawa mereka telah memerangkap imam tersebut. Oleh itu, membuat sesuatu kesalahan merupakan lumrah hidup seorang manusia, namun begitu mengaku dan sedar akan kesilapan adalah suatu perkara yang sangat dituntut kerana ianya akan menunjukkan seseorang manusia mempunyai sikap berjiwa besar dan mewujudkan kepercayaan kerana berani bertanggungjawab di atas kesalahan yang dilakukan.

#### 4.5 Nilai Hormat-Menghormati

Nilai hormat-menghormati merupakan memuliakan insan lain, memberikan layanan yang baik, menghormati hak serta menghargai jasa dan pendapat orang lain. Tajul

Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992: 31) telah mendefinisikan nilai hormat-menghormati dapat dipamerkan melalui budi pekerti dengan tingkah laku yang mulia seseorang individu terhadap hubungannya dengan masyarakat lain. Namun begitu, menurut Norita Ariffin (2006) pula, nilai hormat-menghormati merupakan suatu perasaan muhibah, bertimbang rasa, ikhlas dan menghormati orang lain. Selain itu, Hashim Musa (2008:69) pula telah menerangkan maksud menghormati dengan sikap memuliakan orang tua dan individu yang lebih berpangkat, menyanjungi tetamu, menghormati hak serta menghormati kepercayaan, kebudayaan, amalan dan keturunan sesama masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan memaparkan nilai murni melalui sikap menghormati hak orang lain, menghormati raja dan pemimpin serta bertolak ansur.

#### 4.5.1 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Hak Orang Lain

Hormat-menghormati melalui sikap menghormati hak orang lain ialah konteks 'hak' merujuk kepada milik atau kepunyaan manakala kata 'orang lain' pula merujuk kepada manusia lain atau bukan diri sendiri (*Kamus Dewan*, 2016). Sikap menghormati hak orang lain dipaparkan dalam cerita asal usul yang tertajuk *Kegemilangan Pengkalan Datu* dan *Musibah Di Kampung Pulau Gajah*.

##### Petikan 17

"Pemerintahan negeri diatur dengan menjadikan Pantai Pengkalan Datu sebagai pusat perdagangan terbesar negeri tersebut. Ramai pedagang telah datang untuk berdagang di kawasan ini. Pedagang-pedagang yang datang tidak melakukan perkara yang mendatangkan marah kepada masyarakat setempat. Mereka datang untuk berdagang secara rukun dan damai."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:15)

Kisah *Kegemilangan Pengkalan Datu* menceritakan tentang para pedagang yang sikap hormat-menghormati yang tinggi. Contohnya, para pedagang tidak

menimbulkan sebarang kekacauan seperti melakukan perkara yang mengganggu penduduk setempat serta menghormati setiap penduduk Pengkalan Datu. Oleh itu, telah terbuktinya sikap para pedagang yang sangat menghormati hak-hak penduduk Pengkalan Datu dengan berdagang secara damai.

Seterusnya, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati hak orang lain juga disebutkan dalam cerita *Musibah Di Kampung Pulau Gajah*.

#### Petikan 18

"Tidak seberapa selepas kejadian malapetaka itu, trauma masih berbaki dalam jiwa penduduk Pulau Gajah Kecil menyebabkan mereka berasa takut untuk pulang kembali ke kampung halaman. Lalu, mereka telah memutuskan untuk terus berada di Kampung Pulau Gajah Besar. Penduduk Pulau Gajah Kecil berpaktat bersua muka dengan Tok Penggawa Kampung Pulau Gajah Besar bagi menyatakan hasrat mereka itu."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 25)

Cerita *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* juga menceritakan tentang sikap menghormati hak orang lain melalui diri penduduk Kampung Gajah Putih. Sebagai contohnya, penduduk Kampung Gajah Putih berasa takut untuk pulang ke kampung halamannya. Lalu, mereka bertemu dengan Tok Penggawa Kampung Pulau Gajah Besar bagi meminta kebenaran untuk terus menetap di Kampung Pulau Gajah Besar. Setelah Tok Penggawa memberikan keizinan, barulah mereka bersama-sama membuat penempatan yang baharu. Dalam konteks ini, telah menerangkan bahawa sebagai manusia seharusnya mempunyai sikap menghormati hak seperitimana yang dilakukan oleh penduduk Pulau Gajah Kecil. Oleh itu menghormati hak boleh ditunjukkan melalui pelbagai cara seperti meminta izin dan tidak menjadikan sesuatu kepunyaan orang lain sebagai milik sendiri.

Rentetan daripada itu, penelitian terhadap nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati hak orang lain adalah berteraskan kepada pendekatan moral. Hal ini disebabkan oleh menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih menumpukan kepada pengalaman yang diharungi hidup manusia maklumat yang sering dikaitkan manusia serta kepercayaan dan kebudayaan. Sebagai contohnya, berdasarkan dua petikan di atas menunjukkan sikap menghormati hak orang lain dinyatakan melalui tidak menimbulkan kekecohan atau pergaduhan apabila berada di tempat orang lain serta meminta kebenaran kepada pemilik atau ketua apabila ingin melakukan sesuatu perkara di tempat orang lain.

#### 4.5.2 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Raja Dan Pemimpin

Hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan pemimpin adalah perkataan ‘raja’ yang terdapat di dalam *Kamus Dewan* (2016) ditakrifkan sebagai individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengetuai dan memerintah sesuatu bangsa dan negara atau kata ‘raja’ lebih dikenali sebagai sultan. Manakala kata ‘pemimpin’ pula didefinisikan sebagai individu yang diamanahkan untuk memimpin sesuatu pentadbiran dan pengikut kearah mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Ahmad Rusli, 1999). Oleh itu, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan pemimpin telah diperlihatkan dalam dua buah cerita yang bertajuk *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* dan *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*.

##### Petikan 19

“Sewaktu dihadapan para pembesar, baginda telah bertitah “Wahai para pembesar beta. Beta merasakan beta telah menemui jalan bagaimana hendak memulihkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja.” Ia telah membuatkan para pembesar berpandangan sesama sendiri. Walaupun merasakan cadangan itu tidak bernes namun dituruti segala perintah baginda.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:16)

Cerita *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* mengisahkan tentang para pembesar yang sentiasa menghormati raja dan pemimpinnya. Hal ini dikatakan demikian kerana para pembesar Pengkalan Datu menerima setiap keputusan dan cadangan yang dikemukakan oleh baginda Puteri Saadong walaupun mereka merasakan cadangan yang dikemukakan tersebut kurang bernalas. Dalam konteks ini, telah dibuktikan bahawa para pembesar Pengkalan Datu disifatkan sebagai rakyat yang mentaati perintah Puteri Saadong. Kesan daripada cadangan yang dikemukakan oleh Puteri Saadong telah menjadikan Pantai Pengkalan Datu sebagai pusat perdagangan yang membangun.

Seterusnya, sikap menghormati raja dan pemimpin juga disebutkan dalam cerita asal usul yang lain iaitu cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*.

#### Petikan 20

"Masjid ini dikatakan mempunyai seorang imam yang berperanan sebagai tokoh agama dalam menyebarkan ilmu dakwahnya. Ramai dalam kalangan anak muda yang mempelajari ilmu agama dengannya. Terdapat juga anak-anak muda yang pergi ke Mesir, Turki, Istanbul dan lain-lain. Masyarakat kampung amat menghormati imam kerana ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Sikap warak yang dipamerkan ini telah menambah rasa penduduk kepadanya."

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:16)

Kisah *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* telah menceritakan tentang penduduk kampung yang menghormati imam sebagai seorang pemimpin. Secara umumnya, imam dikategorikan sebagai salah seorang ketua yang bertanggungjawab untuk menghidupkan masjid. Sebagai contohnya, masyarakat kampung Pengkalan Datu sangat menghormati imam masjid kerana sikapnya yang warak dan memiliki ilmu pengetahuan yang meluas. Keperibadian imam masjid tersebut telah menimbulkan kesenangan kepada masyarakat kampung dan anak muda untuk terus menuntut ilmu.

Seterusnya, dalam cerita asal usul yang bertajuk *Simbolik Rebana* juga menyentuh tentang nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan pemimpin.

#### Petikan 21

“Pada zaman dahulu, rebana dimainkan untuk menyambut kedatangan golongan raja-raja. Setiap paluan masuk dan keluar adalah berbeza. Perbezaan bunyi paluan bagi membezakan paluan masuk dan keluar raja-raja. Setiap paluan itu mencerminkan keunikan tersendiri. Paluan rebana ini adalah khusus buat raja-raja dan menjadikan satu penghormatan kepada golongan raja dalam kalangan masyarakat. Paluan rebana tidak boleh dimainkan sesuka hati oleh golongan rakyat kepada raja sebagai golongan pemerintah.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:18)

Kisah Simbolik Rebana telah menceritakan tentang nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan pemimpin. Sebagai contohnya, penduduk Kampung Pulau Gajah Besar menyambut kedatangan raja dan para pembesar dengan paluan rebana. Masyarakat kampung tersebut menyatakan bahawa paluan rebana adalah sebagai suatu penghormatan kepada golongan raja-raja. Hal ini dikatakan demikian kerana, rebana mempunyai paluan bunyi yang berbeza dan unik. Setiap paluan yang dimainkan akan membezakan paluan masuk dan keluar raja-raja. Oleh itu, golongan rakyat biasa tidak dibenarkan untuk bermain paluan rebana ini kerana akan dianggap biadap kepada raja sebagai golongan pemerintah.

Rentetan daripada itu, penelitian terhadap nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati raja dan pemimpin adalah berteraskan kepada pendekatan moral. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih cenderung kepada pengalaman yang dilalui dalam kehidupan manusia serta pengetahuan yang berkaitan manusia serta kebudayaan, kemasyarakatan dan persekitaran. Buktinya telah dipamerkan melalui tiga petikan di atas dimana petikan daripada cerita *Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu* menunjukkan sikap menghormati cadangan

dan keputusan Puteri Saadong walaupun para pembesar merasakan cadangan baginda kurang bernes manakala petikan daripada cerita *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* pula menceritakan tentang sikap menghormati ketua atau imam yang memiliki ilmu yang tinggi dan akhir sekali petikan daripada cerita *Simbolik Rebana* yang mengisahkan tentang paluan rebana yang akan dimainkan untuk menyambut kedatangan raja-raja sebagai tanda penghormatan daripada golongan rakyat.

#### 4.5.3 Nilai Hormat-Menghormati Melalui Sikap Bertolak Ansur

Pengertian terhadap bertolak ansur menurut *Kamus Dewan* (2016) adalah saling menuruti, memberi dan menerima. Selain itu, bertolak ansur juga adalah tidak mementingkan atau menguntungkan sebelah pihak sama ada dalam menghadapi sebarang masalah, tanggungjawab yang diamanahkan serta tidak berkira apabila melakukan sesuatu kebaikan. Oleh itu, nilai hormat-menghormati melalui sikap bertolak ansur diperlihatkan dalam cerita asal usul yang bertajuk *Kegemilangan Pengkalan Datu*.

##### Petikan 22

“Tidak lama kemudian, Sultan Omar telah mangkat lalu takhta kerajaan telah diserahkan kepada Raja Pah. Raja Pah telah menyerahkan takhta kerajaan kepada suaminya Long Bahar. Ia menjadikan hak Raja Abdul Rahman dipinggirkan. Walaupun begitu ia telah diterima dengan baik oleh para pembesar kerana umur Raja Abdul Rahman masih setahun jagung dan dirasakan tidak layak untuk memerintah pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:14)

Cerita *Kegemilangan Pengkalan Datu* telah mengisahkan tentang nilai hormat-menghormati melalui sikap bertolak ansur. Contohnya, para pembesar telah menerima Long Bahar dengan hati yang terbuka sebagai pemerintah walaupun hak Raja Abdul Rahman dipinggirkan selepas kemangkatan Sultan Omar. Hal ini

disebabkan oleh para pembesar merasakan Raja Abdul Rahman terlalu muda dan tidak layak untuk memerintah pada ketika itu.

Sehubungan itu, penelitian terhadap nilai hormat-menghormati melalui nilai menghormati melalui sikap bertolak ansur adalah berteraskan kepada pendekatan moral. Hal ini disebabkan oleh menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih kepada pengetahuan yang dikaitkan dengan manusia seperti kepercayaan, kebudayaan dan kemasyarakatan. Dalam konteks ini, sikap bertolak ansur telah diperlihatkan melalui diri para pembesar yang menerima Long Bahar sebagai pemerintah baru walaupun hak Raja Abdul Rahman terpaksa dipinggirkan. Oleh itu, sebagai manusia seharusnya mepunyai sikap hormat-menghormati dan bertolak ansur bagi mewujudkan suasana yang aman dan damai dalam kehidupan bermasyarakat.

#### 4.6 Nilai Kasih Sayang

Menurut Norita Ariffin (2006: 93), definisi kasih sayang adalah belas kasihan yang wujud dalam diri seseorang terhadap orang lain sentiasa mencari jalan bagi meringankan beban yang ditanggung. Namun begitu, maksud kasih sayang merupakan perkongsian di antara kasih dan sayang serta mengambil berat terhadap sesuatu. Sikap kasih sayang ditunjukkan melalui perlakuan dan pengorbanan. Erti kasih sayang menurut *Kamus Dewan* (2016) adalah cinta dan berkasih sayang. Adapun begitu maksud perkataan ‘sayang’ adalah mengisi dan mencintai. Nilai kasih sayang dapat diperlihatkan melalui kasih sayang terhadap diri sendiri, ibu bapa, keluarga dan orang sekeliling. Oleh itu, kajian ini telah memaparkan nilai kasih sayang melalui sikap sayang terhadap diri sendiri.

#### 4.6.1 Nilai Kasih Sayang Melalui Sikap Sayangi Nyawa

Maksud sayangi nyawa adalah membela diri atau mempertahankan diri daripada sebarang ancaman, malapetaka dan penyakit. Menurut *Kamus Dewan* (2006), takrif nyawa adalah roh yang menghidupkan manusia, jiwa dan semangat. Menurut Hashim Musa (2008), Jabatan Kemajuan Islam (2011) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) berpendapat bahawa maksud sayangi nyawa adalah tindakan yang dilakukan untuk melepaskan diri daripada ancaman dan bahaya yang membawa kepada kematian. Oleh itu, kajian ini telah memaparkan dua nilai kasih sayang melalui sikap sayangi nyawa berdasarkan cerita *Asal Usul Datu* dan *Rumah Api Penyelamat Saudagar*.

#### Petikan 23

“Serangan telah berlanjutan selama berhari-hari membuatkan banyak nyawa telah terkorban akibat perperangan itu. Datu juga telah mengalami kecederaan pada bahagian bahu kanan dan bahagian badan anggota kiri. Melihat kerajaan Thailand tidak dapat bertahan lama, ramai dalam kalangan rakyat jelata telah melarikan diri. Datu juga mengambil kesempatan untuk menyelamatkan nyawanya dengan melarikan diri ke tempat yang selamat. Datu telah cuba merangkak ke arah perahu kecil yang terbiar di pinggir sungai. Datu menaiki perahu itu secara diam-diam lalu menggerakkan perahu itu untuk belayar di tengah-tengah sungai.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:2)

Kisah *Asal Usul Datu* ini telah menceritakan tentang nilai kasih sayang melalui sikap sayangi nyawa. Sebagai contohnya, Datu telah cuba sedaya upayanya untuk menyelamatkan dirinya daripada perperangan yang melanda negeri Thailand. Walaupun Datu mengalami kecederaan yang agak serius iaitu kecederaan pada bahu kanan dan bahagian badan anggota kiri tetapi semangatnya untuk menyelamatkan diri semakin tinggi. Datu yang terpaksa menahan sakit itu cuba untuk merangkak ke arah perahu kecil yang terletak dipinggir sungai dan kemudiannya menaiki perahu untuk pergi ke tempat yang lebih selamat supaya mudah untuknya merawat luka-luka pada tubuh badannya. Oleh itu,

terbuktilah bahawa nilai kasih sayang itu terselit dalam diri Datu kerana sanggup menghadapi kesakitan dan berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan dirinya.

Seterusnya, cerita yang bertajuk *Rumah Api Penyelamat Saudagar* juga memperlihatkan tentang nilai kasih sayang melalui sikap sayangi nyawa.

#### Petikan 24

“Tidak seberapa lama kemudian, angin terasa deras dan kencang. Laut mulai bergelora membuatkan anak kapal tidak senang duduk dan risau melihat keadaan tersebut. Saudagar cuba menenangkan anak-anak kapalnya agar tidak cemas menghadapi situasi begitu biarpun hatinya juga tidak tenang melihat kejadian sebegini. Anak-anak kapal mulai mengemudi kapal itu agar tidak terpesong daripada laluan sebenar. Namun, apakan daya ribut semakin mengganas dan laut mula bergelora. Kapal saudagar mulai terumbang-ambing. Ali merasa pening kerana mabuk dengan keadaan laut yang kian bergelora. Anak-anak kapal masih juga berusaha mempertahankan kapal tersebut daripada karam di lautan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:23)

Cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* ini mengisahkan tentang saudagar dan anak kapalnya yang diselubungi nilai kasih diantara mereka. Ianya telah dipaparkan melalui sikap sayangi nyawa. Sebagai contohnya, ketika berlakunya angin kencang dan laut bergelora sehingga mengakibatkan kapal terumbang-ambing, saudagar telah menenangkan anak-anak kapalnya supaya tidak cemas dan kelam kabut walaupun hatinya turut merasakan sedemikian. Selain itu, mereka bersama-sama berusaha untuk mengemudi kapal dengan baik supaya tidak dibawa ombak dan karam. Walaupun kapalnya terdampar di lautan akan tetapi mereka tetap berusaha untuk menyelamatkan nyawa masing-masing dengan meneruskan belayar tanpa mengetahui arah tuju kapal tersebut. Mereka juga diuji apabila bekalan makanan telah habis dua hari lepas. Oleh itu, untuk mereka hanya berbekalkan air laut meneruskan kehidupan di lautan. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa saudagar dan anak-anak kapalnya berusaha sehabis mungkin untuk menyelamatkan

diri dan nyawa mereka daripada karam dilautan sehingga mereka menemukan rumah api sebagai daratan untuk berlabuh.

Sehubungan itu, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan moral untuk menganalisis nilai kasih sayang melalui sikap sayangi nyawa. Justeru itu, menurut Hashim Awang (2002) pendekatan moral merupakan suatu pendekatan yang menggambarkan pengalaman yang ditelusuri oleh manusia serta pengetahuan yang diperolehi setiap manusia dalam kehidupannya sama ada mendatangkan impak yang baik ataupun buruk. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam cerita *Asal Usul Datu* nilai kasih sayang melalui sikap sayangi nyawa ditonjolkan pada watak Datu yang cuba menyelamatkan dirinya ketika berlakunya serangan di negeri Thailand walaupun Datu mengalami kecederaan yang teruk manakala dalam cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* pula sikap sayangi nyawa ini diperlihatkan apabila anak-anak kapal berusaha sebaik mungkin untuk mengemudi kapal agar tidak terpesong daripada laluan sebenar ketika berlakunya angin kencang dan laut bergelora. Dalam konteks ini, sikap sayangi nyawa diperlihatkan melalui usaha dalam menyelamatkan diri daripada sebarang ancaman dan bencana. Justeru itu, sikap sayangi nyawa juga diperlihatkan dengan cara menjaga kesihatan, mengamalkan gaya hidup yang sihat dan menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang mungkar.

#### 4.7 Nilai Keadilan

Hashim Musa (2008) telah berpendapat bahawa keadilan merupakan sikap yang sangat dititikberatkan dalam membuat dan menentukan keputusan dengan mengambil kira pendapat serta pandangan daripada pihak lain. Selain itu, merujuk kepada Kamus Dewan (2016), keadilan merupakan sifat, perbuatan atau tindakan yang adil. Keadilan merupakan suatu sikap yang perlu diterapkan dalam diri manusia

dalam menegakkan kebenaran yang kepada sesiapa pun. Selain itu, perkataan adil berasal daripada istilah bahasa Arab iaitu ‘*al-adl*’ yang membawa maksud tidak berat sebelah dan tidak memihak. Sehubungan itu, nilai keadilan dapat dikatakan sebagai sesuatu yang tidak berat sebelah dan seimbang dalam sesuatu perkara. Oleh itu, nilai keberanian akan ditunjukkan melalui sikap adil dan saksama melalui cerita asal usul yang terdapat di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*.

#### 4.7.1 Nilai Keadilan Melalui Sikap Adil Dan Saksama

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016), definisi adil adalah menyebelahi pihak yang jujur dan tidak berdusta, meletakkan sesuatu pada tempatnya dan menepati hak seseorang atau sesuatu manakala saksama pula merujuk kepada cermat, tidak berat sebelah, tidak menaruh prasangka dan adil. Sehubungan itu, sikap adil dan saksama dapat mewujudkan keharmonian dan dapat mengelakkan daripada berlakunya perselisihan faham dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, sikap adil dan saksama telah dipaparkan melalui cerita *Terhempasnya Zero Fighter Di Ti Lebar*.

##### Petikan 25

“Mereka telah mencadangkan agar ketua kampung dilantik bagi mewakili penduduk kampung yang lain untuk berurusan dengan tentera Jepun pada ketika itu. Mereka sebulat suara telah memilih Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung di Pengkalan Datu. Pak Wan Lebar dikagumi penduduk kerana mempunyai sifat seorang pemimpin selain mempunyai ilmu dalam bidang pendidikan kerana Pak Wan Lebar merupakan seorang guru disekolah sekular. Segala kemusykilan dan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung di situ akan dimaklumkan kepada Pak Wan Lebar.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:20)

Cerita *Terhempasnya Zero Fighter Di Ti Lebar* mengisahkan tentang penduduk kampung dan Pak Wan Lebar yang mempunyai sikap adil dan saksama. Sebagai contohnya, penduduk kampung telah bersepakat untuk melantik Pak Wan Lebar

sebagai ketua kampung dan orang yang dipertanggungjawabkan untuk berurusan dengan tentera Jepun. Selain itu, penduduk kampung tersebut memilih Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung kerana beliau mempunyai ciri-ciri seorang ketua dan mempunyai ilmu dalam bidang pendidikan. Dengan kelebihan ilmu yang dimiliki oleh Pak Wan Lebar akan memudahkannya untuk berurusan dengan tentera Jepun. Dalam konteks ini, sikap adil dan saksama ini diperlihatkan apabila penduduk kampung bersepakat dan sebulat suara ingin melantik Pak Wan Lebar sebagai seorang ketua.

Rentetan daripada itu, penelitian terhadap nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama adalah berpandukan pendekatan moral. Hal ini dikatakan, pendekatan moral adalah lebih kepada sifat pengalaman yang dilalui dalam kehidupan manusia. Buktinya dapat diperlihatkan melalui cerita *Terhempasnya Zero Fighter Di Ti Lebar* apabila penduduk Kampung Pengkalan Datu bersepakat sesama mereka untuk melantik Pak Wan Lebar iaitu seorang guru di sekolah sekular sebagai ketua kampung dan orang yang akan berurusan dengan tentera Jepun. Keputusan pemilihan Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung adalah keputusan semua dan secara tidak langsung ianya telah memberikan peluang kepada Pak Wan Lebar untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan di Pengkalan Datu. Oleh itu, dalam kehidupan secara bermasyarakat dan berkelompok seharusnya mempunyai sikap adil dan saksama kerana sikap adil merupakan pengukuh kepada kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Sikap adil dan saksama dalam membuat keputusan pula dapat mengelakkan daripada berlakunya pergaduhan dan ketidakpuasan sesama masyarakat.

#### 4.8 Nilai Keberanian

Sikap berani adalah sikap positif yang seharusnya dimiliki oleh setiap manusia.. Hal ini demikian kerana, ianya akan menjadikan manusia sebagai seorang yang kuat dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan perlindungan. Oleh itu, menurut Aboebakar Atjeh (1988:19) pula keberanian adalah tindakan yang yakin dan tidak was-was walaupun berada dalam situasi yang bahaya dan berisiko. Selain itu, berdasarkan pandangan Tajul Ariffin Nordin dan Nor'aini Dan (1992:33) terhadap definisi keberanian adalah kerelaan individu dalam mengharungi halangan dan rintangan dengan hati yang tenang dan tabah. Namun begitu, pendefinisian berani menurut *Kamus Dewan* (2016) adalah gagah, perkasa, tidak takut dan tabah menghadapi bahaya. Oleh itu, dalam kajian ini nilai keberanian akan dipamerkan melalui sikap mempertahankan hak.

##### 4.8.1 Nilai Keberanian Dalam Mempertahankan Hak

Menurut *Kamus Dewan* (2016), maksud tahan adalah tidak berubah keadaannya manakala maksud mempertahankan pula adalah berpegang teguh atau menjaganya supaya tetap dan kekal. Definisi hak pula adalah milik atau kepunyaan. Oleh itu, sikap mempertahankan hak adalah berusaha sebaik mungkin untuk mempertahankan hak milik atau kepunyaan atau masyarakat. Justeru itu, nilai keberanian dalam mempertahankan hak dapat dilihat melalui cerita *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik*.

###### Petikan 26

"Perkhabaran itu telah sampai kepada pengetahuan Temangi dan membuatkan Temangi berasa marah dengan perbuatan Parameswara. Lantas, Temangi telah bertindak menemui Parameswara yang sedang beradu di singgahsana. Dengan amarah yang meluap-luap Temangi telah berkata "Hey pendatang tak diundang, apakah yang kamu lakukan di negeri beta. Beta dengar kamu mahu membuat negeri di kerajaan beta. Apakah benar apa yang beta dengar?" Lantaran terkejut dengan tetamu tidak dikenali

itu telah membuatkan Parameswara marah kerana layanan yang diberikan terhadapnya dianggap mencemarkan maruahnya sebagai raja.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:32)

Kisah *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* telah menceritakan tentang Temangi mempunyai sikap yang berani dalam mempertahankan haknya sebagai pemerintah. Sebagai contohnya, Temangi telah bertemu dengan Parameswara setelah menerima perkhabaran bahawa Parameswara ingin menubuhkan pusat pentadbiran di negeri Temangi. Temangi berasa berang dan marah kepada Parameswara kerana Parameswara ingin membuat sebuah pusat pentadbiran tanpa meminta kebenaran kepada Temangi. Namun begitu, perbuatan yang dilakukan oleh Temangi dengan menyerang Parameswara itu telah mencetus kemarahan pada Parameswara kerana layanan daripada Temangi itu dianggap mencemarkan maruahnya sebagai raja. Temangi sanggup bertarung dengan Parameswara semata-mata untuk mempertahankan haknya daripada dirampas oleh Parameswara namun pertarungan itu telah menyebabkan Temangi tewas. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan nilai keberanian telah dipaparkan melalui Temangi dalam mempertahankan negerinya daripada dirampas oleh Parameswara.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan moral untuk menganalisis nilai keberanian melalui sikap mempertahankan hak. Hal ini bertepatan dengan fungsi pendekatan moral yang disebutkan oleh Hashim Awang (2002) iaitu pendekatan yang memberi gambaran kepada pengalaman yang dihadapi oleh setiap manusia serta maklumat yang diperolehi oleh setiap manusia dan persekitaran dalam kehidupannya sama ada memberikan impak yang positif maupun negatif. Sehubungan itu, menerusi nilai keberanian dalam mempertahankan hak jelas menunjukkan bahawa setiap manusia

atau ketua seharusnya menjaga dan mempertahankan sesuatu hak untuk menjaga kehormatan dan maruah diri mahupun masyarakat. Sebagai contohnya, dalam cerita *Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik*, Temangi sanggup berdepan dengan Parameswara setelah menerima perkhabaran bahawa Parameswara ingin membuat pusat pentadbiran dalam kerajaan Temangi. Dalam konteks ini, telah membuktikan bahawa Temangi mempertahankan kerajaannya sehingga mengakibatkan pertarungan yang hebat di antara Temangi dan Parameswara.

#### 4.9 Nilai Kerajinan

Rajin merupakan sifat yang menunjukkan seseorang yang bekerja atau bertindak dengan penuh minat dan cekap dalam melaksanakan tugas. Definisi rajin adalah suka belajar dan bekerja, giat, bersungguh-sungguh dan tekun. Berdasarkan pendefinisian yang dikemukakan oleh Jumali Hj. Selamat (2001:322) kerajinan merupakan usaha yang dilakukan secara berterusan dengan penuh bersemangat bagi mengecapi kejayaan dan kecemerlangan dalam kehidupan. Sehubungan itu, nilai kerajinan yang terdapat dalam kajian ini akan diselitkan melalui sikap gigih berusaha.

##### 4.9.1 Nilai Kerajinan Melalui Sikap Gigih Berusaha

Menurut pandangan daripada Peterson dan Seligman (2004), kegigihan merupakan tindakan secara sukarela yang dilakukan untuk mencapai sesuatu matlamat dan tujuan walaupun terpaksa menghadapi kesulitan, kekangan dan rintangan. Namun begitu, berdasarkan pentakrifian gigih yang terdapat dalam *Kamus Dewan* (2016) adalah keras hati, tegar hati, serta patuh pada pendirian dan makna kegigihan pula adalah keteguhan dalam mempertahankan pendapat manakala maksud kepada berusaha pula adalah bekerja dengan niat untuk mencapai dan menyempurnakan

sesuatu matlamat dengan sedaya upaya. Oleh itu, nilai kerajinan melalui sikap gigih berusaha ditunjukkan dalam cerita asal usul yang bertajuk *Asal Usul Datu, Kain Sutera Cina dan Keasyikan Suara Buluh Perindu*.

### Petikan 27

“Datu segera berlabuh dan mencari kawasan yang sesuai dan tumbuhan untuk merawat kecederaan yang dialaminya itu, ketika sedang merawat lukanya. Datu telah memerhatikan kawasan. Dia merasakan bahawa kawasan itu mampu untuk dijadikan kawasan btereduh untuknya. Dalam keadaan tercedera, Datu telah berusaha sedaya upaya untuk membersihkan kawasan bagi dijadikan kawasan penempatannya buat sementara waktu. Setelah hari hampir senja, barulah selesai pembersihan kawasan kediamannya dilakukan. Malam itu, Datu telah pergi untuk menangkap ikan bagi mengalas perut yang telah lama tidak menjamah makanan akibat peperangan.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:2)

Cerita *Asal Usul Datu* ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang bernama Datu yang bersikap gigih walaupun terpaksa menghadapi pelbagai halangan dan rintangan. Sebagai contohnya, dalam keadaan Datu yang sedang menanggung kesakitan, Datu dengan gigihnya berusaha mencari kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat btereduh. Selain itu, Datu juga berusaha mencari tumbuhan yang dapat merawat kecederaan yang dialaminya. Apabila menemukan kawasan yang sesuai untuknya btereduh, Datu membersihkan kawasan tersebut dan sebaik sahaja selesai kerja pembersihan itu, Datu pergi menangkap ikan untuk dijadikan juadah makan malamnya setelah sekian lama tidak menjamah makanan akibat peperangan. Oleh itu, jelas menunjukkan walaupun Datu mempunyai sikap gigih berusaha walaupun menanggung kesakitan yang teramat sangat. Sikap gigih berusaha yang ditonjolkan oleh Datu seharusnya dijadikan contoh dan tauladan kepada masyarakat Melayu.

### Petikan 28

“Setelah kecederaanya pulih, Datu telah membuat keputusan untuk tinggal di kawasan itu, lalu didirikan aktiviti pertanian, memungut hasil hutan dan menangkap ikan. Aktiviti itu dilakukan bagi menyara kehidupannya pada masa akan datang juga. Lama-kelamaan semakin ramai orang yang menetap di situ. Lalu, petempatan itu dijadikan sebuah kampung.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:2)

Kisah *Asal Usul Datu* yang juga mengisahkan tentang sikap gigih berusaha yang dipaparkan oleh lelaki yang bernama Datu. Sebagai contohnya, untuk menyara kehidupannya pada masa akan datang, Datu telah melakukan banyak aktiviti seperti pertanian, memungut hasil hutan dan menangkap ikan. Oleh itu, dengan sikap kegigihan yang dipamerkan oleh Datu telah membuatkan tempat perteduhan Datu sebagai sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Pengkalan Datu.

Selain itu, cerita *Kain Sutera Cina* juga memaparkan nilai kerajinan melalui sikap gigih berusaha.

### Petikan 29

“Keesokan harinya, menjelang subuh Hassan dan Hussin telah memasuki hutan belantara yang tidak tahu bagaimana keadaan di dalam hutan penuh dengan binatang buas itu. Mereka berdua bertekad mahu meneruskan perjalanan walaupun hujan renyai-renyai mulai turun membasahi bumi. Setelah jauh perjalanan mereka meredah hutan, akhirnya hari semakin senja. Mereka pun bercadang untuk berehat di tepi sungai. Seharian berjalan meredah hutan, akibat kepenatan mereka akhirnya terlena bersandarkan sebatang pokok yang besar.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:10)

Kisah *Kain Sutera Cina* pula menceritakan dua sabahat iaitu Hassan dan Hussin yang mempunyai nilai kerajinan melalui sikap gigih berusaha. Sebagai contoh, Hassan dan Hussin berusaha dengan gigih untuk mencari ubat dan penawar untuk keluarga Hassan yang mengalami kecederaan yang teruk. Walaupun terpaksa

mengharungi hujan renyai-renyai ketika perjalanan ke hutan belantara dan berdepan dengan ketakutan terhadap binatang buas di dalam hutan tersebut, namun mereka tetap gigih untuk mencari penawar tersebut. Oleh itu, sikap gigih berusaha yang dipaparkan oleh Hassan dan Hussin telah menemukan mereka dengan kain sutera yang boleh memberikan kesembuhan kepada keluarga Hassan.

Seterusnya, dalam cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* juga memaparkan tentang sikap gigih berusaha.

#### Petikan 30

“Di dalam kampung tersebut hanya tinggal seorang lelaki yang berusia lingkungan 17 tahun. Dia hidup dalam sebuah hutan belantara. Kehidupan lelaki itu diibaratkan seperti “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” untuk menyara kehidupan sehariannya. Lelaki ini tinggal sebatang kara dan rajin melakukan aktiviti harian seperti menebas semak samun, dan mencari buluh di hutan belantara untuk dijadikan tempat berteduh. Ketika waktu siang, dia memerah keringat dan membanting tulang empat kerat seorang diri di dalam hutan tersebut sambil ditemani pelbagai binatang-binatang yang tidak tahu daripada hutan mana asulunya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:28)

Cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* mengisahkan tentang seorang lelaki yang berusia lingkungan 17 tahun sikap gigih berusaha dalam meneruskan kehidupannya. Sebagai contoh, lelaki yang berusia lingkungan 17 tahun itu rajin berusaha dengan melakukan pelbagai kerja seperti menebas semak samun dan mencari buluh di hutan belantara. Selain itu, pada hari siang lelaki tersebut memenuhi masanya dengan memerah keringat dan membanting tulang untuk meneruskan kehidupannya. Dalam konteks ini telah menunjukkan bahawa lelaki tersebut mempunyai sikap yang gigih berusaha kerana rajin melakukan banyak kerja untuk kelangsungan hidupnya.

Sehubungan itu, dalam menganalisis nilai kerajinan melalui sikap gigih berusaha adalah bertunjangkan pendekatan moral. Justeru itu, menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih kepada pengalaman hidup yang diharungi oleh setiap manusia. Sebagai contohnya dalam cerita *Asal Usul Datu* sikap kegigihan dapat diperlihatkan melalui diri Datu yang gigih mencari tempat berteduh serta melakukan aktiviti seperti memungut hasil hutan dan menangkap ikan untuk meneruskan kehidupannya manakala dalam cerita *Kain Sutera Cina* pula sikap kegigihan ditonjolkan dalam diri Hassan dan Hussin yang sanggup memasuki hutan belantara yang banyak ancaman dan meredah hujan semata-mata demi mendapatkan penawar untuk kesembuhan keluarganya. Oleh itu, nilai kerajinan seharusnya dipupuk dalam kehidupan bermasyarakat untuk melahirkan masyarakat yang tidak mudah berputus asa dan sentiasa positif dalam hidup dan kerjayanya.

#### 4.10 Nilai Kerjasama

Perkataan kerjasama berasal daripada Latin iaitu ‘Cooperatio’ atau ‘Cooperationis’ yang bermaksud tindakan atau usaha bersama untuk mencapai tujuan bersama. Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor’aini Dan (1992) kerjasama merupakan sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat atau komuniti berganding bahu dalam mencapai sesuatu matlamat. Selain itu, berdasarkan pandangan daripada Robert L. Clisstrap dalam Roestiyah (2008), kerjasama merupakan suatu aktiviti yang dilakukan secara berkelompok atau berkumpulan bagi melaksanakan tugas secara bersama. Namun begitu, menurut Kamus Dewan (2016), kerjasama adalah sesuatu kerja atau usaha bersama. Selain itu, kerjasama merupakan sumbangan dari pelbagai cara seperti pendapat diantara satu pihak kepada pihak lain untuk mendapatkan keuntungan bersama. Oleh itu, nilai kerjasama dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Pengkalan Datu, Kelantan* dapat dilihat melalui sikap tanggungjawab bersama.

#### 4.10.1 Nilai Kerjasama Melalui Sikap Tanggungjawab Bersama

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2016) maksud tanggungjawab adalah suatu kewajipan yang digalas dan ditanggung oleh setiap individu manakala istilah bersama pula adalah bergandingan atau serentak dalam melakukan sesuatu perkara. Gabungan diantara dua perkataan tersebut, maka terjadi suatu istilah iaitu tanggungjawab bersama yang membawa maksud melakukan sesuatu perkara secara berkumpulan. Oleh itu, sikap tanggungjawab bersama sangat digalakkan dalam kehidupan bermasyarakat untuk memupuk semangat kerjasama dan menjauhi sikap mementingkan diri.

##### Petikan 31

“Penduduk kemudian ke rumah Pak Wan Lebar untuk memberikan cadangan kepada beliau agar masuk ke hutan pedalaman untuk mengesan di mana jet pejuang milik tentera Jepun yang terhempas itu. Penduduk kampung semua bersetuju dengan cadangan salah seorang penduduk itu. Mereka pun bergerak masuk ke hutan untuk mencari di mana jet pejuang itu terhempas. Semakin lama pencarian yang memakan masa berganti masa, matahari turut tenggelam, penduduk kemudiannya berehat seketika kerana malam sudah menjelma. Pencarian disambung keesokan harinya pula.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:21)

Cerita *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar* telah mengisahkan tentang masyarakat Pengkalan Datu yang mempunyai nilai kerjasama melalui tanggungjawab bersama. Sebagai contohnya, salah seorang penduduk kampung tersebut telah memberi cadangan untuk masuk ke dalam hutan pedalaman dan mencari serta mengesan di mana jet pejuang itu terhempas. Oleh itu, dengan semangat dan kerjasama di antara mereka sekumpulan telah membuat mereka menjumpai jet pejuang yang terhempas itu berdekatan dengan sebuah rumah milik penduduk bangsa Cina.

Seterusnya, dalam cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* juga memaparkan nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama.

#### Petikan 32

“Bukan sahaja gajah yang mati bahkan burung atau apa-apa binatang yang mendengar kemerduan suara buluh juga mati di tempat yang sama. Penduduk kampung kemudiannya bersepakat memindahkan bangkai-bangkai gajah yang mati untuk ditanam di dalam lubang yang telah digali. Setelah beberapa bulan digembarkan dengan kematian sekumpulan gajah-gajah di Pulau Gajah itu, tidak lagi kedengaran suara merdu yang datang daripada pokok buluh tersebut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:31)

Kisah *Keasyikan Suara Buluh Perindu* telah menceritakan tentang masyarakat Kampung Pulau Gajah mempunyai nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama. Sebagai contohnya, penduduk kampung tersebut telah bersepakat untuk menanam bangkai gajah yang mati itu ke dalam lubang yang telah digali. Mereka bekerjasama untuk melaksanakan kerja menanam bangkai gajah tersebut. Oleh itu, perbuatan tersebut telah membuktikan bahawa penduduk kampung tersebut mengetahui dan sedar tanggungjawabnya sebagai penduduk kampung demi menjaga kesejahteraan dan kebersihan kampung.

Di samping itu, dalam cerita *Asal Usul Datu* juga memaparkan tentang nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama iaitu sebagai seorang rakyat.

#### Petikan 33

“Pada ketika itu, kerajaan Thailand masih menerima ufti bunga emas daripada kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganu akan menghantar ufti bunga emas selang tiga bulan sekali sebagai tanda perlindungan di bawah kerajaan Thailand. Pengambilan bunga ufti tersebut telah dilakukan oleh pemuda ufti namanya Datu. Tugas ini diarahkan oleh Raja Thailand pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:1)

Cerita *Asal Usul Datu* ini mengisahkan tentang sikap tanggungjawab sebagai seorang rakyat. Sebagai contohnya, Datu akan pergi ke Terengganu untuk mengambil ufti daripada kerajaan Terengganu setiap tiga bulan. Tugasan mengambil ufti ini telah diarahkan Raja Thailand. Dalam konteks ini, telah terbukti bahwasanya Datu ialah seorang rakyat yang bertanggungjawab dalam setiap tugasannya yang diarahkan serta sanggup mengambil kedudukan dalam pasukan tentera panah untuk menyelamatkan kerajaan Thailand.

Tambahan pula, dalam cerita *Asal Usul Wakaf Aik* turut menceritakan tentang sikap tanggungjawab bersama sebagai penduduk kampung.

#### Petikan 34

“Pak Cu Abu tidak suka akan pergaduhan sesama mereka kerana dianggap sebagai sial bagi masyarakat Cina. Oleh itu, apabila terjadi sebarang pergaduhan akan diselesaikan dengan cara yang baik tanpa rasa dendam. Pernah suatu masa dahulu, Man dan Luq bergaduh kerana satu salah faham yang kecil dan telah berjaya dileraiakan oleh Pak Cu Abu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021: 3)

Kisah *Asal Usul Wakaf Aik* ini menceritakan tentang sikap tanggungjawab bersama sebagai masyarakat yang mahu menjaga keharmonian suasana kampung. Sebagai contohnya Pak Cu Abu telah meleraikan pergaduhan kecil di antara dua sahabat iaitu Man dan Luq. Pak Cu Abu akan mencari jalan penyelesaian yang terbaik kerana beliau tidak suka akan pergaduhan sesama sendiri. Dalam konteks ini, jelaslah bahawa sebagai masyarakat yang bertanggungjawab seharusnya mencari jalan penyelesaian tanpa menimbulkan perasaan negatif seperti berdendam sepertimana Pak Cu Abu yang bertanggungjawab untuk meleraikan pergaduhan Man dan Luq.

Selain itu, dalam cerita yang bertajuk *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* juga memaparkan tentang sikap tanggungjawab sebagai seorang ketua kumpulan.

#### Petikan 35

“Mail yang mendengar berita tersebut telah memberi tahu kepada rakan-rakan kumpulan yang lain jika mereka berminat untuk melibatkan diri dalam pertandingan tersebut. Kata Awang, “Apa kata kita cuba mana tahu ada rezeki kita menang, hadiah pun lumayan juga tu.” Semua bersetuju dengan cadangan Awang. Keesokan harinya, Mail sebagai ketua kumpulan pun pergi berjumpa dengan ketua kampung untuk memaklumkan niat mereka menyertai pertandingan dikir barat seterusnya menjadi wakil untuk Pengkalan Datu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:6)

Kisah *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu* menceritakan tentang nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama iaitu sebagai seorang ketua. Sebagai contohnya, Mail selaku wakil kumpulan telah bertemu Tok Ketua bagi menyatakan hasrat dan niatnya untuk melibatkan diri dalam pertandingan dikir barat antara kampung yang akan diadakan di Kota Bharu. Dalam konteks ini, telah menunjukkan bahawa Mail merasa bertanggungjawab untuk bertemu Tok Ketua dengan menyatakan hasrat kumpulan mereka dengan rela hati. Oleh itu, sikap yang ditonjolkan oleh Mail sewajarnya dicontohi oleh masyarakat untuk memudahkan sesuatu pekerjaan.

Seterusnya, cerita *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar* memaparkan sikap tanggungjawab sebagai seorang ketua.

#### Petikan 36

“Tidak lama kemudian, suasana menjadi sunyi sepi apabila matahari mula menyinari. Penduduk kampung mula berkumpul di balai raya. Satu mesyuarat bersama Pak Wan Lebar telah diadakan. Beliau menasihati penduduk agar tidak keluar rumah selepas jam 6 petang bimbang jika nanti ditangkap oleh tentera Jepun. Pak Wan Lebar juga memberitahu bahawa kawasan kampung mereka telah diisyiharkan darurat. “Segala perbincangan tidak mahu dilayan oleh tentera Jepun,” kata Pak Wan Lebar.”

Kisah *Terhempasnya Zero Fighter Jepun Di Ti Lebar* menceritakan tentang sikap tanggungjawab sebagai seorang ketua yang wujud dalam diri Pak Wan Lebar. Sebagai contohnya, Pak Wan lebar merupakan seorang ketua Kampung Pengkalan Datu kerana mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin dan mempunyai ilmu dalam bidang pendidikan. Pak Wan Lebar telah mengadakan suatu mesyuarat bersama penduduk kampung untuk menasihati penduduk kampung supaya tidak keluar rumah selepas jam 6 petang kerana bimbang akan keselamatan penduduk kampung. Dalam konteks ini, terbuktinya sikap bertanggungjawab seorang ketua melalui diri Pak Wan Lebar yang ingin menjaga kebijakan dan keselamatan penduduk kampungnya daripada ditangkap oleh tentera Jepun. Oleh itu, seorang ketua yang bertanggungjawab dapat memupukkan suasana yang harmoni dan sejahtera dalam kehidupan bermasyarakat.

Rentetan daripada itu, nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama adalah bertunjangkan kepada pendekatan kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana Hashim Awang (1994) menjelaskan bahawa pendekatan kemasyarakatan ini bukan hanya meneliti isu dalam masyarakat malah ianya juga merupakan suatu alat yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan keberkatan hidup bermasyarakat serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Sepertimana yang terdapat dalam cerita *Terhempasnya Zero Fighter Di Ti Lebar* dimana penduduk di kampung Pengkalan Datu berasa bertanggungjawab untuk mencari jet pejuang tentera Jepun yang terhempas itu. Dalam usaha pencarian tersebut mereka telah bekerjasama antara satu lain untuk menemukannya. Manakala dalam cerita *Keasyikan Suara Buluh Perindu* pula penduduk Kampung Pulau Gajah bekerjasama dalam memindahkan bangkai- bangkai gajah ke dalam lubang yang telah digali.

Sehubungan itu, terbuktilah bahawa masyarakat kampung Pengkalan Datu dan kampung Pulau Gajah mempunyai sikap bertanggungjawab dalam menjaga keharmonian dan keamanan kampung mereka. Oleh itu, dengan adanya sikap kerjasama dan bertanggungjawab dalam sesuatu kumpulan secara tidak langsung iaanya dapat menyelesaikan sesuatu perkara dan tugas dengan cepat dan pantas.

#### 4.11 Nilai Kesyukuran

Menurut Ghazali (1990: 731) syukur adalah suasana senang atau suka diatas sesuatu nikmat yang diberikan. Sungguhpun begitu, Choirul Mahfud (2014) pula telah berpendapat bahawa kesyukuran itu merupakan ucapan tanda terima kasih manusia dengan mengawal diri untuk tidak bersikap tamak dan berlebihan terhadap apa yang diperolehinya. Selain itu, maksud kesyukuran sepertimana yang terdapat dalam *Kamus Dewan* (2016) adalah rasa syukur iaitu suatu perasaan yang tidak dapat digambarkan. Namun begitu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah mentakrifkan erti syukur sebagai tanda berterima kasih dan kesederhanaan dalam mengharungi kehidupan dengan rezeki dan kurniaan daripada Allah. Oleh itu, dalam kajian ini nilai kesyukuran diselitkan melalui sikap merendah diri dan saling menghargai.

##### 4.11.1 Nilai Kesyukuran Melalui Sikap Merendah hati

Rendah hati bermaksud sikap yang tidak sompong, angkuh dan bongkak (*Kamus Dewan*, 2016). Dalam erti kata lain, sikap rendah hati adalah tidak menganggap dirinya lebih daripada orang lain, tidak mendabik dada dan tidak pandang hina terhadap orang yang tidak berpangkat. Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) sikap merendah hati adalah dapat melatih diri individu dalam mengawal dirinya supaya tidak bersikap sompong dan sentiasa bersederhana dalam

kehidupan. Tambahan pula, Ahmad Kusaeri telah memetik istilah rendah hati melalui buku *Aqidah Akhlak* dengan menyatakan bahawa rendah hati adalah sikap tidak sompong, mensyukuri kelebihan yang dimiliki, menerima segala nasihat yang baik dan mudah bergaul dengan orang lain. Oleh itu, sikap merendah hati telah disebutkan dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* melalui cerita asal usul yang bertajuk *Rumah Api Penyelamat Saudagar dan Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Setelah Kedatangan Raja Patani*.

### Petikan 37

“Kisah ini menceritakan bahawa dahulunya terdapat seorang saudagar yang kaya-raya. Hartanya melimpah ruah tidak dek makan oleh tujuh generasi. Orangnya lembut baik budi pekerti dalam setiap tutur kata dan perlakunya. Orangnya tidak sompong apabila berbicara dan masih mempunyai nilai hormat kepada masyarakat sekeliling biarpun beliau adalah seorang yang kaya-raya. Tutur kata yang sopan telah membuatkannya disegani oleh masyarakat kampung dan anak-anak kapal.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:22)

Cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* mengisahkan tentang seorang saudagar yang mempunyai sikap rendah diri. Contohnya, saudagar yang kaya-raya itu tidak sompong dan angkuh serta menghormati penduduk kampong tersebut. Walaupun saudagar tersebut mempunyai harta yang banyak akan tetapi saudagar tersebut menjaga perlakunya dan lembut budi pekertinya. Oleh itu, melalui sikap tersebut, jelaslah bahawa sikap merendah hati seharusnya ada dalam diri setiap manusia supaya dipandang mulia oleh manusia sepetimana masyarakat kampung tersebut dan anak kapal sangat menyegani saudagar tersebut.

Seterusnya, dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* menyebutkan tentang sikap merendah hati.

### Petikan 38

“Raja Patani turut bersama-sama berdikari dalam menjalani kehidupan yang mendatang. Walaupun baginda seorang raja, namun baginda sendiri turun ke kebun. Baginda sanggup turut sama berkebun hatta dalam keadaan matahari sedang memancar ke arah muka baginda. Kerajinan baginda terserlah walaupun peluh menitis ke seluruh tubuh baginda. Kesanggupan ini dilakukan dengan rela hati demi mengisi sesuap nasi ke mulut.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:27)

Cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* mengisahkan tentang seorang Raja Patani sentiasa bersikap rendah hati. Sebagai contoh, walaupun Raja Patani merupakan seorang raja, namun baginda sanggup berpanas terik untuk bersama-sama menjalani kehidupan mendatang dengan berkebun. Dalam konteks ini, jelas terlihatnya sikap rendah hati seorang raja yang sanggup melakukan kerja-kerja golongan rakyat untuk mengisi sesuap nasi walaupun secara hakikatnya baginda boleh mendapatkan apa yang diperlukannya dengan mudah.

Rentetan daripada itu, penelitian yang dilakukan dalam nilai kesyukuran melalui sikap rendah adalah bertunjangkan kepada pendekatan dakwah. Pendekatan ini bertepatan dengan nilai kesyukuran kerana berdasarkan pendefinisan pendekatan dakwah yang dinyatakan oleh Hashim Awang (2002) iaitu melontarkan persoalan terhadap keindahan, kesucian dan kelebihan islam. Sebagai contohnya, penerapan sikap rendah hati melalui cerita *Rumah Api Penyelamat Saudagar* ditonjolkan melalui diri saudagar kerana tidak sompong dan angkuh walaupun mempunyai harta dan cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* pula ditunjukkan melalui diri Raja Patani kerana sanggup mencemar duli untuk membantu rakyatnya membuat penempatan baru dan bercucuk tanam. Dalam konteks ini, telah membuktikan bahawa sikap rendah hati dapat melahirkan masyarakat yang berhati

mulia dan mempunyai pemikiran lebih progresif. Kesan daripada sikap demikian akan memjadikan seseorang itu disanjung dan dikagumi oleh masyarakat.

#### 4.11.2 Nilai kesyukuran Melalui Sikap Saling Menghargai

Istilah menghargai menurut *Kamus Dewan* (2016) adalah memberi penghormatan, pujian dan sanjungan terhadap sesuatu perkara atau di setiap pertolongan. Oleh itu, sikap menghargai setiap pertolongan atau bantuan yang dihulurkan sangat penting bagi mewujudkan kedamaian dan kebahagian bersama. Justeru itu, sikap saling menghargai dapat dilihat melalui cerita yang bertajuk *Asal Usul Babong, Pokok Tanjung Dan Alat Yang Bisu, Kain Sutera Cina, Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik dan Lipat Sanggul Petempatan Residen Britsih*.

##### Petikan 39

“Keperibadian Tok Babong lebih terserah apabila dia mempunyai sikap suka bergaul dengan masyarakat. Bahkan beliau juga banyak menceritakan kisah duka laranya kepada penduduk sekitar yang dianggap kawan. Pada masa kini, penduduk yang tinggal di perkampungan tersebut dikatakan adalah sebahagian daripada keturunannya. Justeru itu, bersempena dengan sikap baik yangh dimiliki, jasa, budi dan sanjungannya terhadap masyarakat setempat, maka kampung ini dikenali dengan nama Kampong Babong. Ia sebagai tanda menghormati Tok Babong selepas kematiannya.

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:5)

Kisah *Asal Usul Babong* ini menceritakan tentang masyarakat Kampung Babong yang mempunyai nilai kesyukuran melalui sikap menghargai. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat menamakan kampung tersebut sebagai Kampung Babong sebagai penghargaan dan penghormatan kedapa Tok Babong kerana memiliki keperibadian yang sangat baik dan mulia. Seperti yang dinyatakan dalam petikan, Tok Babong merupakan seorang lelaki yang sangat pemurah, suka membantu orang yang dalam kesusahan dan rajin. Oleh itu, sebagai manusia

seharusnya menghargai setiap pertolongan dan bantuan seseorang supaya ikatan yang terjalin itu menjadi semakin erat dan utuh.

Selain itu juga, dalam cerita *Kain Sutera Cina* juga memaparkan tentang nilai kesyukuran melalui sikap menghargai.

#### Petikan 40

“Hassan segera mengeluarkan kain sutera dan membalut luka itu pada bahagian betis tersebut. Beberapa jam kemudian, anggota keluarga tercedera itu memaklumkan bahawa lukanya telah kering dan hilang serta-merta. Keajaiban itu telah membuatkan semua orang terkejut dan menganggap ianya sesuatu yang pelik. Kain sutera itu kemudiannya disimpan oleh Hassan dan Hussin sebagai lambang kekuatan dan kemegahan keluarga mereka kerana memiliki sesuatu yang ajaib seperti itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:11)

Cerita *Kain Sutera Cina* ini mengisahkan tentang dua sahabat iaitu Hassan dan Hussin mempunyai nilai kesyukuran melalui sikap saling menghargai. Sebagai contohnya, Hassan dan Hussin menyimpan kain sutera itu dengan rapi dan baik kerana kain sutera itu merupakan lambang kepada kekuatan dan kemegahan keluarga mereka. Dalam konteks ini, telah menjelaskan sikap menghargai terhadap sesuatu barang. Menghargai sesuatu barang itu boleh dikatakan dengan menyimpan sesuatu barang itu di tempat yang selamat dan rapi supaya tidak rosak.

Seterusnya, cerita yang bertajuk *Penubuhan Dua Pentadbiran Temasik* juga menunjukkan tentang nilai kesyukuran melalui sikap menghargai.

#### Petikan 41

“Namun, Putera Mamat yang kalah teruk dengan kakandanya telah melarikan diri ke Terengganu dan menubuhkan kerajaan negeri di sana. Lalu, Putera Mamat bersetuju untuk menjalinkan hubungan tersebut. Hubungan itu akhirnya terjalin sehingga berlakunya penghantaran bunga emas. Bunga emas dikirimkan bagi menunjukkan tanda penghargaan kepada kerajaan

Siam yang sanggup menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Terengganu pada ketika itu.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:32)

Cerita asal usul *bertajuk Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik* menceritakan tentang nilai kesyukuran melalui sikap menghargai. Sebagai contohnya, kerajaan Terengganu telah mengirimkan bunga emas kepada kerajaan Siam sebagai tanda menghargai kerana sanggup menjalinkan hubungan baik pada ketika itu. Aktiviti sedemikian telah menggambarkan hubungan baik di antara kedua-dua pihak. Oleh itu, menghargai sesuatu perkara itu bukan sekadar melalui ucapan terima kasih, malah dengan menghadiahkan sesuatu benda juga dikira sebagai tanda penghargaan.

Tambahan pula, cerita *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* juga memaparkan sikap menghargai dengan ucapa terima kasih.

#### Petikan 42

“Melihat keadaan Cik Melah yang tidak sedarkan diri itu, segera Howard mengangkat Cik Melah lalu dibawa ke keretanya. Cik Melah segera dibawa ke hospital. Akhirnya, Cik Melah selamat daripada bisa ular itu. Cik Melah merasakan syukur dan berterima kasih kepada Pak Dollah dan Howard kerana menyelamatkannya. Setelah itu, Howard tinggal di Kampung Lipat Sanggul untuk seberapa waktu sebelum pulang ke British ke pangkuhan keluarganya.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:36)

Kisah *Lipat Sanggul Petempatan Residen British* telah menceritakan Cik Melah yang bersyukur dengan menghargai pertolongan daripada Howard. Contohnya, Cik Melah mengucapkan terima kasih kepada Howard kerana telah membawanya ke hospital dan tindakan Howard itu telah menyelamatkan nyawa Cik Melah. Selain itu, Cik Melah juga bersyukur kerana dirinya terselamat daripada bisa ular yang

mematuinya. Oleh itu, sikap menghargai yang diselitkan dalam cerita tersebut seharusnya dijadikan sebagai ikutan kepada masyarakat untuk terus bersyukur dan menghargai setiap jasa dan pertolongan yang dihulurkan oleh orang lain.

Sehubungan itu, penelitian terhadap nilai kesyukuran melalui sikap rendah hati dan saling menghargai adalah bertunjangkan pendekatan dakwah. Hashim Awang (2002) menyatakan pendekatan ini sesuai digunakan dalam menganalisis nilai kesyukuran kerana ianya menumpukan kepada persoalan yang dikaitkan dengan kebesaran dan keagungan Allah. Sebagai contohnya, dalam cerita *Pokok tanjung Dan Alat Yang Bisu, Kain Sutera Cina, Penubuhan Dua Pentadbiran Di Temasik dan Lipat Sanggul Petempatan Residen Britsih* telah menunjukkan bermacam kaedah untuk menghargai jasa dan pertolongan orang lain. Oleh itu, menghargai seseorang atau setiap pertolongan itu dapat diungkapkan melalui ucapan terima kasih, menjaga dan menyimpan sesuatu barang dengan rapi, memberikan hadiah atau ganjaran serta menjadikan setiap sikap dan pertolongan seseorang itu sebagai ingatan dan tauladan. Hal ini telah menunjukkan bahawa penulis telah membuktikan sikap saling menghargai adalah sikap yang sangat mulia dan seharusnya diamalkan oleh manusia dalam sebuah kehidupan.

#### 4.12 Nilai Semangat Bermasyarakat

Secara umumnya, semangat bermasyarakat merupakan kerelaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan. Seiring dengan pandangan daripada Jumali Selamat (2001), Hashim Musa (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) yang merumuskan bahawa semangat bermasyarakat adalah kesediaan dalam melakukan sesuatu perbuatan atau bantuan dengan tujuan untuk mewujudkan keharmonian dalam hidup bermasyarakat seperti saling bermuafakat, tolong-menolong serta

bantu-membantu sehingga dapat mendatangkan faedah dan kebajikan bersama dalam sebuah kehidupan. Oleh itu, berdasarkan pandangan daripada sarjana tersebut dapat dirumuskan bahawa semangat bermasyarakat sangat penting dalam kehidupan bagi mewujudkan suasana yang aman dan harmoni kerana kemakmuran dan keamanan sesebuah negara bergantung kepada keutuhan hubungan setiap lapisan masyarakat. Justeru itu, dalam kajian ini nilai semangat kerjasama diperlihatkan melalui sikap tolong-menolong.

#### 4.12.1 Nilai Semangat Bermasyarakat Melalui Sikap Tolong-Menolong

Menurut Dovidio dan Panner (2001), tolong-menolong merupakan suatu perbuatan yang bertujuan untuk mendatangkan keuntungan terhadap pihak lain. Begitu juga dengan pendapat daripada sarjana tempatan iaitu Norita Ariffin, (2006), Hashim Musa, (2008) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) berpendapat bahawa tolong-menolong merupakan suatu tindakan dengan menghulurkan bantuan kepada orang lain untuk kepentingan dan kebajikan bersama. Selain itu, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong adalah frasa ‘tolong-menolong’ ini dimaksudkan sebagai bantu-membantu atau saling membantu (*Kamus Dewan*, 2016). Sikap saling tolong-menolong merupakan suatu keperluan atau tindakan yang perlu ada dalam kehidupan manusia. Dari pandangan agama pula, tolong-menolong merupakan suatu sikap atau akhlak yang terpuji dalam agama islam. Oleh itu, semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong diperlihatkan dalam beberapa buah cerita asal usul yang bertajuk *Asal Usul Kampung Babong Simbolik Rebana, Musibah Di Kampung Pulau Gajah dan Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*.

##### Petikan 43

“Walaupun begitu, masih terdapat sifatnya yang baik hati dan pemurah telah menyebabkan masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut menghormati dan menyanjung tingginya. Diceritakan dahulu Tok Babong telah banyak

membantu golongan yang menghadapi musibah tak terduga. Beliau telah membantu mereka yang ditimpa kesusahan hidup sepanjang hayatnya ada.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:4)

Cerita *Asal Usul Kampung Babong* mengisahkan semangat bermasyarakat yang ditonjolkan oleh Tok Babong dengan sikap suka menolong orang lain. Contohnya, sepanjang hayatnya, Tok Babong suka menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang ditimpa sebarang musibah dan dihimpit kesusahan. Walaupun Tok Babong merupakan seorang yang berani dan panas baran akan tetapi sikapnya yang suka membantu telah membuatkan masyarakat menghormati dan menyenanginya. Oleh itu, jelaslah bahawa Tok Babong merupakan seorang yang baik hati kerana tidak mengabaikan penduduk yang memerlukan bantuan.

Seterusnya, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong dapat dilihat melalui cerita *Simbolik Rebana*.

#### Petikan 44

“Sikap saling bantu-membantu antara masyarakat ini tidak terhenti pada suatu majlis itu sahaja, sekiranya ada anggota masyarakat lain yang ingin mengadakan majlis mereka akan bersama-sama bermuafakat tanpa mengendahkan penat lelah yang dilalui sepanjang majlis tersebut walaupun tempoh masa untuk sesebuah majlis berlangsung adalah lama.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:19)

Kisah *Simbolik Rebana* pula menceritakan sikap tolong-menolong dalam kehidupan bermasyarakat. Sebagai contohnya, penduduk di Kampung Pulau Gajah saling membantu antara satu sama lain sekiranya ada diantara mereka yang ingin mengadakan kenduri atau sesuatu majlis. Penduduk di kampung tersebut juga tidak mengeluh kepenatan sepanjang berlangsungnya sesuatu majlis. Dalam konteks ini,

terbuktilah bahawa suasana yang harmoni ini terpancar melalui penerapan sikap tolong-menolong dalam masyarakat setempat.

Tambahan pula, dalam cerita *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* turut menyampaikan tentang sikap tolong-menolong.

#### Petikan 45

“Setelah mendapat persetujuan daripada Tok Penggawa, mereka saling membantu antara satu sama lain untuk membina penempatan mereka. Lalu penempatan Pulau Gajah Besar telah menjadi sebuah penempatan yang berkembang pesat kerana perhubungan yang utuh dalam masyarakat.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:25)

Kisah *Musibah Di Kampung Pulau Gajah* menceritakan tentang masyarakat Kampung Pulau Gajah Kecil mempunyai semangat tolong-menolong yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka saling bekerjasama dan bantu-membantu dalam membina sebuah penempatan yang baru untuk mereka. Sehubungan itu, dengan hubungan yang erat dan utuh telah membuatkan Pulau Gajah Besar sebagai satu penempatan yang berkembang pesat dan maju. Oleh itu, jelaslah bahawa sikap saling tolong-menolong dapat membangunkan, memajukan dan memberikan keuntungan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

Tambahan pula, dalam cerita *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Besar Selepas Kedatangan Raja Patani* turut menyampaikan nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong.

#### Petikan 46

“Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan pembesar dan rakyat yang masih setia kepada rajanya. Mereka menebas segala pohon-pohon yang tumbuh di hutan belantara untuk dijadikan tempat berteduh mereka hidup dalam suasana yang aman dan sentosa tanpa merasa takut dengan

peperangan yang berlaku di Patani pada ketika itu. Raja Patani pada ketika itu turut bersama-sama membantu mereka dalam menyiapkan penempatan mereka. Baginda sanggup mencemar duli dalam aktiviti bergotong-royong bersama-sama dengan rakyat jelata.”

(Mohd Firdaus Che Yaacob, 2021:26)

Kisah *Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani* menceritakan tentang Raja Patani yang bersikap menolong rakyatnya. Buktinya, Raja Patani dengan rela hati membantu rakyat jelata dalam aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan yang ingin didiami mereka. Selain itu, Raja Patani juga membantu rakyat-rakyatnya untuk membina penempatan baharu sebagai tempat untuk berlindung dan berteduh. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa Raja Patani sanggup mencemar duli untuk membantu rakyat-rakyatnya. Oleh itu, sikap Raja Patani yang suka membantu itu membuatkan kehidupan mereka lebih aman dan tenteram tanpa adanya perasaan takut pada peperangan yang berlaku di Patani.

Sehubungan itu, kajian terhadap nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong adalah bertunjangkan kepada pendekatan moral. Oleh itu, menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral lebih menekankan pengalaman yang dilalui dalam kehidupan manusia. Dalam konteks ini, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong dipaparkan melalui cerita *Asal Usul Kampung Babong Simbolik Rebana, Musibah Di Kampung Pulau Gajah dan Pengaruh Baharu Di Pulau Gajah Selepas Kedatangan Raja Patani*. Oleh itu, antara bentuk pertolongan yang ditunjukkan dalam cerita-cerita tersebut adalah seperti menghulurkan bantuan kepada orang yang menghadapi kesusahan, bencana serta saling tolong-menolong dalam membina penempatan baru.

#### 4.13 Penutup

Hasil daripada penganalisisan terhadap cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah memaparkan banyak nilai budi seperti nilai hormat-menghormati, baik hati, kerjasama, kesyukuran, bertanggungjawab, keberanian,kasih sayang, hemah tinggi, berdikari kerajinan dan keadilan. Oleh itu, penerapan nilai-nilai budi yang diselitkan dalam cerita-cerita asal usul dapat membantu dalam membentuk akhlak dan keperibadian yang mulia dalam kalangan masyarakat serta mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera.



## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian bab 5 ini, pengkaji akan merumuskan hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, pengkaji juga akan menyelitkan kesan atau implikasi yang diperolehi melalui topik yang dikaji serta mengemukakan cadangan yang terkandung daripada kajian yang dilakukan.

#### 5.2 Rumusan

Secara rumusannya, kajian yang dihasilkan dengan berpandukan cerita daripada buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* menumpukan kepada nilai budi. Oleh itu, nilai budi merupakan sesuatu yang sangat dominan dalam etnik Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana secara etimologi budi adalah suatu fikiran, perasaan, sikap, tingkah laku dan penampilan diri yang memperlihatkan adab, kesantunan serta akhlak yang baik dan mulia. Justeru itu, penerapan nilai budi dalam diri individu maupun masyarakat dapat membantu dalam pembentukan akhlak dan keperibadian yang baik. Oleh itu, nilai-nilai budi seharusnya dikekalkan dan dimanfaatkan dalam kehidupan seharian sebagai pedoman dan ikutan kepada khalayak.

Rentetan daripada itu, kajian ini telah menggunakan cerita asal yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Secara umumnya, cerita asal usul merupakan sebuah cerita rakyat yang wujud dalam masyarakat Melayu. Pada kebiasaanya, cerita asal usul menceritakan tentang asal kejadian sesuatu tempat, manusia dan peristiwa. Selain itu, cerita asal usul juga berfungsi sebagai salah satu sumber pendidikan, pengajaran dan kepuasan estetik. Oleh itu, cerita asal usul yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* mengandungi banyak sikap yang melambangkan nilai budi seperti belas kasihan, tolong-menolong, pemurah, pemaaf, bertimbang rasa dan bertolak ansur.

Disamping itu, naratif lisan pula adalah sebagai perantaraan yang masyarakat suatu masa dahulu dalam mendidik serta mengajar tentang prinsip kehidupan, adat dan pantang larang. Melalui penerapan nilai-nilai murni dan pengajaran. Naratif Lisan juga merupakan kesusastraan Melayu Tradisional yang disampaikan secara dari generasi ke generasi yang baharu. Berdasarkan pandangan Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), naratif lisan merupakan wadah untuk masyarakat Melayu dahulu mengajar anak-anaknya tentang prinsip hidup, adat, pantang larang dan kepercayaan. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah menfokuskan cerita asal usul. Secara umumnya, cerita rakyat mempunyai banyak nilai yang dijadikan contoh seperti nilai budi, nilai kemanusiaan, nilai keagamaan dan nilai murni. Oleh itu, pengkajian ini hanya melihat nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian cerita asal usul menjadi pilihan kerana mengandungi nilai-nilai budi yang dapat membentuk akhlak masyarakat

Akhir sekali, dalam kajian ini pengkaji telah mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Hashim Awang (1989) untuk menganalisis nilai budi. Hasil daripada penelitian tersebut hanya tiga pendekatan yang digunakan untuk dikaitkan dengan nilai budi dalam cerita asal usul. Pendekatan tersebut adalah pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Pemilihan terhadap penggunaan tiga pendekatan tersebut adalah bersesuaian dengan nilai budi yang dianalisis dalam kajian ini. Hal ini dikatakan kerana merujuk kepada pentakrifan ketiga-tiga pendekatan tersebut dimana pendekatan moral lebih kepada sifat pengalaman yang dilalui oleh manusia, pengetahuan yang diperolehi oleh manusia yang merangkumi kejiwaan, kepercayaan, kebudayaan, kebangsaan dan persekitaran manakala pendekatan kemasyarakatan pula adalah medium yang digunakan untuk mencari keberkatan hidup bermasyarakat serta mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan dalam diri seseorang individu. Adapun begitu pendekatan dakwah pula merujuk kepada persoalan yang berkaitan kesucian agama, kehebatan dan keagungan Allah. Justeru itu, Teori Pengkaedahan Melayu juga adalah antara teori yang berkait rapat dengan nilai keagamaan yang sememangnya menjadikan keutamaan masyarakat Melayu. Oleh itu, dengan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu sedikit sebanyak dapat mengukuhkan nilai-nilai yang berkaitan dengan masyarakat Melayu.

### 5.3 Implikasi

Dalam bahagian ini, implikasi yang diperolehi berdasarkan penganalisisan terhadap dapatan kajian yang telah dilakukan. Oleh itu, implikasi yang diperolehi terhadap kajian ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu implikasi kepada pengkaji, implikasi kepada masyarakat dan implikasi kepada pelajar.

Implikasi kajian ini memberikan sangat memberikan kesan kepada pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkajian terhadap nilai budi dalam cerita asal usul adalah dapat membantu pengkaji dalam memahami bidang kesusastraan terutamanya dalam cerita rakyat. Hal ini kerana, pengkaji akan mencari maklumat dan mengetahui jenis-jenis yang terkandung dalam cerita rakyat seperti cerita asal usul. Oleh itu, dengan adanya kajian sedemikian secara tidak langsung ianya akan menggalakkan para pengkaji untuk terus menerokai dan memahami cerita asal usul melalui nilai-nilai, pengajaran dan keindahan estetiknya.

Selain itu, implikasi yang diperolehi oleh pengkaji melalui kajian ini adalah pengkaji dapat menambah ilmu pengetahuan terhadap asal kejadian sesuatu tempat atau peristiwa. Sebagai contohnya, dalam cerita asal usul melalui *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* asal terjadinya nama Kampung Babong adalah disebabkan penghormatan dan penghargaan penduduk kampung terhadap seorang lelaki yang bernama Tok Babong yang banyak memberikan sumbangan dan jasa kepada masyarakat kampung tersebut.

Selain itu, kajian ini juga telah memberikan implikasi dan kesan kepada golongan masyarakat. Pengkajian terhadap nilai budi dapat dijadikan sebagai sumber kedua kepada masyarakat dalam membentuk ketamadunan dan kebudayaan yang tinggi

nilainya. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam menghadapi kehidupan yang moden penerapan nilai-nilai seperti nilai di sangat dititikberatkan dalam melayari kehidupan yang penuh dengan cabaran dan pancaroba. Walaupun nilai budi dianggap sesuatu yang remeh dalam kalangan masyarakat, namun ianya menyampaikan nilai dan kesan yang amat besar dalam kehidupan seharian kerana setiap sikap yang terdapat dalam nilai budi akan melambangkan keperibadian seseorang individu. Sehubungan itu, penerapan nilai-nilai budi yang diselitkan dalam cerita asal usul jelas menunjukkan masyarakat Melayu suatu ketika kaya dengan nilai-nilai yang baik dan wajar dicontohi.

Akhir sekali, implikasi kajian ini juga berkesan kepada golongan pelajar. Hal ini dikatakan kerana pengkajian dalam bentuk akademik ini sesuai dijadikan sebagai rujukan dalam pelajaran dan penyelidikan. Berdasarkan kajian ini golongan pelajar boleh menjadikannya sebagai sumber rujukan dalam melakukan kajian atau penyelidikan baru dengan meneliti dan memahami aspek-aspek yang terkandung dalam kajian ini seperti pendefinisian, nilai-nilai budi serta huraian tentang cerita asal usul. Oleh itu, hasil kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu golongan pelajar sekaligus dapat memberikan manfaat kepada pengguna untuk menghargai dan menjadikannya sebagai sumber rujukan.

#### 5.4 Cadangan

Setelah melakukan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dapat membantu dalam usaha membentuk akhlak masyarakat. Kajian terhadap nilai budi dalam cerita asal usul berpotensi untuk terus berkembang dalam masyarakat Melayu pada masa kini. Justeru itu, terdapat beberapa cadangan akan dikemukakan untuk terus memelihara cerita asal usul melalui penerapan nilai budi.

Antara cadangan yang diusulkan adalah memupuk nilai budi melalui cerita-cerita rakyat kepada kanak-kanak. Secara umumnya, kanak-kanak ialah golongan yang belum mencapai usia baligh. Selain itu, kanak-kanak juga boleh dibentuk akhlaknya dengan mudah oleh ibu bapa. Oleh hal demikian, dalam membentuk akhlak dan keperibadian kanak-kanak ibu bapa boleh menggunakan kaedah psikologi dengan membacakan atau memberikan buku-buku cerita yang mengandungi nilai-nilai budi. Hal ini dikatakan kerana setiap bahan bacaan atau cerita-cerita rakyat yang mengandungi nilai dan pengajaran di dalam penceritaannya mampu mempengaruhi pemikiran kanak-kanak kearah kebaikan. Sebagai contohnya, kanak-kanak akan berpendapat bahawa sekiranya mereka berbuat baik kepada orang lain maka mereka akan mendapat balasan yang baik seperti disayangi dan disukai oleh masyarakat sekeliling. Justeru itu, ibu bapa juga boleh menerapkan nilai-nilai budi dalam mendidik dan membentuk akhlak kanak-kanak dengan menyatakan pengajaran disebalik perbuatan baiknya.

Cadangan yang seterusnya adalah memartabatkan cerita asal usul atau cerita rakyat dalam institusi pendidikan. Hal ini kerana institusi pendidikan merupakan tempat yang paling sesuai untuk mendedahkan bidang kesusasteraan terutamanya cerita-cerita asal usul. Sebagai contohnya menjadikan kesusasteraan sebagai salah satu modul

pembelajaran di sekolah mahupun universiti. Dalam modul tersebut, pelajar perlu meneliti dan mencari nilai-nilai, pengajaran, teknik plot watak dan perwatakan serta makna tersirat yang terkandung dalam cerita asal usul. Selain itu, pihak institusi juga boleh mengadakan program-program yang menumpukan cerita-cerita rakyat seperti webinar, pertandingan bercerita dan pertandingan menulis puisi yang bertemakan cerita asal usul. Oleh itu, usaha sedemikian dapat memartabatkan cerita rakyat dalam kalangan masyarakat.

Cadangan yang terakhir memartabatkan cerita rakyat melalui teknologi multimedia. Seiring dengan kecanggihan dan kemodenan teknologi, cerita rakyat atau cerita asal usul dapat diperkembangkan melalui pelbagai kaedah. Sebagai contoh, individu yang mahir dalam teknologi boleh mewujudkan suatu aplikasi yang mengandungi pelbagai jenis cerita-cerita yang termasuklah asal usul. Hal ini dapat memberikan kemudahan kepada pengguna atau pembaca untuk mendapatkan bahan bacaan. Selain itu, pihak-pihak penerbit juga boleh menghasilkan cerita-cerita rakyat seperti cerita asal usul dalam bentuk animasi atau visual sepetimana kemunculan animasi *Upin & Ipin*, *Omar & Hana* serta *Pada Zaman Dahulu*. Kaedah demikian dapat menarik perhatian masyarakat terutamanya kanak-kanak kerana pada kebiasaanya kanak-kanak lebih suka kepada sesuatu yang bergambar, bergerak dan bewarna-warni. Oleh itu, berdasarkan kaedah sedemikian secara tidak langsung ianya dapat memelihara dan memartabatkan cerita asal usul atau cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun teknologi multimedia semakin canggih dan berkembang.

## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan berdasarkan cerita asal melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah memaparkan nilai budi seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kerajinan, kerjasama kesyukuran dan semangat bermasyarakat. Selain itu, penggunaan tiga pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu telah mengukuhkan lagi kajian terhadap nilai-nilai budi dalam cerita asal usul. Hasil daripada penelitian yang dilakukan terhadap cerita lisan, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan nilai-nilai budi yang dapat membentuk keperibadian akhlak sebuah masyarakat sejak suatu masa dahulu. Oleh itu, diharapkan melalui penerapan nilai budi dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai keperibadian yang baik dan mulia hingga masa kini. Selain itu, sebagai pengkaji pula mengharapkan agar karya-karya sastera seperti naratif lisan terus dipelihara agar tidak terus lenyap dalam masyarakat Melayu masa kini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlaq dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Ali Ahmad (1994). *Pengantar Pengajian Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azam & Arba'ie Sujud. (2017). Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman : Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Languange Education and applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- Adidah Abd Ghani (2018). *Peranan SriKandi Melayu: Suatu Penelitian Terhadap Watak-Watak Terpilih dalam Cerita Rakyat Melayu di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Atikah Mohd Noor, Shahril Nizam Sha'ri, Phd & Rohaidah Kamaruddin, Phd (2018). Nilai Murni Dalam Cerita Sang Kancil. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1).
- Che Abdullah Che Ya (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2).
- Dorson (1973). *Folklore and Folklife: An Introduction*. Chicago: The Universiti of Chicago.
- Ezatull Fadtehah Hедel & Mary Fatimah Subet (2020). Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda": Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*, 3(2), 147-160.
- Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria (2021). Fungsi Binatang Dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Humanities, Philosophy And Languange*, 4(3), 37-58.
- Fadzilah Kassim & Norazimah Zakaria (2021). Fungsi Tumbuhan Dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Humanities, Philosophy And Languange*, 4(13), 59-77.
- Fifi Rinyuk (2017). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian*. Doctoral Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humaira Mohd (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Haji Salleh (1995). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu dalam pengarang, Teks dan Khalayak*. (Sahlan Mohd Saman, Ed.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Awang (1995). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1997). *Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang (1999). Teori Sastera Sendiri Pengkaedahan Melayu. Seminar Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Subang USJ, 19-20 September.
- Hashim Awang (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Riveria Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hazrul Mazran Rusli (2018) Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 5(1), 43-56.
- Imam Ghazali (1990). *Bimbangan Mu'minin*. 7<sup>th</sup>ed. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Imam Al-Ghazali (2002). *Kesantunan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid (1987). Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama. Petaling Jaya: Longman
- Jules Henry (1975). *Definition of Values*. New York: Vintage Book.
- Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya (2019). Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 13*, 19-36.
- Kamus Dewan (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Minah Sintian (2015). *Nilai-Nilai Kearifan Lokal Dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita Rakyat Melayu : Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and applied Linguistics (IJLEAL)*, 91-100.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Suatu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *Open Journal System Univercity Malaysia Kelantan*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Tesis Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development Volume*, 48-57.

- Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Cadangan Memartabatkan Cerita Rakyat. *Seminar Budi dan Nilai Murni. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.*
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Impak Cerminan Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat. *Seminar Budi dan Nilai Murni. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.*
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and applied Linguistics (IJLEAL)*, 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu : Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*. 5(2), 67-74.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*. 5(2), 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Nazri Abdul Rahman (PhD), Mariani Md Noor (PhD), Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 5(2).
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2018). Penerapan Konsep menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *My Jurnal- Citattionand Infometrics Division*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Suatu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu*. Penerbit UMK.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Penerbit UMK.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu*. Penerbit UMK.

Mohd Nazri Abdul Rahman, Aishah Abdul Malek & Muhammad Asyraf Mansor (2021). Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Sains Insani* 6(1), 91-98.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.

Mohd Taib Osman (1976). Pendokumentasian Sastera Rakyat dan Sastera Daerah Malaysia. *Dewan Sastera*. 7: 39-41.

Muhammad Safwan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *JMS*, 1(1), 296-329.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Sosiod budaya Kanak-Kanak Menerusi Cerita Rakyat Melayu. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA* 8(2): 16-27 (2021).

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu : Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, bil 20 (1), 1675-7513.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Languange, Education and Literature*, 12(1), 11-25.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Languange Education and applied Linguistics (IJLEAL)*.48-56.

Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Kamal Basyah Sallehuddin (2021). Dokumentasi Tradisi Cerita Lisan dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu di Sarawak untuk Persembahan Teater. *Advance in Humanities and Contemporary Studies* 2(2), 34-41(2021).

Mustafa Hj. Daud (1995). *Kesantunan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Pendidikan Anak- Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda. *Manu : Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 103-129.

Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016). Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*. 4(2),37-43.

Noorzatulhidayah Bt Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal & Nasirin Abdillah (2020). Ritual Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29.

Noraiani Abd. Shukor (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Universiti of Malaya.

Norita Ariffin (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Normaliza Abdul Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 12-21.

Normaizatul, Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks SosioEkonomi dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Peliti Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 167-187.

Nur Shahirah Othman (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, 19 (2).

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2020). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-15.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.

Peterson & Seligman (2004). *Character Strengths and Virtues: A Handbook and Classification*). New York: Oxford University Press.

Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Sajak-Sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 29, 2018.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018). mengenai Introspeksi dalam 77 Tuju : Siri Ingatan Kepada Kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.

Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.

Roestiyah (2008). *Strategi Belajar Mengajar*. Jakarta: Rineka Cipta.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2).

Siti Zuhaidah Zakeria (2015). *Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih Dalam Majalan Dewan Pelajar*. Doctoral Dissertation, Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Muhammad Affendi (2016). Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur dalam Cerita Rakyat untuk Kanak-Kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*. 4(1), 93-103.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal of Malay Language Education and Literature* 12(2), 67-69.
- Tengku Intan Marlinar Tengku Mohd Ali (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu*, 15(1).
- Teuku Iskandar (1970). *Kesantunan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan : Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Wan Abdul Kadir (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Masfami Enterprise.
- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz (2018). *Cerminan Pemikiran Masyarakat Melayu yang Terpilih dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* (2015). Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Zaidi Daud (1996). *Kesantunan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Biodata Penulis



Nama diberi ialah Nur Anis Izzatti Binti Noridzulhata dan merupakan anak kelahiran Pahang. Dilahirkan pada 6 Julai 1999 di Hospital Bentong dan kini penulis berusia 23 tahun. Penulis merupakan anak pertama daripada dua orang adik beradik. Penulis juga menetap di Kampung Bukit Gajah, Pelangai, Bentong. Memulakan alam persekolahannya di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tentera (2006-2007), Sekolah Kebangsaan Batu Kapor (2008-2009) dan Sekolah Kebangsaan Pelangai (2010-2011). Kemudian penulis menyambung pendidikannya di Sekolah Menengah Agama Pelangai (2012- 2016) sebelum mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia di Sekolah Menengah Agama Padang Tengku (2017). Kini penulis menuntut di Universiti Malaysia Kelantan dalam kursus Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Matlamat hidup pengkaji adalah mencapai cita-cita yang diidamkan serta membanggakan dan memberi kesenangan kepada ibu bapa.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN